

"DEMI untuk mencapai matlamat e-Kerajaan, pihak Institut Perkhidmatan Awam telah pun diamanahtakan untuk menjalankan program-program latihan ICT." - Titah sempena Hari Keputeraan baginda ke-57 tahun pada 15 Julai 2003.

Pelita BRUNEI

قلیتا برونی

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DARI Anas bin Malik Radiallahuanhu is berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyebut tentang dosa-dosa besar (atau Baginda ditanya tentang dosa-dosa besar), maka Baginda bersabda : Menyekutukan Allah, membunuh manusia dan derhaka kepada kedua ibu bapa." - Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Inam Muslim.

TAHUN 49 BILANGAN 50

RABU 15 DISEMBER 2004/1425 رابو 3 ذوالقعدة

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Jenazah bagi Allahyarham Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof.

Berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Maharaja Lela

Oleh Samle Hj. Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja

Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang telah kembali ke rahmatullah malam semalam di Kampung Telanai, dekat sini.

Lihat muka 3

Menerima junjung ziarah bakal jemaah haji

Oleh
Haji Jaafar Ibrahim
dan Siti Aishah HS

menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji secara berasingan di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman di sini hari ini.

Baginda bersama anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah bakal jemaah-jemaah haji lelaki dari pelbagai peringkat umur yang akan menunaikan fardu haji di Kota Suci Mekah bagi musim haji tahun 2004.

Lihat muka 2

Cintai perdamaian

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 11 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, usaha-usaha pengakap dan anggotanya di seluruh dunia amat berharga dalam mempromosikan kecintaan terhadap perdamaian melalui persefahaman antara budaya, terutama sekali sikap toleransi di kalangan para belia seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perasmian baginda di Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 Isnin lalu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersabda demikian ketika berkenan merasmikan penutupan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, dalam dunia yang semakin berpecah-belah, usaha terhadap kecintaan

aman damai melalui persefahaman di kalangan belia mungkin merupakan warisan yang paling ulung yang dapat disumbangkan oleh pergerakan pengakap kepada dunia dan penduduknya.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, penyertaan yang padu dari pengakap tempatan bekerjasama dan berganding bahu bersama rakan serantau mereka telah menunjukkan dengan jelas semangat bekerjasama dan setia kawan dalam pergerakan pengakap yang kekal dan kukuh, di samping dapat berkongsi pengalaman dan kebijaksanaan serta komitmen dalam mengekalkan kesatuan yang mempunyai nilai yang penting dalam menyatukan masyarakat dunia.

Keberangkatan tiba DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali dan Ketua Pengakap PPNBD, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain serta Pengerusi Jawatankuasa Penganjur.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan : Menjelamkan Brunei yang aman makmur lagi sejahtera

- Muka 2

Gambar-gambar sekitar junjung ziarah bakal jemaah haji di Istana Nurul Iman

- Muka 4 dan 5

Laporan dan gambar-gambar Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21

- Muka 8 dan 9

Rencana :

JKR komited untuk terus berkembang

- Muka 1 ANEKA

Zina menimbulkan masalah kepada masyarakat dan negara

- Muka 3 ANEKA

Cuti Sekolah - Masa terbaik melakukan kegiatan berfaedah,

berkebajikan

- Muka 10 ANEKA

Sumbangan dan Jasa Pahlawan-pahlawan Mukim Saba Dalam Menegakkan Kesultanan Brunei

- Muka 11 ANEKA

Cerpen -

Janda Meletup

- Muka 12 ANEKA

TAHUKAH AWDA

KAWASAN Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) merupakan zon perdagangan bebas dalam kalangan negara ASEAN. Idea penubuhan AFTA bermula semasa Persidangan ASEAN Ke-4 dalam tahun 1992. Antara objektif AFTA ialah mengurangkan dan membatalkan kadar tarif perdagangan intra-ASEAN antara kosong peratus hingga lima peratus pada tahun 2003 dalam kalangan enam negara asal ASEAN, Viet Nam pada 2006, Myanmar pada 2008 dan Kemboja pada 2010 dan membatalkan halangan kuantitatif serta halangan bukan tarif produk barangan yang tersenarai dalam perjanjian merangkumi minyak sayuran, bahan kimia, baja, barangan berasaskan getah, kertas, perabot kayu, rotan, permata, simen, barangan elektrik, plastik, barangan kulit, kain, barangan kaca dan barangan berasaskan tembaga.

- Sumber: DEWAN MASYARAKAT, Disember 2004, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka (2004 : 39 & 40).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji di Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah. - Gambar-gambar oleh Haji Ariffin HMN dan Pg. Rafee PDPHM. (Lagi gambar-gambar dimuatkan di muka 4 dan 5).



15 DISEMBER 2004 BERSAMAAN 1425 3 ذوالقعدة

PERANCANGAN STRATEGIK PENTING MEMBANTU HALA TUJU ORGANISASI

PERANCANGAN strategik merupakan salah satu alat pengurusan yang dapat membantu sesebuah organisasi untuk bergerak dan mencapai matlamat yang sama. Dalam erti kata yang lain ia berfungsi sebagai 'management tools' bagi menilai dan mengubah suai hala tuju organisasi berlandaskan perubahan persekitaran. Ke arah itu Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku 'indung' kepada kementerian-kementerian dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melancarkan perancangan strategiknya bermula dari 2005 hingga 2014. Pelancaran itu merupakan satu lagi usaha berterusan JPM untuk meningkatkan kewibawaan dan kredibiliti kerajaan bagi membawa Negara Brunei Darussalam menjurus ke tahap kemajuan yang lebih cemerlang lagi di masa akan datang. Ini juga selaras dengan peredaran era globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang memerlukan setiap Perkhidmatan Awam bergerak lebih maju, responsif dan progresif.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Pekerma Diraja Dato Paduka Haji Hazair ketika melancarkan perancangan strategik JPM itu menegaskan bahawa wawasan atau visi adalah amat perlu bagi menghadapi cabaran di masa akan datang di samping memberikan arah tuju bagi memperkukuh dan menyatupadukan tenaga ke arah pembaharuan yang telah dan sedang diusahakan oleh Perkhidmatan Awam sesuai dengan peredaran zaman. Ini menuntut setiap kementerian dan jabatan kerajaan perlu menyediakan perancangan strategik masing-masing yang komprehensif yang semestinya selaras atau sejajar dengan hasrat, wawasan dan aspirasi negara.

Sebenarnya perancangan strategik perlukan kepimpinan dari semua kalangan Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan semua kementerian untuk melaksanakannya. Mereka diakui mempunyai sikap boleh membantu agensi masing-masing menuju wawasan yang dituju. Ramuan yang perlu agar setiap mereka berinteraksi, bekerjasama dan memupuk nilai-nilai kepimpinan iaitu bersikap positif, proaktif, inovatif, minda terbuka dan berkeupayaan untuk menjadikan idea menjadi kenyataan di samping komited dan penuh bertanggungjawab dalam usaha mensejajarkan lagi dasar kerajaan.

Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menegaskan bahawa kepimpinan tidak merujuk faktor usia tetapi merujuk kepada minda besar yang mampu melahirkan idea yang bernas dan seterusnya menjadikan idea berkenaan kenyataan dalam bentuk perancangan dan pekerjaan. Yang paling berharga dalam kepimpinan itu ialah idea besar atau pemikiran yang boleh menjana kemajuan dan mengurus serta membangunkan negara. Kepimpinan adalah perlu bagi memastikan survival bangsa dan negara di samping kewujudan untuk bersaing dengan negara-negara lain.

Ini juga bermakna, dalam perancangan tersebut, kita perlu mengetahui dengan jelas dan telus mengenai objektif organisasi, menyedari akan sumber-sumber organisasi dan meng'incorporate' kedua-duanya agar lebih responsif kepada persekitaran dinamik serta memantau perancangan strategik secara berterusan. Dan yang lebih penting menumpukan perhatian sepenuhnya masa kepada 'core business' masing-masing. Dalam hubungan ini, ia memerlukan penelitian visi, misi dan matlamat serta peranan supaya menjadi lebih jelas dan tepat tanpa terdapat sebarang pertindihan atau duplikasi dalam merancang sesuatu projek dan pembangunan.

Pensejajaran ataupun 'alignment' ke arah visi dan misi serta matlamat yang sama memerlukan komitmen semua pihak untuk merancang dan mengambil langkah-langkah bersepadu di dalam agensi masing-masing, di samping mengadakan usaha sama, koordinasi dan memberikan kerjasama kepada pihak berkenaan dalam merealisasikan cita-cita dan hasrat murni kerajaan selama ini. Pelaksanaan perancangan strategik yang berkesan banyak memberikan manfaat dan faedah yang sangat besar kepada sesebuah organisasi. Antaranya ialah meningkatkan produktiviti, dapat menyelesaikan masalah besar dalam organisasi dan dapat mewujudkan goal dan objektif yang realistik selaras dengan misi yang ingin dicapai.

Pada kesimpulannya, perancangan strategik ternyata dapat melahirkan keputusan yang penting dalam membantu hala tuju kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan ke arah merealisasikan cita-cita besar kerajaan dan negara di masa depan. Setiap pemimpin dan semua pihak perlu bertanggungjawab dan bersikap inovatif bagi memastikan bangsa dan negara tidak ketinggalan dari segi kemajuan, teknologi dan sosial kerana tanpanya negara akan terkeluar dari gelanggang persaingan. Secara total, keberkesannya memerlukan kepimpinan yang mana jika kepimpinan itu lemah dan tidak berwawasan, boleh mengurangkan mutu kerja atau mungkin menggagalkannya sama sekali.

HALUAN...

MENJELMAKAN BRUNEI YANG AMAN MAKMUR LAGI SEJAHTERA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Mula-mula beta ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur di atas kejayaan untuk kali kedua menganjurkan majlis yang seumpama ini. Ia adalah sangat bermakna untuk melakar semangat, sesuai dengan 'Hari Besar', 'Aidilfitri' yang mulia.

Pada kali ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menampilkan pula para achievers dari seluruh negara sebagai pesertanya. Usaha ini sungguh baik untuk mencetuskan ilham dan idea, bagaimana 'orang-orang lama' patut dicontohi atau setidak-tidaknya dihargai. Mereka adalah wira suatu zaman yang tidak boleh diabaikan. Mereka itu berjaya adalah hasil daripada keazaman dan cita-cita yang tinggi.

Terhadap generasi baru dan masa kini, mereka adalah pelopor atau pengasas. Kerana itu jika kita berjaya, maka kejayaan itu adalah kejayaan bersama.

Mereka sama sekali tidak dilupakan. Mereka telah mengharumkan nama negara. Mereka telah pun awal menyingsing lengan sebelum kita, di mana hasilnya sama-sama dikecapi.

Ini lah namanya jasa dan orang berjasa adalah mulia.

Negara Brunei Darussalam turut membuktikan, bahawa ia juga mampu melahirkan para tokoh, karyawan profesional dan jaguh dalam pelbagai bidang. Kemampuan ini mestilah berkekalan jika kita menginginkan masa depan negara yang terus gemilang.

Tidak ada batas waktu untuk maju. Semuanya adalah terbuka dan bersedia untuk dilalui. Hanya kita sahaja, sama ada ingin merebut ataupun tidak peluang-peluang pembangunan yang ada.

Selaku generasi penerus, kita mestilah lebih berupaya dan lebih gigih, kerana era kita adalah merupakan era yang lebih merembes daripada sebelumnya.

Kalau sebelum ini kita menghadapi kontroversi pandangan dunia terhadap negara ini, di mana sekarang ianya kian me-

mihak kepada kebenaran, tetapi dalam masa yang sama kewajipan belumlah habis lagi sehingga negara mencapai semaksima matlamatnya.

Apakah matlamat negara itu?

Yang terpenting ialah menukarkan sepenuhnya persepsi dan tanggapan negatif orang lain terhadap kita, di samping menjelmakan nilai-nilai kemakmuran dan kesejahteraan yang direndai oleh Allah.

Kita gunakan ungkapan 'diredai oleh Allah' ini, kerana kemakmuran dan kesejahteraan itu boleh sahaja diperolehi dengan redha Allah, yang dalam pelbagai cara, termasuk dengan cara membelakangi nilai-nilai agama.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 21 Syawal 1425/4 Disember 2004 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Adapun kemakmuran dan kesejahteraan yang menyalaikan nilai-nilai agama itu, tidak akan dapat bertahan lama, kerana ia sebenarnya kosong daripada berkat dan apa pun juga yang ketandusan berkat tidak akan dapat menghasilkan kebahagiaan sejati.

Oleh kerana itu, di kesempatan ini, beta berharap supaya para achievers akan dapat bersama-sama dengan kita semua mengemblem tenaga dan usaha bagi menjelmakan sebuah Negara Brunei Darussalam yang benar-benar makmur lagi sejahtera di bawah reda Allah, yang dalam bahasa Qurannya disebut sebagai 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur'.

Ini lah fokus yang terafdal. Jika ini mampu kita capai, maka kitalah bangsa yang paling mulia di dunia, bangsa yang paling diberkati, kerana kita berjaya menepati aspirasi Al-Quran dalam bernegara.

Kita mohon kepada Allah, supaya kita tidak mengacau orang dan orang pula tidak kacau kita.

Sama-sama kita akan membuat kebajikan, sama-sama kita mahukan damai dan sama-sama kita kepingin bahagia. Carilah ia di dalam diri dan di dalam tanah air masing-masing.

Ini adalah hak semua orang. Allah telah pun menentukannya bagi masing-masing.

Jika semua hak-hak ini

dihormati, maka dunia akan selamat dan seluruh penghuninya akan berbahagia, sekalipun tingkat kebahagiaan itu berbeza-beza.

Dan inilah yang sebenar-benarnya ajaran agama kita. Ia menyuruh supaya menghormati semua orang. Jangan ganggu setiap hak orang: Dari hak peribadi, hak bermasyarakat, sampai kepada hak bernegara.

Jadi kalau begitu, di manakah catatnya Islam itu? Jika semua orang ikhlas, tidak ada, walau sekerat yang tidak respek kepada Islam.

Mengambil sukut majlis yang istimewa ini, beta ingin berseru supaya seluruh rakyat, apa pun peringkat mereka, mengikhlaskan diri dalam usaha membangunkan negara. Tidakkah memadai - walaupun dengan kerja keras - tanpa niat yang ikhlas. Kerana Allah menilai seseorang melalui niatnya.

Insya-Aallah, jika kita ikhlas, negara pasti akan memperolehi manfaatnya.

Buat mengakhiri, beta berharap para achievers tidak akan ketinggalan untuk sama-sama menyumbang kepada Yayasan beta dalam usahanya mengendalikan projek-projeknya di masa hadapan.

Beta yakin, dengan adanya sumbangan berupa tenaga dan pemikiran daripada para achievers itu, Yayasan akan lebih ber-tenaga lagi untuk meneruskan peranannya.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Menerima junjung ziarah bakal jemaah haji

Dari muka 1

Sementara itu di ruang berasingan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama-sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Sarah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan pula menerima junjung ziarah bakal jemaah-jemaah haji perempuan.

Kebawah Duli Yang

Maha Mulia juga berkenan mengurniakan kain ihram kepada seorang bagi bakal jemaah haji lelaki dan sepasang telekung setiap seorang bagi bakal jemaah haji perempuan.

Antara yang menjunjung ziarah untuk menunaikan fardu haji bagi tahun ini ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Soyui; Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman dan

Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Jumin bin Haji Marsal

Pada tahun ini, seramai 1,100 orang menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 2004 di Kota Suci Mekah.

Menurut Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad, seramai 684 orang mengikuti penerbangan syarikat berkenaan yang akan diterbangkan dengan menggunakan pesawat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dalam tiga pener-

bangan yang akan dija-dualkan berlepas pada 29 dan 31 Disember 2004 dan pada 1 Januari 2005.

Pada tahun ini, bakal jemaah-jemaah haji kita akan diterbangkan terus dari Bandar Seri Begawan ke Madinah, dan tidak seperti di tahun-tahun yang lalu, para jemaah haji kita diterbangkan ke Jeddah dan kemudian menaiki bas selama lebih lapan jam menuju Madinah.

Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad mengingatkan para bakal jemaah haji supaya sentiasa

memastikan pasport dan dokumen-dokumen yang lain dibawa bersama sebelum penerbangan. Para jemaah haji juga diingatkan agar memakai gelang tangan yang disediakan bagi kemudahan pengenalan diri semasa berada di Tanah Suci Mekah dan di Madinah Al-Munawarah.

Selain itu, syarikat berkenaan juga menasihatkan para jemaah agar tidak membawa buku-buku dan apa-apa jua risalah serta mematuhi sebarang apa jua arahan yang diarahkan oleh Kerajaan Arab Saudi.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang Peraduan Menulis Khat ASEAN. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Indonesia memonopoli Peraduan Khat ASEAN

BERAKAS, 4 Disember. - Kehalusan penulisan seni khat atau tulisan kaligrafi dari Republik Indonesia belum tertanding oleh mana-mana negara di rantau Nusantara khususnya di ASEAN.

Ini terbukti dengan pencapaian penulis-penulis dari Republik Indonesia yang memonopoli kesemua kategori Peraduan Menulis Khat ASEAN Ke-12 yang dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Penulis khat paling menyerlah kali ini dari Republik Indonesia ialah Arif Hamdani yang menjuarai dua kategori dari empat kategori yang dipertandingkan.

"Di Indonesia peluang untuk muncul juara bukannya mudah memandangkan kebolehan penulis-penulis yang lain sangatlah kompetitif dan hasilnya penulisan mereka juga harus dihargai," katanya.

Tambahnya, taraf penulisan khat di ASEAN sekarang dipandang dan diperhatikan oleh penulis-penulis dari negara-negara Timur Tengah kerana penyertaan Republik Indonesia di Turki dalam Peraduan Khat Antarabangsa telah mula diperakui.

"Penulis-penulis khat dari Indonesia dan Malaysia secara persendirian menjalani latihan di Mesir dan negara-negara Arab lain sebagai usaha meningkatkan kebolehan hasil penulisan khat dan kaligrafi Islam," jelasnya.

Beliau memberitahu wakil PELITA BRUNEI ketika ditemu bual selepas menerima hadiah yang disampaikan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Tambahnya, penulisan khat di negara ini juga sudah menunjukkan peningkatan tetapi kebolehan penulis-penulis dari ASEAN lebih tinggi sedikit, oleh itu untuk menyainginya penulis tem-

patan Negara Brunei Darussalam harus bekerja lebih gigih atau banyak menyertai pertandingan yang dianjurkan, jika tidak kebolehan mereka tidak akan ke mana.

Beliau muncul juara dalam Kategori 'B' dan 'C' - Nasakh dan Riq'ah sementara rakan senegaranya, Hashim Ashari juara dalam Kategori 'A' - Thuluth dan Hassanuddin pula menjuarai Kategori 'D' - Dewani.

Menurut Arif Hamdani, 29 tahun, beliau sudah menyertai peraduan itu tiga kali dan penyertaan kali ini merupakan kejayaan yang besar kerana menjadi juara dalam dua kategori.

Beliau yang mula berjinak-jinak dengan penulisan khat sejak di sekolah menengah dan terus memperluaskan kebolehannya dalam seni kaligrafi Islam melalui penyertaan peraduan di Republik Indonesia secara berterusan.

Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bersamasama menunaikan Sembahyang Sunat Jenazah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Selesai menyempurnakan Sembahyang Sunat Jenazah, baginda beserta kerabat diraja berangkat ke Kubah Makam Diraja bagi Istiadat Pengkebumian Jenazah.

Jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia dibawa ke Kubah Makam Diraja dengan kenderaan khas yang diiringi dengan Alat-alat Kebesaran Diraja.

Ketua Hakim Mahkamah Syarie, Yang Dimuliakan Pehin Orang

Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim membaca tahlil dan bacaan taklim dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Setia Awang Haji Badaruddin.

Kemudian, baginda berkenan mendahului menjurus ayeng asah-asahan di pusara Allahyarham dengan diikuti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Penulisan khat mengangakat kehalusan penulisan khat ASEAN

BERAKAS, 4 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyanjungi usaha Pusat Da'wah Islamiyah kerana menganjurkan Peraduan Menulis Khat ASEAN dan peringkat nasional.

Yang Berhormat berkata, dengan menganjurkan peraduan seumpama itu dapat mengangakat hasil kehalusan penulis-penulis khat ASEAN, di samping dapat menyampaikan dakwah Islam melalui penulisan khat yang bermutu tinggi.

"Dakwah Islam dapat disampaikan dengan berbagai-bagai cara dengan penuh kebijaksanaan iaitu 'bilhikmah' maka seni penulisan khat, penulisan sastera yang digunakan sebagai wadah dakwah Islamiyah itu merupakan suatu kesinambungan tamadun Islam, bagi memupuk rasa cinta kepada Allah dan ajaran-ajaran-Nya yang terkandung dalam Kitab Suci Al-Quran," kata

Yang Berhormat.

Yang Berhormat berucap demikian di Majlis Pelancaran Buku Terbitan Pusat Da'wah Islamiyah, Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Khat ASEAN dan Nasional dan Peraduan Menulis Cerpen, Rencana dan Sajak 2004 malam tadi di Stadium Tertutup di sini yang dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiyah.

Menurut Yang Berhormat, peraduan tersebut selain dapat mempamerkan kebolehan dalam bidang seni tulisan khat para belia dan remaja Islam amnya, akan dapat meneruskan dakwah Islamiyah menerusi bidang seni yang berse-suaian.

Republik Indonesia merangkul kesemua kategori dalam Peraduan Menulis Khat ASEAN yang dipertandingkan seperti Thuluth, Nasakh, Riq'ah dan Dewani yang disertai oleh para penulis khat dari Malaysia, Viet Nam, Thailand, Laos, Singapura, Indonesia, Filipina dan Brunei Darussalam dari lebih 281 penulis khat.

Oleh
Abdullah Asgar

Sementara dalam kategori yang sama peringkat nasional pemenangnya ialah Alumsah Nuramin Aliomar bagi Thuluth, Nurhasnan Haji Ahmad bagi Nasakh, Haji Sabtu Surat hanya memenangi tempat kedua atas keputusan hakim dalam Riq'ah dan Burhanuddin Haji Abdul Wahab menang dalam kategori Dewani yang disertai oleh seramai 71 orang penulis khat tempatan.

Di majlis itu Yang Berhormat juga melancarkan empat buah buku baru terbitan Pusat Da'wah Islamiyah iaitu 'Ilmu Pengetahuan dan Tujuan Pendidikan Mengikut Pandangan Islam' tulisan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; 'Peranan dan Sumbangan Islam dalam Menangani Masalah Kegawatan Ekonomi' tulisan Dato Seri Setia Awang Haji Metussin Haji Baki; Sepintas Lalu Dermasiswa Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei

Darussalam (Tahun 1950-1984) susunan Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid Mohd Daud dan 'Antologi Sajak' yang memuatkan himpunan sajak yang memenangi Peraduan Menulis Sajak sempena sambutan Israk dan Mikraj dari tahun 1999-2003.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Menulis Cerpen, Rencana dan Sajak.

Sajak yang bertajuk 'Kota Junjungan' meraih hadiah pertama bagi penulisan sajak manakala persembahan deklamasi sajak juga disampaikan oleh para peserta dari Malaysia, Viet Nam, Thailand, Laos, Indonesia, Filipina, Myanmar, Kemboja, Brunei Darussalam dan Singapura.

Sementara empat bekas penerima SEA Write Award, Yura Halim, Shukri Zain, Yahya M.S. dan Badaruddin H.O. juga mendeklamasi sajak masing-masing.

Pertukaran, penetapan dan kenaikan pangkat sembilan pegawai kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan pertukaran, penetapan dan kenaikan pangkat sembilan orang pegawai kanan kerajaan.

Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perdana Menteri, bertukar ke Tabung Amanah Pekerja dan seterusnya memegang jawatan Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja mulai 1 Disember 2004.

Pengiran Hajah Azizah binti Pengiran Haji Tajuddin, Pegawai Jururawat Kanan di Kementerian Kesihatan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan di Kementerian Kesihatan mulai 1 Oktober 2004.

Awang Haji Talip bin Haji Apong, Pegawai Ugama Kanan di Kementerian Hal Ehwal Ugama dinaikkan pangkat dan

dilantik sebagai Pengarah Urusan Haji di Kementerian Hal Ehwal Ugama mulai 1 Oktober 2004.

Pengiran Haji Osman bin Pengiran Haji Abbas, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Teknologi Info Komunikasi di Jabatan Perancangan dan Kema-juan Ekonomi mulai 1 Jun 2004.

Awang Haji Talipudin bin Dato Seri Paduka Haji Talib, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Teknikal di Jabatan Kerja Raya ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sebagai Pengarah Perkhidmatan Teknikal di Jabatan Kerja Raya mulai 1 November 2004.

Dayang Hajah Rosilah binti Haji Hasbollah, Pemangku Pengarah Penyelidikan dan Perancangan di

Jabatan Perkhidmatan Awam ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sebagai Pengarah Penyelidikan dan Perancangan di Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 1 November 2004.

Awang Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba, Pegawai Pentadbir Tingkat I di Kementerian Pendidikan ditukar ke Jabatan Daerah Temburong dalam jawatan yang sama mulai 1 November 2004.

Awang Omsarule bin Haji Omar, Pegawai Pentadbir Pelatih di Jabatan Daerah Temburong ditukar ke Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara mulai 1 November 2004.

Awang Haji Mohamad Azlan bin Haji Mohammad Junaidi, Pegawai Pentadbir Pelatih di Jabatan Daerah Belait ditukar ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan mulai 1 November 2004.



AWANG Sarbini bin Haji Ali.

Memangku jawatan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Disember. - Pada menjelang titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadudaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa baginda telah berkenan melantik Awang Sarbini bin Haji Ali, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada masa ini, untuk memangku jawatan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan semasa Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin bercuti sebelum bersara.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri perantaraan tersebut berkuat kuasa mulai hari Isnin, 13 Disember 2004.

Menerima junjung ziarah bakal jemaah haji di Istana Nurul Iman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berbual mesra bersama seorang bakal jemaah haji lelaki ketika baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah-jemaah haji lelaki di Istana Nurul Iman (kiri).



BAGINDA bersama anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima junjung ziarah bakal jemaah-jemaah haji lelaki dari pelbagai peringkat umur yang akan menunaikan fardu haji di Kota Suci Mekah bagi musim haji tahun 2004 di Istana Nurul Iman (atas, kiri, kanan, bawah kiri dan bawah).



Gambar-gambar oleh Haji Ariffin HMN dan Pengiran Rafee PDPHM





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan berbual mesra bersama seorang jemaah haji perempuan ketika baginda berkenan menerima menghadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji di Istana Nurul Iman (kiri).



BAGINDA bersama-sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Sarah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah ketika berkenan menerima junjung ziarah bakal jemaah-jemaah haji perempuan (kanan, bawah kiri dan bawah).

Menerima junjung ziarah bakal jemaah haji



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah ketika berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji perempuan (atas dan atas kanan).

PARA bakal jemaah haji perempuan dikurniakan sepasang telekung setiap seorang (kiri).

SEBAHAGIAN bakal jemaah haji perempuan berbaris ketika Majlis Junjung Ziarah yang diadakan di Istana Nurul Iman (kanan).



Logo baru JKR bukti kemantapan institusi teknik

BERAKAS, 2 Disember. - Seorang pengurus dan seorang pekerja apa pun peringkatnya harus mempunyai tanggungjawab sosial dan kemasyarakatan serta wajib memberikan kepada masyarakat sifat-sifat dalam dirinya.

Ini bermakna kecemerlangan dalam sesuatu organisasi seperti jabatan-jabatan di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) bermula dari kecemerlangan dalam diri individu itu sendiri.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad menyatakan perkara tersebut

di Majlis Pelancaran Logo Baru JKR yang berlangsung di Bangunan Ibu Pejabat JKR di sini.

Katanya lagi, urusan diri sendiri dahulu dengan sifat-sifat yang baik, pimpin diri sendiri dahulu, kalau susah mengurus diri sendiri adalah sulit untuk mengurus organisasi.

"Kita mesti bersifat memupukkan diri dengan sepenuh hati kepada khidmat dan kerja kita. Di sini kita melihat hubungan langsung antara diri kita dengan organisasi dan hubungan timbal balik antara keduanya," jelasnya.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam kita memberi perkhidmatan atau kata putus adalah bertepatan keputusan dan perkhidmatan itu berfalsafahkan dan bersendikan kepada landasan-landasan teknikal kini kita ketahui berpengetahuan, berkemahiran, bijaksana dan berkepakaran yang profesional yang mana Awang dan Dayang mempunyai asas daripada landasan-landasan atau kepentingan peribadi, ketidakpuasan, komitmen yang rendah dan mempunyai kuasa yang berlandaskan jawatan saja.

Yang Berhormat percaya jika para pegawai dan kakitangan bertindak demikian 'cycle of doom'

Oleh
Hj. Ahmad HS

akan timbul bukannya 'cycle of excellent, cemerlang dan terbaik'.

Terdahulu dari itu Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Rashid bin Haji Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluan berkata, memperingati pelancaran logo baru JKR yang dilancarkan, pihaknya telah menerbitkan majalah sulung yang bersiri berjudul "JKR Construction Professionals."

Ini adalah satu cara dan usaha JKR untuk menyebarkan dan berkongsi sama pengalaman-pengalaman para profesional yang terlibat secara langsung dalam bidang industri pembinaan di negara ini.

"Majalah ini nanti adalah sebagai wadah penulisan bagi para profesional berkenaan. Ini adalah bertepatan kerana JKR adalah sebuah jabatan teknikal yang tertua dan mempunyai pengalaman yang luas dalam pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan dan 'physical infrastructure' sama ada di bawah Rancangan Kemajuan Negara atau Peruntukan Tahunan Jabatan.

Usaha ini, katanya, adalah sejajar dengan has-

rat jabatan untuk menjadikan budaya JKR sebagai 'Learning Organisation'.

Menyentuh mengenai tenaga teknikal, katanya, JKR masih mempunyai peratus tenaga teknikal yang rendah iaitu kira-kira 35 peratus dan melalui perancangan yang ber sistematik melalui Bahagian Perkembangan Tenaga Manusia jumlah tersebut akan diperkembangkan menjadi sebuah organisasi teknikal yang lebih mantap di masa depan.

Selepas itu majlis diikuti dengan Pelancaran Logo Baru JKR oleh tetamu kehormat dan kemudian menurunkan tandatangan di plak logo baru JKR. Di majlis itu juga diadakan penyampaian cendermata persaraan kepada bekas Ketua Pengarah Kerja Raya, Pengiran Dato Paduka Haji Othman bin Pengiran Haji Omar oleh tetamu kehormat.

Tetamu kehormat dan para jemputan kemudian menyaksikan pameran Jabatan Kerja Raya (JKR) yang mengandungi Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kemajuan, Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Saliran dan Pembentungan dan Jabatan Perkhidmatan Bangunan.

Hubungan ekonomi Brunei - Britain akan terus kukuh



DULI Yang Teramat Mulia Prince Andrew, The Duke of York berangkat di Majlis Makan Malam yang disempakan oleh Forum Perdagangan Negara Brunei Darussalam - British. - Gambar oleh Hamadi HM.

JERUDONG, 28 November. - Duli Yang Teramat Mulia Prince Andrew (The Duke of York) melahirkan harapan agar hubungan ekonomi yang baik di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom akan terus kukuh.

Duli Yang Teramat Mulia berkata, kerjasama dengan Negara Brunei Darussalam boleh mewujudkan dan mengekalkan peluang-peluang yang lebih besar dalam hubungan ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam

Oleh
Samle HJ

dan Great Britain bagi memviarasikan lagi bidang ekonomi.

Perkara itu telah disentuh sempena Majlis Makan Malam yang disempakan oleh Forum Perdagangan Negara Brunei Darussalam - British di Empire Hotel and Country Club, di sini.

Majlis dihadiri oleh Pengerusi Forum Perdagangan Negara Brunei Darussalam - British, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohamad.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi British di negara ini, Tuan Yang Terutama Andrew Caei yang juga selaku Presiden Kehormat Forum Perdagangan Negara Brunei Darussalam - British.

Putera kedua Baginda Queen Elizabeth Ke-II yang juga mengetuai delegasi seramai tujuh anggota itu berangkat mengadakan lawatan kerja ke negara ini.

ICT sangat diperlukan semua industri perkhidmatan

GADONG, 6 Disember. - Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman berkata, Perkhidmatan Awam di negara ini telah berkisar dengan meluas mengenai isu efisiensi, keberkesanan dan produktiviti.

Alat pengurusan dan mekanisme yang moden telah memerlukan kita untuk mempertingkatkan dan menggalakkan penyampaian Perkhidmatan Awam yang kini menjadi mencabar setiap hari, katanya lagi.

Menurutnya, untuk memenuhi cabaran-cabaran tersebut kita tidak hanya sentiasa berawas dengan kehendak yang semakin meningkat tetapi untuk sentiasa memintasi mereka.

"Cabaran ini telah menjadi semakin penting apabila negara kita menjadi lebih kompetitif sama ada intra atau antara rantau. Pertubuhan dan konvensyen antarabangsa juga telah menambah tekanan bagi jentera pentadbiran kerajaan untuk efisien dan berkesan," jelasnya di Majlis Perasmian Kursus Penubuhan Rangkaian ICT

Oleh
Hj. Ahmad HS

bagi negara-negara berkecuali yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Beliau seterusnya berkata, perkembangan penting dalam dua dekad yang lalu ialah pengenalan kepada teknologi infokomunikasi atau ICT di tempat bekerja, di mana kerajaan telah melaburkan berjuta-juta ringgit dalam ICT sebagai satu penyelesaian kepada permintaan yang sentiasa meningkat terhadap perubahan persekitaran di mana Perkhidmatan Awam beroperasi.

Di majlis itu beliau berkata melahirkan kepercayaan bahawa kursus tersebut adalah memang tepat pada masanya apabila pejabat-pejabat kini menjadi bersepadu dengan munculnya K-Ekonomi yang saling memerlukan terhadap penggunaan ICT.

"Institusi kini berpaling menjadi pertubuhan pembelajaran. Pekerja kolar biru kini digantikan oleh pekerja-pekerja K. dan kita

tidak bekerja dan tidak dapat bekerja tanpa bersepadu sahaja sekarang, ICT menjadi sangat diperlukan dan mempunyai kesan mendalam ke atas semua industri dalam perkhidmatan," jelasnya.

Pembuatan dan juga sektor awam adalah faktor yang mendesak pada semua peringkat pertubuhan dari eksekutif sehinggalah kepada pekerja pengatur dan kerani. ICT adalah semakin menjadi komponen yang terpenting dalam semua jenis teknologi, kesenian, kejuruteraan rutin dan non-rutin.

Seramai 18 orang peserta dari Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) menyertai kursus yang bermula pada hari ini dan akan berakhir 14 Disember dengan menggariskan beberapa bahagian iaitu bahagian pertama memaparkan konsep rangkaian ICT, bahagian II mengenai rangkaian Window 2000 dan bahagian ketiga mengenai pentadbiran rangkaian Window 2000.

Kursus dikendalikan oleh dua orang pakar me-



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman. - Gambar oleh Abdullah HAD.

ngenan teknologi ICT dari Malaysia, Kuheandran A/L Murugan dan Awang Shamsulizam bin Sapiee.

Kursus diadakan bagi mereka yang baru berkecimpung dalam bidang teknologi rangkaian dan mahu memahami konsep-konsep yang berhubung kait. Kursus juga bertindak bagi memberikan pengenalan umum kepada peserta-peserta yang memerlukan pengetahuan dalam teknologi rangkaian pada masa ini.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad. - Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.



MENTERI Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Logo Baru JKR. - Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.



PESERTA-PESERTA yang mengikuti kursus tersebut terdiri daripada Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM). - Gambar oleh Abdullah HAD.

Wanita lebih mudah dijangkiti HIV Aids

BERAKAS, 1 Disember. - Di seluruh dunia, wanita muda dan remaja adalah lebih terdedah kepada jangkitan HIV Aids, jika dibandingkan dengan lelaki. Dari sumber kajian, wanita adalah 2.5 kali ganda lebih mudah untuk dijangkiti HIV/AIDS dari kaum lelaki.

Ini adalah disebabkan oleh kurang pengetahuan terhadap penyakit HIV Aids, kurang pendedahan kepada perkhidmatan pencegahan HIV dan kurang upaya dalam keadah pencegahan. Keganasan terhadap wanita juga faktor risiko yang tinggi boleh meningkatkan jangkitan HIV.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyatakan perkara itu di Majlis Pelancaran Sambutan Hari AIDS Sedunia 2004 yang jatuh hari ini dan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat berkata, Negara Brunei Darussalam mempunyai kadar penyakit-penyakit yang rendah. Sejak tahun 1986 hingga hari ini, 25 kes HIV/AIDS telah dikesan, di mana 15 orang daripadanya telah meninggal dunia dan 32 peratus dari jumlah tersebut adalah terdiri dari wanita.

Sebahagian besar jangkitan berlaku melalui hubungan seks dan satu kes telah didapati melalui jangkitan ibu kepada anak. Walau bagaimanapun kita tidak sewajarnya merasa ringan dengan keadaan ini, jelas Yang Berhormat.

"Dengan keadaan dunia yang lebih terbuka dengan hanya dipisahkan oleh sempadan politik dengan bebasnya manusia bergerak dari sebuah negara ke sebuah negara, maka risiko bagi merebaknya jangkitan penyakit ini akan meningkat," jelasnya.

Kerana itu kedudukan

penyakit HIV/AIDS di negara-negara lain bukan sahaja menjadi perhatian serius negara berkenaan tetapi juga negara kita sendiri, betapa pun kebalnya sistem pengawalan di negara ini.

Terdahulu di majlis itu Yang Berhormat berkata pada tahun 2004 dianggarkan seramai 44.6 juta penduduk dunia dijangkiti HIV/AIDS. Separuh dari mereka dijangkiti HIV/AIDS adalah terdiri dari wanita.

Yang Berhormat menambah, juga dijangkitkan lebih kurang separuh dari mereka yang dijangkiti HIV/AIDS sebelum umur 25 tahun akan meninggal dunia akibat AIDS sebelum berumur 35 tahun.

"Walaupun 95 peratus penduduk yang dijangkiti HIV/AIDS dari negara sedang membangun, ianya masih menjadi ancaman kepada semua orang di semua peringkat umur dan bangsa," kata Yang Berhormat.

Kerana itu, tegas Yang Berhormat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mempertingkatkan usaha dengan menjadikan HIV/AIDS satu agenda utama untuk diatasi.

Dalam pada itu, Pengerusi Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia, Datin Paduka Hajah Rokiah binti Haji Zakiah dalam ucapan alu-aluan berkata, secara umum sambutan tersebut

Oleh
Haji Ahmad HS

bukanlah bermaksud untuk meraihan penyebaran penyakit HIV/AIDS akan tetapi sebagai cara untuk memperingatkan kepada warga dunia umumnya dan rakyat Brunei khususnya bahayanya penyakit ini serta cara-cara mencegahnya dari merebak dengan lebih meluas.

Menurut Datin Paduka penyakit HIV/AIDS telah meningkat dalam tahap bahaya dan telah menjadi perhatian seluruh dunia dan secara global di samping telah membangkitkan fenomena di mana beberapa badan-badan dunia seperti UN, APEC, negara-negara Eropah dan ASEAN telah memberikan perhatian yang berat dalam usaha membanteras penyakit tersebut.

Katanya, dalam menangani masalah tersebut, Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam akan berusaha sedaya upaya mengadakan program-program pencegahan dan pendidikan mengenai HIV/AIDS kepada golongan wanita dan remaja yang pada masa ini kurang dititikberatkan.

Di majlis itu beberapa persembahan oleh Youth Ambassadors dan perembahan Sketsa juga diada-



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar. - Gambar oleh Hamadi HM.

kan. Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan derma daripada Standard Chartered Bank hasil kutipan derma projek yang telah dikendalikan oleh pihak Bank Standard Chartered dalam usaha memberikan sokongan menentang dan mencegah penyakit membawa maut itu.

Sambutan Hari AIDS Sedunia yang jatuh setiap 1 Disember disambut dengan pameran mengenai penerangan dan penjelasan cara AIDS berjangkit, virus dan membawanya, kumpulan yang berisiko mendapat AIDS, tanda-tanda AIDS dan rawatan yang diberikan kepada pesakit HIV/AIDS. Tema sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun ini ialah 'Wanita, Remaja, HIV dan AIDS'.



PEGAUAI-PEGAUAI kerajaan yang hadir di majlis pelancaran tersebut. - Gambar oleh Hamadi HM.



MESYUARAT Pasukan Petugas Ad-Hoc Bagi Sistem Waspada Kemudaran Pertanian (AHEWS) dipengerusikan oleh Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohammad Yusoff. - Gambar oleh Hamadi HM.

Walkaton sempena Hari Diabetis Sedunia 2004

Oleh
Aliddin HM

JERUDONG, 5 Disember. - Kementerian Kesihatan mengadakan Acara Walkaton Sempena Hari Diabetis Sedunia 2004 bagi para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan serta orang ramai yang berlangsung di kawasan letak kereta Jerudong Park Ampitheatre di sini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji

Apong hadir menyempurnakan pelancaran acara walkaton kesihatan tersebut.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Mohd. Mahdi bin Haji Abdul Rahman dan Pegawai Tugasan-Tugasan Khas, Pengiran Haji Mohd.

Salleh bin Pengiran Haji Othman yang juga selaku pengerusi acara itu juga hadir di majlis itu.

Acara dimulakan dengan senam robik bagi memanaskan badan sebelum berjalan kaki sejauh 4.8 kilometer bagi peserta lelaki dan sejauh 3.2 kilometer bagi peserta perempuan.

Kira-kira 200 orang menyertai acara walkaton tersebut dan mereka juga berkesempatan menerima hadiah melalui cabutan bertuah.



MENTERI Kesihatan menyempurnakan pelancaran acara walkaton kesihatan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Brunei Darussalam bebas dari epidemik penyakit haiwan

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 7 November. - Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohd. Yusoff berkata, Negara Brunei Darussalam kekal bebas daripada gejala-gejala pandemik dan epidemik penyakit haiwan selain bebas daripada penyakit haiwan lain yang serius.

Namun begitu tidak ramai yang mengetahui taraf kesihatan haiwan di negara ini adalah yang terbaik di dunia, malah tiada terdapat penyakit-penyakit ternakan yang berbahaya, yang ada hanyalah beberapa jenis penyakit seperti penyakit Newcastle dan Gumboro yang hanya menjejaskan sedikit industri ternakan.

Penyakit-penyakit tersebut tidaklah serius berbanding dengan wabak selesema burung, virus nipah dan penyakit kaki dan mulut yang melanda beberapa negara Asia.

Kata Pengarah Pertanian lagi, tiada negara yang terlepas daripada ancaman penularan penyakit memandangkan berlakunya wabak penyakit-penyakit yang amat berjangkit di Asia yang juga membabit-

kan negara jiran.

Dr. Haji Ahmad Yusoff menyatakan perkara tersebut di Majlis Pembukaan Mesyuarat Pasukan Petugas Ad-Hoc Bagi Sistem Waspada Kemudaran Pertanian (AHEWS) yang berlangsung di Anggerek Hotel di sini.

Menyentuh mengenai ancaman penyakit berbahaya, Dr. Haji Mohd. Yusoff menyatakan bahawa pihak veterinar jabatannya tidak mengambil ringan mengenai perkara tersebut dan akan terus berwaspada bagi melindungi industri ternakan tempatan dan menjaga kepentingan pihak pengguna.

Mesyuarat AHEWS selama dua hari menumpukan perbincangan kaedah pelaksanaan sistem waspada mengenai kemudaran pertanian di ASEAN meliputi wabak penyakit-penyakit ternakan yang serius.

Sementara sistem waspada yang dibincangkan pula bertujuan untuk me-

maklumkan negara-negara yang berisiko supaya mengambil kesempatan untuk melakukan tindakan pencegahan kerana ini penting bagi mengawal dan mencegah penularan penyakit-penyakit yang amat berjangkit seperti selesema burung.

Justeru dalam keadaan yang membimbangkan dengan kemunculan dan kebangkitan virus yang amat berjangkit, sistem waspada AHEWS ini boleh mengukuhkan lagi keadaan keselamatan dan sistem maklumat kesihatan haiwan ASEAN.

Manakala dalam sama-sama menangani kemudaran pertanian, kesepakan antara pihak-pihak berkuasa ASEAN dengan golongan-golongan industri, saintifik dan pengguna adalah diharapkan.

Dalam menangani perkara ini Negara Brunei Darussalam bersedia menjalin hubungan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa dan agensi-agensi kerajaan bagi mengukuhkan lagi langkah kawalan terhadap sebarang kemudaran pertanian.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah bagi merasmikan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas).

BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik (bawah).



Kebawah DYMM ra Persidangan Penga Rantau Asia Pasifi

BERAKAS, 6 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 yang bermula hari ini dan akan berakhir pada 11 Disember berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali serta Ketua Pengakap PPNBD, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur.

Baginda merupakan Penaung PPNBD dan juga Penaung Kehormat Perhubungan Pergerakan Pengakap Sedunia yang mempunyai keahlian 28 juta orang di seluruh dunia terdiri dari lelaki dan perempuan sama ada belia dan dewasa melibatkan 216 buah negara dan wilayah.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malik.

Sejurus keberangkatan, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan oleh koir kanak-kanak Sekolah Nusa Laila Puteri disusuli dengan perarakan masuk pembawa-pembawa bendera dan panji-panji dari 25 buah negara peserta yang me-

Liputan Hj. Dayang Hj. Kassim dan Aliddin HM
Gambar-gambar oleh
Hj. Ariffin HMN dan Hamadi HM

nyertai persidangan itu.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Dipertua PPNBD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali antara lain menyentuh tema persidangan serantau tahun ini 'Bridging The World' ke arah merapatkan jurang perhubungan secara langsung antara negara dunia.

Majlis diikuti dengan sembah ucapan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengakap Serantau Asia Pasifik, Pengarah Serantau Persatuan Pengakap Serantau Asia Pasifik dan Pengerusi Jawatankuasa Pengakap Sedunia.

Baginda kemudian berkenan mengumikan titah dan seterusnya merasmikan persidangan itu.

Baginda juga seterusnya berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh PPNBD.

Sebelum berangkat pulang, baginda berkenan beramah mesra bersama mereka yang mengambil bahagian dalam persembahan koir dan berkenan menyaksikan pameran yang memaparkan kegiatan-kegiatan berpengakap oleh negara-negara ahli yang terlibat.

PPNBD diberikan penghormatan menjadi tuan rumah buat julung-julung kali bagi Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21.

Selaku ahli kepada Perhubungan Pergerakan Pengakap Sedunia di bawah kawalan pentadbiran Pergerakan Pengakap Rantau Asia Pasifik yang beribu pejabat di Manila, Republik Filipina, PPNBD buat pertama kalinya berhadapan dengan ujian

dan cabaran yang besar.

Sebagai pergerakan belia yang dinamis dan bergerak cergas di samping banyak membantu negara dalam proses 'nation building', PPNBD harus berasa bangga kerana dapat menganjurkan persidangan yang bertaraf antarabangsa dan berprestij seumpama itu sejak penubuhannya lebih 70 tahun yang lalu.

Tujuan asas persidangan ini untuk menghimpunkan semua wakil persatuan pengakap negara masing-masing yang bersidang sekali dalam masa setiap tiga tahun untuk melantik pucuk pimpinan rantau ini.

Di samping itu, ia juga untuk mencapai resolusi dalam menangani isu-isu semasa bagi mempercepat perkembangan orang muda dan menciptakan kegiatan-kegiatan yang menarik yang dijangkakan akan memberi nafas baru kepada setiap negara ahli serta memandu untuk percambahan keahlian supaya lebih ramai yang menjadi ahli pengakap, di samping menciptakan program kemajuan yang boleh dicapai oleh ahli berkenaan.

Agenda persidangan selama enam hari tertumpu kepada sesi mesyuarat, pembentangan laporan-laporan dan resolusi.

Selain itu dua acara sisipan juga turut diungkapkan oleh PPNBD sempena persidangan iaitu Forum Belia Pengakap yang bermula pada 1 Disember hingga 3 Disember di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Kursus Jurulatih Pemimpin pada 27 November hingga 3 Disember yang lalu di Bangunan Ibu Pejabat PPNBD di Gadong.



BAGINDA

Pada sidang, ucapatama an 'Bridging The World' disampai. Pendidikan mat Pehin la Wijaya Haji Awang.

Sebelum Golf Peng Tourname hari berm telah dan persidang untuk m bagi peng bangan-gakap yang orang m pengakap.

PPNBD kan pab keanggo seramai 2,700 ang seluruh lamatnya keahlian orang m.

Penggerakan kan bert pergerakan yang ber undang-Tujuan ditubuh membangukan capai ke intelekuan hanian. S telah dib dengan P Komiti P Biro P dan Y Sedunia.

BAGINDA bergambar para p Pengakap Pasifik Rantau Antarabangsa.

SEBAH para yang m an Peng Pasifik sekali.

smikan kap Ke-21



berkenan beramah mesra bersama Kumpulan Kolir Kanak-kanak dari Sekolah Nusa Laila Puteri (atas).



BAGINDA ketika berkenan menyaksikan hasil-hasil kraf tangan yang diunkayahkan oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Rantau Asia Pasifik.



BAGINDA ketika berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (atas).

BAGINDA ketika diperkenalkan kepada pengakap-pengakap yang menyertai persidangan tersebut oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Awang Haji Zainal Abidin.



a per-
tangan
idang-
World'
denteri
berbor-
va Lai-
Setia
griz.
shanan
at Golf
a dua
ember
mpena
tujuan
abung
rkem-
pen-
sepada
si-ahli

tubuh-
sengan
hanya
di, dan
a-kira
kap di
a mat-
katkan
10,000
2 3.

n per-
ng bu-
le dan
idikan
dasar
g akap,
ini
untuk
rkem-
men-
irikal,
n kero-
ngakap
Persi-
oduna,
odunia,
odunia
ngakap

orkenan
ersama
n dengan
Asia
kawa-
n dengan
n).

narpada
ngakap
Persidang-
Asia
n dan kiri

Pemeriksaan keselamatan di pintu masuk diperketatkan

BERAKAS, 29 November. - Tatacara kuarantina yang ketat dan perkhidmatan veterinar yang baik adalah antara faktor penyumbang kepada pencegahan kemasukan penyakit-penyakit ternakan merbahaya ke Negara Brunei Darussalam.

"Sebab itulah Negara Brunei Darussalam adalah bebas daripada wabak penyakit utama ternakan serta lain-lain pemusuh dan penyakit haiwan yang serius," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman ketika merasmikan Seminar Kesihatan Haiwan dan Keselamatan Makanan di Kementerian berkenaan di sini.

Katanya, Negara Brunei Darussalam telah meningkatkan usaha pemantauan dan memperketatkan lagi pemeriksaan keselamatan di pintu-pintu masuk sempadan memandangkan berlakunya musibah penyakit yang amat berjangkit serta kemunculan semula beberapa penyakit merbahaya termasuk penyakit selesema burung di Asia baru-baru ini.

Ketika ini, pihak berkuasa veterinar Jabatan Pertanian bersama agensi penguat kuasa yang lain telah mengambil langkah berwaspadanya bagi mencegah kegiatan yang boleh membawa risiko kemasukan penyakit merbahaya ke negara ini.

"Atas kerjasama orang ramai dan usaha sama

Oleh
Samle HJ

agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, sehingga kini Brunei Darussalam terus kekal bebas daripada musibah selesema burung dan lain-lain penyakit utama yang boleh mengugut kesihatan awam," jelasnya.

Menyentuh mengenai projek ASEAN mengenai Sistem Amaran Kemudaratan (AHWES) yang dianjurkan oleh Brunei Darussalam pada tahun 1999, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menjelaskan projek itu merupakan inisiatif penting bagi mengukuhkan kerjasama pelbagai pihak dalam usaha mengawal wabak-wabak penyakit ternakan.

Beliau menambah adalah mustahak pihak-pihak berkuasa veterinar dalam ASEAN melipatgandakan kerjasama yang rapat dengan organisasi-organisasi kesihatan haiwan antarabangsa bagi meningkatkan keupayaan untuk menangani wabak penyakit ternakan berjangkit yang merbahaya serta lain-lain kemudaratan biologi.

"Sistem kawal selia dan pemantauan yang baik sangat penting bagi menjamin barangan makanan yang dijual itu selamat untuk kegunaan orang ramai serta menepati piawaian keselamatan antarabangsa," jelasnya.

Dalam masa yang

sama beliau menggesa agar pengusaha-pengusaha makanan tempatan bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa dalam melaksanakan program kawalan dan jaminan mutu termasuk bagi program analisis kemudaratan titik-titik kritikal (HACCP).

Sementara itu, Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohammad Yusoff bin Haji Mohiddin pula menekankan betapa mustahaknya program-program kesihatan haiwan dan keselamatan makanan dipertingkatkan di samping usaha membangunkan sumber manusia.

"Negara-negara membangun dalam ASEAN masih kurang berupaya menangani krisis wabak penyakit haiwan seperti selesema burung ini," jelasnya kepada wakil PELITA BRUNEI.

Sehubungan dengan itu, seminar seumpama itu merupakan langkah yang berfaedah bagi meningkatkan lagi tahap pengetahuan pegawai-pegawai veterinar di negara-negara ASEAN dalam bidang kesihatan haiwan dan keselamatan makanan.

Lebih 100 peserta mewakili sektor awam dan swasta menghadiri seminar sehari anjuran bersama Negara Brunei Darussalam dan Kanada dengan mendengar dan bertukar pandangan pakar-pakar dari Kanada dan ASEAN yang membentangkan beberapa kertas kerja teknikal dan bidang kesihatan haiwan

Budaya berkampung membawa kesejahteraan, keberkatan

Oleh
Abu Bakar HAR

TUTONG, 3 Disember. - Budaya atau amalan berkampung yang lama wujud di negara ini adalah satu cara kehidupan yang membawa kesejahteraan, kemakmuran dan keberkatan dalam kehidupan.

Justeru itu institusi penghulu dan ketua kampung yang dikekalkan hingga sekarang adalah untuk kita menikmati kemewahan, kesenangan serta terhindar daripada kebimbangan dan ketakutan.

Namun pada akhir-akhir ini kebimbangan lebih ketara apabila terdapatnya kesan-kesan sampingan yang negatif yang terjadi daripada kemewahan dan kesenangan yang dinikmati itu seperti longgarnya pegangan terhadap sistem berkeluarga dan berkampung di samping nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyatakan perkara tersebut di Majlis Pelancaran Pesta Hari PESAKA Ke-4 dan Penyampaian Anugerah Ahli Berjasa PESAKA yang berlangsung di Dewan Wawasan Bangunan PESAKA, Kam-

pong Keriam di sini.

Menurut Yang Berhormat, sudah nampak bibit-bibit kurangnya rasa kekitaan sesama sendiri, kurangnya sifat pemedulian kepada golongan orang tua yang memerlukan bantuan serta gejala-gejala yang menjurus kepada keruntuhan akhlak.

Ke arah itu Yang Berhormat berseru terutama di peringkat mukim dan kampung agar meningkatkan usaha dalam pemantauan terhadap gejala-gejala negatif dalam masyarakat serta melibatkan para belia untuk lebih peka dan responsif terhadap kesusahan hidup penduduk-penduduk mukim dan kampung terutama golongan warga tua.

"Jika terdapat kes-kes yang sedemikian, sekurang-kurangnya hendaklah dimaklumkan segera kepada pihak-pihak berwajib untuk tindakan siasatan," saran Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menyentuh mengenai Persatuan PESAKA, Yang Berhormat menjelaskan bahawa ia merupakan sebuah persatuan sukarela

yang layak diteladani malah Kampong Keriam patut berbangga dengan wujudnya persatuan ini sebagai aset yang dinamik yang dapat dikembangkan dengan jaringan program-program sosial dan ekonomi untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat kampung.

Sejak ditubuhkan 45 tahun yang lalu persatuan itu diasaskan untuk mewujudkan semangat perpaduan di kalangan ahli dengan masyarakat kampung melalui kegiatan-kegiatan berkebaikan.

Di majlis itu seramai tiga orang ahli persatuan berkenaan menerima anugerah penghargaan di atas sumbangan mereka terhadap kemajuan, sokongan yang berterusan dan pembangunan persatuan tersebut.

Mereka yang menerima anugerah tersebut ialah Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Noor bin Awang Besar dan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Persatuan PESAKA ditubuhkan pada 1 April 1960 dan sehingga kini mempunyai keramaian ahli lebih 200 orang.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman merasmikan seminar tersebut. - Gambar oleh Md. Zul-Izzi HD.

dan keselamatan makanan.

Seminar berkenaan juga bagi menyampaikan maklumat muktakhir mengenai kesihatan haiwan dan keselamatan makanan dari negara-negara yang terlibat.



LEBIH 100 peserta mewakili sektor awam dan swasta menghadiri Seminar Kesihatan Haiwan dan Keselamatan Makanan. - Gambar oleh Md. Zul-Izzi HD.

Brunei tuan rumah Mesyuarat Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 November. - Negara ini melalui Kementerian Pendidikan akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN yang akan diadakan pada 5 - 8 Disember ini.

Mesyuarat itu bertujuan bagi membincangkan beberapa perkara mengenai Sukan Sekolah-sekolah ASEAN di mana negara ini akan menjadi tuan rumah.

Menurut Bendahari Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Brunei Darussalam, Awang Haji Ahmad bin Hassan antara perkara

Oleh
Abdullah Asgar

yang akan dibincangkan di mesyuarat itu nanti ialah meneliti minit mesyuarat yang diadakan di Viet Nam pada Disember 2003 lalu selain membincangkan mengenai aktiviti kegiatan sukan di sepanjang tahun depan dan 2006.

Katanya, kali ini dua mesyuarat akan dijalankan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-41 dan Me-

syuarat Jawatankuasa Teknikal dan Kecergasan Jasmani Ke-50.

Pada kedua-dua mesyuarat itu kesemua 10 ahli ASEAN akan hadir, namun masih menanti jawapan dari Viet Nam, Myanmar dan Republik Demokratik Rakyat Lao, jelasnya di sidang akhbar di Jabatan Penerangan di sini.

Matlamat Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN ialah menggalakkan kerjasama, ikatan muhibah dan persefahaman antara belia-belia ASEAN melalui program kecergasan atau kegiatan sukan, pertukaran

program dan latihan serta lawatan sambil belajar di samping bersukan.

Majlis itu ditubuhkan pada tahun 1978 bagi memudahkan hal-ehwal pentadbiran dan pengurusan bagi pertandingan sukan sekolah-sekolah ASEAN.

Di mesyuarat itu nanti Brunei Darussalam akan diwakili oleh Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pendidikan, Awang Ali bin Haji Ismail dan Timbalan Pengetua Sekolah Sukan Brunei dan Pegawai Pelajaran Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Hassan Marussin.



BENDAHARI Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Brunei Darussalam, Awang Haji Ahmad bin Haji Hassan (kanan) menjelaskan mengenai mesyuarat yang akan diadakan semasa Sidang Akhbar di Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Pihak kerajaan tidak pernah camah mata

LABI, 6 Disember. - Serombongan pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta Daerah Belait yang diketuai oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar telah mengadakan lawatan ke rumah Awang Muhammad Timbul bin Abdullah Dawa berikutan laporan daripada pihak media mengenai kehidupan daif beliau.

Semasa lawatan tersebut Pegawai Daerah dan pihak-pihak terbabit telah mengadakan perbincangan bagi membina rumah baru

Berita dan gambar-gambar ihsan daripada Unit Perhubungan Awam Jabatan Daerah Belait

Awang Muhammad bagi menggantikan rumah lama yang beliau duduki sekarang yang tidak selamat didiami.

Rumah baru tersebut akan dibina di tapak tanah rumah lama dalam waktu terdekat ini dan sewaktu pembinaan rumah baru itu beliau akan ditempatkan di sebuah khemah sementara

yang disediakan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), sementara peralatan membina rumah tersebut akan dibekalkan oleh pihak-pihak berkenaan.

Kerja-kerja bagi membina rumah tersebut dijangka akan dilakukan secara gotong-royong melibatkan agensi kerajaan

antaranya Jabatan Daerah Belait, ABDB dan Pasukan Polis Diraja Brunei serta penduduk kampung termasuk Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan syarikat swasta.

Pada masa ini Pusat Dakwah Daerah Belait telah memberikan bantuan makanan setiap bulan kepada Awang Muhammad. Awang Muhammad, 78, tinggal bersendirian di lereng bukit di Kampung Kagu Baru, Jalan Sungai Merangking Bukit Sawat. Beliau telah memeluk agama Islam 10 tahun lalu.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar mengadakan perbincangan bersama pihak-pihak berkenaan bagi membina rumah baru Awang Muhammad.

Eratkan persahabatan melalui Ekspedisi TRANS KAL-BAR 2

KUALA BELAIT, 4 Disember. - Seramai 160 orang ahli Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam dan Gabungan Pencinta Kenderaan Pacuan 4 x 4 Empat Daerah negara ini bersama keluarga mereka mengadakan Ekspedisi Trans KAL-BAR 2 2004 selama hampir dua minggu.

Ekspedisi bermula dari Negara Brunei Darussalam menuju ke Pontianak, Indonesia melalui Sarawak bertujuan untuk mengisi masa lapang waktu musim

cuti persekolahan, di samping melawat tempat-tempat bersejarah dan menarik di negara jiran serta mengeratkan lagi hubungan persahabatan antara kedua buah negara yang sedia terjalin. Ekspedisi yang melibatkan lebih 30 kenderaan pacuan empat roda telah dilancarkan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusop di Taman Jubli di sini.

Dari taman tersebut mereka akan bertolak ke Pos Kawalan Sungai Tujuh menuju ke Seri Aman,

Sarawak dan bermalam di sana. Pada pagi berikutnya mereka meneruskan perjalanan menuju sempadan Sarawak/Indonesia ke destinasi seterusnya, ke Sanggau, Indonesia. Semasa di sana para peserta ekspedisi mengadakan lawatan ke tempat menarik dan bersejarah yang terdapat di sana di samping menghadiri Sambutan Hari Raya anjuran Bupati Sanggau dan ORARI (Radio Amatir Sanggau).

Destinasi peserta ekspedisi seterusnya ke Sing-

kawang dan Sambas. Semasa berada di Sambas mereka akan mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang menarik dan bersejarah seperti Istana Sultan, Makam Raja-Raja, Masjid Agong, Pasar Terapong dan Kampung Air. Pada hari berikutnya mereka dijangka akan menuju ke Pontianak. Di sana nanti mereka dijangka akan mengadakan lawatan ke Makam Raja-Raja Pontianak di Batu Layang, Tugu Khatulistiwa, Istana Qadariah dan Perusahaan Produk Lidah Buaya.

Jerayawara Kamus Bahasa Melayu Nusantara

DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei Darussalam akan mengadakan jerayawara bagi memberikan Kamus Bahasa Melayu Nusantara yang dijangka akan berlangsung dari 15 Disember hingga 25 Disember tahun ini bermula di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan berakhir di Pusat Bahasa Indonesia. Selain itu tempat-tempat lain juga dijangka akan dikunjungi antaranya Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Johor dan Majlis Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Penerangan dan Kesenian Singapura.

Kamus baru itu telah disempurnakan pelancarannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah pada 27 Mac lalu. Kamus berkenaan disusun oleh pakar leksikografi dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia dengan memuatkan lebih 100,000 entri yang terdiri daripada kosa kata bahasa Melayu Brunei, bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia.

Rombongan jerayawara itu akan diketuai oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakry berserta dua orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Hanafiah bin Haji Awang Zaini dan Awang Haji Alipudin bin Haji Omarandi.

Penerbitan kamus tersebut meru-

pakan sumbangan Brunei Darussalam yang terbesar untuk menyebarkan bahasa Melayu bersama-sama rakan serantau Indonesia dan Malaysia. Kamus berkenaan bukan sahaja untuk rujukan di Brunei Darussalam tetapi juga untuk rujukan penutur-penutur bahasa Melayu di mana sahaja mereka berada.

Jerayawara berkenaan bertujuan untuk memberigakan Kamus Bahasa Melayu Nusantara dan seterusnya menyerahkan naskhah kamus kepada institusi yang menyumbang ke arah menyebarkan bahasa Melayu. Majlis penyerahan kamus dijangka akan dilakukan oleh Dato Paduka Haji Mahmud di tempat-tempat tumpuan jerayawara.

Patuhi etika kerja

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 24 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama merupakan kementerian yang dianggap contoh kepada institusi lainnya dalam bidang keagamaan.

Justeru itu tugas dan tanggungjawab semua warga kementerian berkenaan perlu lebih tekun bekerja, mematuhi peraturan yang ditetapkan dan mengikut etika kerja yang telah digariskan di dalam peraturan Perkhidmatan Awam.

"Bagi mencapai hasil yang baik dan cemerlang ini, kita harus komited dengan tugas dan tanggungjawab kerana amanah yang diberikan itu perlu dijaga dan dilaksanakan dengan jujur serta ikhlas,"

jelas Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Othman selaku Pengerusi Bersama Majlis ketika berucap di Majlis Sambutan Hari Raya Kementerian Hal Ehwal Ugama di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Sambutan itu dihasratkan bagi mengeratkan lagi persaudaraan dan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan di samping untuk memberi sokongan dan menyemarakkan lagi Sam-

butan Hari-hari kebesaran Islam sebagai syiar Islam dan menanamkan semangat bersatu padu, tolong-menolong, bermaaf-maafan dan ziarah-menziarahi di dalam suasana kekeluargaan.

Majlis diserikan dengan persembahan nasyid daripada anak-anak pegawai dan kakitangan, persembahan sajak dan syair.

Para hadirin juga berpeluang untuk menjawab beberapa soalan kuiz spontan dan pegawai-pegawai masjid turut mempersembahkan Dikir Brunei.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama menghadiri majlis berkenaan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Dorongan ibu bapa kejayaan anak-anak

LABI, 1 Disember. - Pegawai Pentadbir Jabatan Daerah Belait, Awang Sueb Rizal bin Haji Abdul Malek menyatakan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka menjadi kementerian kerana merekalah yang akan memimpin anak-anak untuk maju ke hadapan bagi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Selain itu, tambahnya, ibu bapa juga bertanggungjawab melaksanakan tugas untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka sejak dari kecil lagi sementara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan peruntukan yang besar bagi meningkatkan sistem pendidikan di negara ini di kawasan bandar mahupun di pedalaman.

Manakala guru pula dijangka pelita yang telah memberikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid dan sedaya upaya mengajar mereka untuk menjadi orang yang berguna dan berperanan penting di masa hadapan. Dengan cara demikian anak-anak tersebut merasa diri mereka dihargai. Beliau berucap demikian

selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Hari Ibu Bapa Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian, Mukim Sukang di sini.

Beliau seterusnya berkata dalam era komputer dan teknologi maklumat pada masa ini pihak kerajaan telah berbelanja berjuta ringgit untuk menyediakan sistem komputer baik di bandar mahupun di kawasan pedalaman.

Dengan adanya kemudahan internet telah banyak memberikan pengetahuan kepada anak-anak. Sehubungan itu beliau menyarankan ibu bapa

memantau anak-anak mereka supaya mereka tidak menyalahgunakan kemudahan tersebut dengan melayari laman web yang ditekui dan boleh merosakkan minda dan pengetahuan mereka yang boleh mendorong mereka melakukan perkara antisosial yang boleh menghancurkan masa depan mereka.

Beliau menambah dengan adanya perhatian dan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak insya Allah akan dapat mendorong mereka untuk berjaya dan terus maju ke hadapan bagi membangun negara yang tercinta.



TETAMU kehormat menyampaikan hadiah kepada seorang murid sekolah yang berjaya dalam peperiksaan.

WARGA ISTIMEWA DAN PENGHUNI RUMAH KEBAJIKAN TIDAK DIABAI

BERAKAS, 29 November.

- Keprihatinan masyarakat di negara ini terhadap warga istimewa dan penghuni Kompleks Rumah-rumah Kebajikan adalah jelas, malah mereka sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya dari pihak-pihak kerajaan, swasta mahupun orang perseorangan di negara ini.

Sehubungan dengan itu, untuk menghiburkan mereka, Majlis Ramah Mesra Bersama Warga Istimewa dan Penghuni Kompleks Rumah-rumah Kebajikan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diadakan bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan diikuti dengan pelbagai persembahan oleh pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan persembahan daripada warga istimewa dan penghuni Kompleks Rumah-rumah Kebajikan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan Hari Raya yang disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga

Oleh Siti Aishah HS

selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir sama di majlis itu, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Yakub; Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat dan para pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Tema sambutan pada

tahun ini ialah 'Muafakat Membawa Berkah' yang antara lain melambangkan kerjasama padu dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai usaha untuk merapatkan perhubungan antara jabatan dalam pelbagai bidang kerjasama, aspek pembinaan minda, kepimpinan, kreativiti, sikap, kemahiran dan sebagainya bahkan muafakat juga adalah sebagai saluran untuk menyelesaikan konflik.

Projek tahunan itu diadakan bertujuan untuk memupuk hubungan silaturrahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku tetamu kehormat di Majlis Ramah Mesra Bersama Warga Istimewa dan Penghuni Kompleks Rumah-rumah Kebajikan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Penswastaan perlu dilihat dari banyak sudut

GADONG, 29 November.

- Penswastaan perlu dilihat dalam banyak sudut kerana ia mempunyai pelbagai impak yang buruk dan baik umpamanya boleh terjadinya keadaan sistem kewangan dan pasaran kewangan yang tidak stabil dan tingginya kos sosial bagi ekonomi membangun.

Malah ketika ini terdapat 10 trend global yang memberi impak kepada penswastaan antaranya ialah neo-liberalisme dan liberalisasi, globalisasi, terjadi lebih banyak ketidakstabilan pasaran dan sistem kewangan umpamanya krisis kewangan yang melanda rantau ini dalam tahun 1997 dan 1998 malah satu senario lain ialah terjadinya keadaan politik yang tidak menentu yang boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi.

Perkara ini antara lain yang disentuh oleh seorang konsultan dari Republik Singapura, Dr. Eric Teo Chu Cheow ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Privatisation Public Private Partnership (PPP) & Political and Economic Risks In The Region' di Institut Perkhidmatan Awam kepada 20 orang pegawai-pegawai kanan kerajaan yang terdiri dari Pengarah dan Timbalan Pengarah jabatan-jabatan kerajaan.

Oleh Abdullah Asgar

Menurut Dr. Eric, perlu juga diingat beralih pada penswastaan tidak seharusnya membawa banyak kejayaan atau perubahan kerana telah didapati ia lebih mementingkan keperluan sendiri, dari memenuhi kehendak orang ramai dan masyarakat.

Katanya, kunci isu utama yang perlu diperhatikan dalam penswastaan aset negara seperti satu suara penilaian yang sebenar mengapa harus ada penswastaan, memajukan keberkesanan, memerlukan kewangan bagi memenuhi keperluan orang ramai dan janji harga rendah buat perkhidmatan.

Akan tetapi, jelasnya, Public Private Partnership (PPP) Concept atau Konsep Perkongsian Privet Awam merupakan satu pendekatan yang seiring dengan penswastaan kerana ia juga adalah satu rumusan pada kekurangan kebolehan khasnya dalam seni kewangan dan teknikal.

Tambahnya, perkongsian itu selalunya boleh membawa kemahiran masing-masing dan mengkomplemen pada yang lain.

Dr. Eric Teo berkongsi kan ceramahnya mengenai kebaikan konsep PPP dari penswastaan memandangkan pengalamannya juga dikongsi bersama dengan Malaysia selain negaranya sendiri, Republik Singapura.

Institut Perkhidmatan Awam menganjurkan ceramah tersebut untuk memperolehi dan berkongsi maklumat mengenai trend dan risiko di segi geopolitik di rantau ini, di samping sama-sama memerhatikan implikasi kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara yang terlibat.

Di akhir ceramah, sesi soal jawab diadakan yang berkisar mengenai PPP dan penswastaan.



KONSULTAN dari Republik Singapura, Dr. Eric Teo Chu Cheow. - Gambar oleh Halim HS.

Kementerian Kesihatan adakan Sambutan Hari Raya

Oleh Siti Aishah HS

JERUDONG, 3 Disember. - Kemeriahan Aidilfitri masih lagi terasa dengan Sambutan Hari Raya yang diadakan oleh umat Islam dan lapisan masyarakat di negara ini, sama ada pihak kerajaan mahupun swasta.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan juga tidak ketinggalan meraiikannya bersama para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan. Majlis berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Polo Country Club di sini.

Sambutan berkenaan diserikan lagi dengan pelbagai persembahan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perubatan.

Hadir di majlis itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar selaku tetamu kehormat majlis, pegawai-pegawai kanan dan para kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Md. Zul-izzi HD.

Tiga pemenang 'Tazkirah' terima hadiah

Sumbangan ihsan Rangkaian Nur Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Disember. - Rancangan tazkirah yang dimuatkan di Rangkaian Nur Islam Radio Televisyen Brunei (RTB) telah dapat menarik minat pendengar untuk turut serta dalam rancangan tersebut.

Rancangan tersebut yang pertama kali ke udara pada 23 September 2001 bersempena Sambutan Hari Guru telah mendapat sambutan daripada pendengar walaupun pihak penganjur tidak menyedai hadiah untuk pemanggil. Oleh itu

rancangan tersebut terus diadakan bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2002/2004.

Pada tahun ini, seramai 40 orang peserta telah menyertai rancangan tersebut bermula dari minggu pertama hingga minggu terakhir dan daripada penyertaan itu tiga orang telah terpilih ke peringkat akhir. Juara, Dayang Farah Dizza binti Abu Kasim telah menerima hadiah sumbangan Pusat Pengembaraan Humaira berupa tiket penerbangan pergi balik menunaikan

ibadah umrah berserta trofi sumbangan Syarikat Rapih dan sijil penyertaan.

Naib johan dan tempat ketiga disandang oleh Norasizah binti Haji Puting dan Najwa Iman Zahidah binti Haji Aspar masing-masing menerima trofi sumbangan Syarikat Rapih dan Anak-Anak serta sijil penyertaan.

Rancangan tersebut bagi memupuk semangat pendengar rangkaian itu dalam penghayatan terhadap agama Islam menerusi idea-idea yang diberikan,

di samping menggerakkan minda para belia Islam untuk mengeluarkan hujah yang bernaas dalam membincangkan isu mengenai agama, politik, sosial dan ekonomi umat Islam.

Selain itu, rancangan itu juga diharapkan dapat melahirkan pendengar yang berilmu, berinformasi dan bermotivasi tinggi sekali gus dapat memupuk kesedaran dan tanggungjawab terhadap agama, masyarakat dan negara, di samping lebih komited dan menghayati konsep Melayu Islam Beraja.



TIGA pemenang rancangan Tazkirah menerima hadiah masing-masing. - Gambar ihsan Rangkaian Nur Islam.

LAPANGAN TERBANG HARUS ADA KEAMANAN, KESELAMATAN

GADONG, 6 Disember. - Indikasi semasa mengenai lalu lintas penumpang bagi penerbangan antarabangsa akan berputar semula pada tahun 2004 dengan jumlah peningkatan 6.2 peratus yang diterajui oleh penerbangan Asia-Pasifik dengan harapan pertumbuhannya sebanyak 8.5 peratus.

Untuk itu Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) telah mengadakan jadual hasil hitung perjalanan para penumpang yang telah diatur oleh penerbangan Asia-Pasifik yang akan bertambah kepada 6.8 peratus pada 2005 dan 6.4 peratus pada 2006 nanti. Perkara tersebut akan terus bertambah jumlah keseluruhannya dan menambah perkongsian serantau kepada 26.6 peratus.

Dengan kesesuaian hasil pertumbuhan itu, kebolehan lapangan terbang akan lebih responsif terhadap pertumbuhan keperluan berkenaan iaitu dengan menitikberatkan mengenai kualiti, keamanan dan keselamatan. Cabaran penting juga adalah dengan mencipta dan membina kebolehan yang diperlukan secara efektif bagi memenuhi kehendak tersebut.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyatakan perkara tersebut di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Tahunan Persatuan Lapangan Terbang Antarabangsa ASEAN (AAA) Ke-23 yang berlangsung di Hotel Centerpoint di sini.

"Lapangan terbang kita tidak semestinya hanya efisien tetapi juga harus ada keamanan dan keselamatan. Saya berkata demikian, bahawa keamanan dan keselamatan adalah tidak dapat dipisahkan dari daya kehidupan ekonomi kita. 11 September 2001 yang berlaku, tapi dari kejadian itu,

sistem pengangkutan kita secara terus-menerus menghadapi pelbagai cabaran dari perbuatan pengangkutan dan wabak penyakit yang ditakuti secara global yang mana tidak mendorong para penumpang untuk mengembara," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah sekarang masalah lain pula dihadapi iaitu kenaikan harga minyak yang mengakibatkan impak penting dalam industri penerbangan. Subhubungan itu, usaha perlu dipertingkatkan bagi memastikan bahawa perkhidmatan lapangan terbang lebih efisien dan perlu disukut kemudahan yang digunakan ke tahap yang optima, sementara pengangkutan penerbangan harus mengurangkan impak yang merugikan melalui kapasiti berdisiplin dan benteng yang efektif.

Untuk memenuhi tahap keamanan dan keselamatan antarabangsa, pembinaan, pengubahsuaian serta program-program latihan persendirian terutama sekali bagi keselamatan persendirian, perhatian berat terhadap tayangan beg-beg melalui mesin x-ray, adalah lokasi strategik yang ditentukan bagi memastikan secara berterusan bahawa lapangan terbang adalah selamat bagi semua orang.

Subhubungan itu, Yang Berhormat juga menyeru agar para pengendali lapa-

Oleh
Siti Aishah HS

ngan terbang, maju ke hadapan dengan memfokuskan perbincangan mengenai pengurusan lapangan terbang dalam reaksi memenuhi keperluan pelanggan yang berubah-ubah dan memenuhi kepuasan hati yang dikehendaki.

AAA telah ditubuhkan sejak tahun 1982 dan bertindak sebagai pelantar bagi para pegawai kanan lapangan terbang ASEAN untuk bertukar-tukar pandangan mengenai pengurusan lapangan terbang

dan pengalaman masing-masing dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan lapangan terbang.

Beberapa isu dibincangkan di Mesyuarat tiga hari itu dengan pembentangan kertas kerja dari negara-negara ahli ASEAN termasuk negara tuan rumah, Negara Brunei Darussalam selain membincangkan Resolusi Mesyuarat Pembangunan Sumber Manusia kali pertama 2004 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Mesyuarat seterusnya akan diadakan di Kemboja pada tahun 2005 nanti.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria membuka rasmi Mesyuarat Tahunan Persatuan Lapangan Terbang Antarabangsa ASEAN (AAA) Ke-23. - Gambar oleh Md. Zul-tzi HD.



TETAMU kehormat, Menteri Perhubungan ketika menghadiri majlis berkenaan. - Gambar oleh Md. Zul-tzi HD.

PMO Online pelantar e-kerajaan bagi Jabatan Perdana Menteri

BERAKAS, 1 Disember. - Inisiatif e-kerajaan bukan sahaja menyediakan keupayaan teknologi seperti prasarana, perkakasan dan perisian. Pada asasnya e-kerajaan bertujuan untuk mengubah acuan minda, perubahan dalam budaya kerja dan juga perubahan dalam proses-proses kerja.

Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyatakan demikian di Majlis Jerayawara PMO Online sesi kedua yang diadakan di Kementerian Perhubungan di sini.

Beliau juga menjelaskan bahawa pelaksanaan dan ketersediaan peralatan dan teknologi hanyalah pemboleh atau 'enabler' yang membantu untuk mencapai matlamat e-

Oleh
Siti Aishah HS

kerajaan, malah aspek paling penting bagi PMO Online bukan terletak pada sistem akan tetapi orang yang menggunakan sistem tersebut.

Sistem PMO Online adalah satu pelantar e-kerajaan bagi Jabatan Perdana Menteri iaitu projek yang akan menjadi penyelesaian khas bagi e-kerajaan dalam membantu jabatan berkenaan memenuhi cabaran yang mendatangi sama ada dari segi organisasi dan asas teknologi dengan memperluaskan kerjasama dan memperbaiki perkhidmatan yang ada dengan usaha sama jabatan-jabatan di bawahnya.

Jerayawara selama dua hari itu bertujuan untuk mendedahkan dan melibatkan lan-jutan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan daripada 21 buah jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dalam penggunaan serta aplikasi 'software' dan infrastruktur teknologi maklumat selain membantu untuk mencapai hasrat Jabatan Perdana Menteri dalam inisiatif dan usaha e-kerajaan melalui perancangan serta pelaksanaan projek PMO Online.

Di sesi tersebut, para peserta diberikan penerangan melalui beberapa sesi taklimat mengenai penyediaan penyelesaian PMO Online serta tayangan video mengenai 'Kehidupan Sehari-hari Pengguna PMO Online'.



SEBAHAGIAN daripada para peserta yang hadir di sesi kedua Jerayawara PMO Online. - Gambar oleh Md. Zul-tzi HD.

Brunei - Kemboja jalani hubungan mesra

Oleh
Abdullah Asgar

JERUDONG, 9 November. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menjelaskan, Negara Brunei Darussalam dan Kemboja menjalini hubungan yang mesra dan persahabatan yang erat sejak mewujudkan pertalian diplomatik 12 tahun lalu.

Katanya, penandatanganan Perjanjian Perdagangan antara kedua-dua negara pada Ogos 2000 boleh mewujudkan satu rangka kerja yang baik yang dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara kedua-duanya terutama dalam dunia perniagaan.

Yang Berhormat menambah, sebagai jiran dan rakan di ASEAN, kedua-dua negara mempunyai pandangan yang sama mengenai serantau dan isu-isu antarabangsa malah sejak menganggotai ASEAN, Kemboja telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan kerjasama dalam berbagai bidang.

Ini termasuk, menjadi tuan rumah kepada mesyuarat yang utama seperti Sidang Kemuncak ASEAN 2002, Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN dan Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN tahun lepas, di mana ini menandakan kerjasama yang rapat di dalam usaha ke-

Oleh
Abdullah Asgar

dua-dua negara bagi mempromosikan kedamaian yang berkekalan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini.

Yang Berhormat berucap demikian di Majlis Ulang Tahun Ke-51 Hari Kemerdekaan Kemboja Bersempena Dengan Raja Kemboja Naik Takhta, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Norodom Sihamoni yang berlangsung di Royal Berkshire di sini.

Tambah Yang Berhormat, kedua-dua negara juga komited ke arah mengimplementasikan usaha integrasi serantau ASEAN, yang akan dapat menolong mengurangkan jurang pembangunan di antara negara-negara ASEAN.

"Brunei Darussalam dalam bidangnya telah membantu negara-negara Kemboja, Laos, Myanmar, Viet Nam atau C.L.M.V. melalui Inisiatif Integrasi ASEAN (IAI) terutamanya di dalam hal-hal pembangunan sumber manusia dan program membina kapasiti," katanya.

Sementara itu, dalam ucapan Duta Besar Kemboja ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ith Detolla antara lain menjelaskan dalam usaha mengukuhkan lagi

persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara satu Perjanjian Perkhidmatan Udara dan Perdagangan telah ditandatangani.

Perjanjian itu, katanya, sebagai bukti langkah meningkatkan kerjasama dan persahabatan di antara kedua-dua negara dan masyarakat.

Jelasnya, pendidikan satu sektor yang vital, kedua-dua negara telah berbincang bahawa kerjasama di dalam bidang latihan pengurusan, membina kapasiti di bawah IAI yang telah disediakan oleh Kerajaan Brunei dan juga Kursus Teknologi Informatika serta konsultasi teknikal bersama bagi pembangunan sumber manusia.

Selain itu, tambahnya, pertukaran mesyuarat dalam rangka kerja Forum Serantau ASEAN, di kalangan pegawai dan pegawai kanan dalam Perkhidmatan Awam di dalam program pertukaran tahunan di antara Kemboja dan Brunei Darussalam juga terus dijalankan.

Majlis tersebut bermula dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua negara dikumandangkan kemudian disusuli dengan ucapan, memotong kek memperingati Hari Kemerdekaan Kemboja, diteruskan lagi dengan persembahan video Majlis Menaiki Takhta Raja Kemboja yang baru.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman ketika menghadiri majlis tersebut. - Gambar oleh Md. Zul-tzi HD.

Sumbangan komputer bagi pelajar berkeperluan khas

Oleh
Haji Ahmad HS

GADONG, 29 November. - Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan hari ini menerima 18 buah komputer meja dan dua buah komputer riba (laptop) yang disumbangkan oleh Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas tahap tinggi.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut berlangsung di Pusat Kemahiran Hidup Berdikari, Jalan Pasar Baru di sini. Penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Pengurus Corporate Institutional Banking merangkap Pengurus Corporate Social Banking Committee yang menyerahkan bagi wakil Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) HSBC, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan kepada Timbalan Setiausaha Tetap III Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah.

Dua buah komputer riba yang disumbangkan itu diserahkan oleh tetamu ke-



TIMBALAN Setiausaha Tetap III Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah mencuba komputer yang disumbangkan oleh HSBC yang dikhususkan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas. - Gambar oleh Halim HS.

hormat kepada Sekolah Menengah Sayyidina Hassan yang diterima oleh Hajah Rokiah binti Haji Sitama dan Sekolah Rendah Dato Basir, Lambak diwakili oleh Mohd. Khairul Anwar bin Bakar.

Sumbangan tersebut me-

rupakan bantuan pihak HSBC kepada pihak Kementerian Pendidikan yang dikhususkan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas tahap tinggi di bawah kawalan Unit Pendidikan Khas.

Menurut Timbalan Ke-

tua Unit Pendidikan Khas, Awang Lim Jock Cheng berkata, dengan adanya sumbangan tersebut dapatlah membantu para pelajar yang berkeperluan khas tahap tinggi untuk melalui kurikulum sekolah dan dapat berhubung dengan yang lain.

MESYUARAT JAWATANKUASA PERTAHANAN BRUNEI - AUSTRALIA

BERAKAS, 30 November.

- Mesyuarat Ke-6 Jawatankuasa Kerjasama Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Australia bagi membincangkan kegiatan bersama kedua-dua pihak dalam kerjasama pertahanan termasuk pengendalian kursus dan latihan ketenteraan antara kedua-dua negara berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Di mesyuarat itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di-

Oleh
Aliddin HM

Pertahanan selaku tuan rumah kepada mesyuarat kali ini yang ditubuhkan di bawah memorandum persefahaman mengenai kerjasama pertahanan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Australia yang telah ditandatangani pada 10 Mei 1999.

Jawatankuasa Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengarah Ja-

batanarah Politik dan Organisasi, Awang Yahya bin Haji Idris yang disertai oleh beberapa pegawai kanan Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sementara rombongan dari Kerajaan Australia pula terdiri dari beberapa orang pegawai kanan Kementerian Pertahanan Australia termasuk Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pengarah Bahagian ASEAN, Dr. Sheridan Keman.



PEGAWAI-PEGAWAI kanan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pertahanan Australia mengadakan Mesyuarat Ke-6 Jawatankuasa Kerjasama Pertahanan antara kedua-dua belah pihak. - Gambar oleh Md. Zul-izzi HD.

Tandatangan perjanjian Skim Latihan Perantisan

JALAN MUARA, 29 November. - Seramai 20 orang penuntut Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan Sekolah Vokasional Sultan Bolkih hari ini menandatangani perjanjian Skim Latihan Perantisan (ATS) bagi Kursus Mekanik Kenderaan Bermotor.

Dari jumlah itu enam orang penuntut baru Maktab

Oleh
Haji Ahmad HS

Teknik Sultan Saiful Rijal menjalani latihan di 10 syarikat kenderaan automobil. Skim tersebut telah bermula sejak tahun 2000. Manakala 14 orang penuntut dari Sekolah Vokasional Sultan Bolkih juga menandata-

ngani Perjanjian Latihan Perantisan (ATA) dengan 13 buah syarikat automobil termasuk tiga orang penuntut baru.

Majlis penandatanganan tersebut disaksikan oleh tetamu kehormat, Pengerusi Persatuan Perdagangan Automobil Brunei, Dato Paduka Chua Pheng Siong. Jabatan Pendidikan Teknik

di majlis itu diwakili oleh Setiausaha Eksekutif, Urusetia Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Brunei Darussalam, Dayang Jennifer Hiew Lim.

Majlis penandatanganan itu juga turut disaksikan oleh Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Omar dan Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Teknik, Dayang Siti Aisah binti Haji Mohd. Ali.

14 orang peserta ATS yang telah terpilih akan menjalani latihan selama setahun setengah dalam Program National Trade Certificate Level 2 dalam Mekanik Kenderaan Bermotor. Mereka akan mempelajari kemahiran praktikal dan pengetahuan mengenai kerja di tempat mereka belajar dan mereka juga akan dibawa menjalani latihan di syarikat-syarikat yang menaja sepanjang latihan tersebut.



TETAMU KEHORMAT, Pengerusi Persatuan Perdagangan Automobil Brunei, Dato Paduka Awang Chua Pheng Siong ketika menghadiri majlis tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.



PENUNTUT yang akan mengikuti skim yang ditawarkan menandatangani perjanjian yang dipersetujui. - Gambar oleh Masri Osman.

239 pelajar Kelas Lanjutan terima sijil

GADONG, 28 November.

- Seramai 239 orang pelajar Kelas Lanjutan 2004 hari ini bergembira kerana menerima sijil masing-masing setelah menamatkan pelbagai kursus Kelas Lanjutan dalam mempelajari bahasa-bahasa asing.

Kebanyakan mereka terdiri dari masyarakat Tionghoa, Iban dan Melayu yang menjalani pengajian bahasa dalam Kelas Lanjutan untuk bahasa asing seperti Jepun, Mandarin dan Arab.

Ada juga sesetengah mereka menjalani pengajian bagi bahasa Inggeris manakala bagi orang asing

Oleh
Abdullah Asgar

yang memeluk Islam mengambil pengajian bahasa Melayu dan mempelajari membaca Al-Quran dan Muqaddam.

Kelas Lanjutan itu dijalankan oleh Jabatan Pengajian Teknikal melalui Seksyen Pendidikan Lanjutan, Kementerian Pendidikan yang diadakan di beberapa buah sekolah di Daerah Brunei dan Muara.

Hadir menyampaikan sijil selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Tugas Khas, Jabatan Pen-

didikan Teknik, Awang Haji Abdul Rahim.

Beliau antara lain mengingatkan kepada para penerima sijil supaya meneruskan pengajian dan jangan hanya berpuas hati setakat di situ sahaja kerana untuk terus maju dan berjaya seseorang itu harus terus belajar sampai bila.

Katanya, jabatan beliau akan sentiasa mengadakan Kelas Lanjutan kerana mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai walaupun pelajar-pelajarnya terdiri dari orang-orang dewasa.

Penggunaan teknologi berkesan mustahak tingkatan kecekapan

BERAKAS, 30 November. - Penggunaan teknologi ICT yang berkesan amat mustahak dalam menjayakan usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan ketelusan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan melalui projek-projek e-kerajaan.

Malah potensi e-kerajaan sangat luas sehingga boleh dikatakan 'engine of growth' kepada Perkhidmatan Awam dan sektor swasta jika teknologi ICT itu dilaksanakan sepenuhnya dan dimanfaatkan sebaik mungkin.

Perkara itu dijelaskan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Sulaiman bin Haji Ismail, yang paling mustahak bagi PMO Online bukanlah terletak pada sistem itu sebenarnya, tetapi terletak pada penggunaan atau pemakaian sistem tersebut.

Beliau menambah kejayaan PMO Online adalah sangat bergantung kepada komitmen dan kerjasama semua peringkat pegawai dan kakitangan JPM kerana teknologi tidak statik malah sangat dinamik.

JPM telah mengorak langkah ke arah melaksanakan e-kerajaan yang berjaya untuk membawa agensi itu memasuki era pentadbiran tanpa kertas.

Sementara itu, Pengarah Projek PMO Online, Awang Haji Md. Mahdi pula menjelaskan ICT merupakan satu komponen penting dalam sesebuah organisasi lebih-lebih lagi merupakan salah satu usaha proaktif serta pembaharuan JPM dalam memodenisasikan Perkhidmatan Awam.

Jerayawara itu untuk memberikan pendedahan dan penglibatan lanjutan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan daripada 20 jabatan-jabatan di bawah JPM dalam penggunaan serta aplikasi 'software' dan infrastruktur teknologi maklumat yang akan dilaksanakan di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Dato Paduka menyarankan agar pegawai dan kakitangan yang terlibat perlu menghayati apa sebenarnya objektif yang ingin dicapai oleh e-kerajaan agar dapat menumpukan segala usaha ke arah objektif sebenar kerana segala peralatan dan kelengkapan teknologi hanyalah sebagai 'enabler' atau alat kemudahan yang membantu untuk mencapai matlamat sebenar e-kerajaan.

Dato Paduka juga menekankan bahawa aspek

Oleh Samle HJ



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Sulaiman bin Haji Ismail.

yang paling mustahak bagi PMO Online bukanlah terletak pada sistem itu sebenarnya, tetapi terletak pada penggunaan atau pemakaian sistem tersebut.

Beliau menambah kejayaan PMO Online adalah sangat bergantung kepada komitmen dan kerjasama semua peringkat pegawai dan kakitangan JPM kerana teknologi tidak statik malah sangat dinamik.

JPM telah mengorak langkah ke arah melaksanakan e-kerajaan yang berjaya untuk membawa agensi itu memasuki era pentadbiran tanpa kertas.

Sementara itu, Pengarah Projek PMO Online, Awang Haji Md. Mahdi pula menjelaskan ICT merupakan satu komponen penting dalam sesebuah organisasi lebih-lebih lagi merupakan salah satu usaha proaktif serta pembaharuan JPM dalam memodenisasikan Perkhidmatan Awam.

Jerayawara itu untuk memberikan pendedahan dan penglibatan lanjutan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan daripada 20 jabatan-jabatan di bawah JPM dalam penggunaan serta aplikasi 'software' dan infrastruktur teknologi maklumat yang akan dilaksanakan di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



PEGAWAI-PEGAWAI kanan kerajaan menghadiri Majlis Jerayawara Kali Kedua Bagi Projek PMONet Jabatan Perdana Menteri. - Gambar oleh Hamadi HM.

Projek berkenaan diharap akan membantu untuk mencapai hasrat JPM dalam inisiatif dan usaha e-kerajaan melalui perancangan dan pelaksanaan projek PMONet.

Projek PMONet secara rasmi telah bermula pada bulan Februari 2004 di mana framework bagi 'Master Design Data Centre' telah siap pada bulan Mac yang disusuli dengan kerja-kerja pembangunan yang telah bermula pada bulan Julai 2004.

Pada peringkat ini, 'hardware' dan 'server data center' berkenaan telah pun siap dibina dan dipasang.

Sementara itu, pada bulan Jun hingga Ogos, JPM dengan kerjasama beberapa pegawai dan kakitangan dari beberapa jabatan di bawah JPM telah menyiapkan 'blue print' dan spesifikasi bagi sistem design bagi 'Data Centre' yang akan disusuli dengan pengintegrasian sistem serta 'User Acceptance Test' pada penghujung bulan Oktober.

JPM juga telah membuat program perubahan pengurusan untuk membantu penyediaan pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang akan terlibat dari aspek konsep dan cara kerja yang baru.

Ia akan disusuli dengan bengkel mengenai 'Change Impact Analysis' dan dengan 'Culture Blueprint' serta 'Key Performance Indicator Workshop' diharap akan memantapkan pelaksanaan projek PMONet berkenaan. Perkhidmatan projek PMONet itu akan di panggil sebagai PMO Online.

Beliau menyarankan semua pengguna-pengguna sistem PMO Online agar mengambil peluang untuk mempelajari dan menggunakan sistem yang ada dengan sebaiknya selaras dengan hasrat program e-kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Pemenang BICTA wakili negara ke Pertandingan APICTA 2004

BERAKAS, 7 Disember. - Para pemenang Anugerah Teknologi Info-Komunikasi Brunei 2004 (BICTA 2004) mewakili negara ke Pertandingan Anugerah Teknologi Info-Komunikasi Asia Pasifik 2004 (APICTA 2004) di Hong Kong.

Program penganugerahan APICTA akan mendapat persaingan dari 13 buah ahli ekonomi yang terdiri daripada ahli-ahli APICTA Network termasuk Australia, Negara Brunei Darussalam, Hong Kong, India, Republik Indonesia, Republik Korea, Macau, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Viet Nam.

APICTA merupakan program penganugerahan antarabangsa yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan di dalam ICT di kalangan masyarakat di samping salah satu usaha bagi merapatkan jurang digital di rantau ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah selaku Pengerusi Kebangsaan bagi Ahli Jawatan-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bergambar bersama rombongan Pertandingan APICTA 2004. - Gambar oleh Md. Zul-izzi HD.

kuasa Tertinggi BICTA hadir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada delegasi negara ke pertandingan tersebut.

Ketua rombongan APICTA Brunei Darussalam, Awang Ang Kian Guan juga selaku ahli kepada Asia Pasifik ICT Awards Network (APIC-TAN) berharap agar penyertaan itu memberikan pengalaman kepada para peserta di samping dapat memberi persaingan dan meningkatkan bidang ICT negara di peringkat antarabangsa.

"Pertandingan ini bukan saja untuk mendapat

Oleh Samle HJ

kemenangan hadiah tetapi apa yang mustahak ialah masyarakat antarabangsa dapat mengambil peluang dan dapat melihat pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam bidang ICT," jelasnya ketika ditemu bual oleh Pemberita PELITA BRUNEI.

Ketika ditanya sejauh mana kebolehan negara menandingi hasil ciptaan luar negara, beliau menjelaskan sekalipun negara ketika ini masih dalam infrastruktur pendidikan ICT tetapi merasa bangga kerana telah terdapat tiga syarikat swasta tempatan yang berjaya mengelu-

arkan produk ICT untuk sama-sama menandingi produk antarabangsa yang mempunyai mutu yang tinggi.

Pada Pertandingan APICTA 2004 di Hong Kong, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sembilan kategori termasuk 'Education and Training', 'E-Government and Services', 'Industrial Applications', 'Financial Applications', 'General Applications', 'Media and Entertainment', 'Research and Development', 'Students Project : Tertiary Institution Student Project' dan 'Students Project : Secondary School Student Project'.

UBD terima sumbangan peralatan dan sumber rujukan

RIMBA, 8 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menerima sumbangan pelbagai peralatan bahan mengajar dan sumber dalam bahasa Jepun.

Sumbangan kali kedua ini mengandungi pelbagai jenis peralatan, buku-buku teks dan rujukan di samping pita rakaman.

Bahan-bahan tersebut juga boleh diperolehi menerusi Yayasan Jepun melalui Program Sumbangan Peralatan Pengajaran Bahasa Jepun iaitu sebuah institusi bagi pertukaran kebudayaan di bawah sumbangan Kerajaan Jepun.

Sumbangan yang disempenakan sambutan ulang tahun ke-20 hubun-

Oleh Abu Bakar HAR

gan Negara Brunei Darussalam dan Jepun diharap akan dapat meningkatkan lagi persefahaman dan hubungan di antara kedua-dua buah negara.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail menerima sumbangan tersebut daripada Duta Besar Jepun ke negara ini, TYT Yoshinobu. - Gambar oleh Pg. Rafae PDPHM.

Majlis petang itu diselenggarakan dengan penyampaian sijil kepada peserta-peserta yang telah menamatkan Program Asas Pembelajaran Bahasa Jepun bagi sesi pertama dan kedua disempurnakan oleh Dr. Haji Ismail.

Menerima mengadap perwakilan asing



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Ajai Choudhry, Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Guido Scalici, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Itali ke Negara Brunei Darussalam.

Oleh Sahari Akim
Gambar-gambar oleh
Hamadi HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatan, berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Ajai Choudhry, Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam. Tuan Yang Terutama mula berkhidmat di negara ini pada tahun 2001.

Baginda kemudiannya berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Abolfazi Mohammad Alikhani, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam. Tuan Yang Terutama juga mula berkhidmat di negara ini pada tahun 2001.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Abolfazi Mohammad Alikhani, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali baginda menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dr. Guido Scalici, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Itali ke Negara Brunei Darussalam. Tuan

Yang Terutama yang beribu pejabat di Republik Singapura mula berkhidmat ke negara ini pada tahun 2000.

Hadir sama di majlis tersebut Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Perdamaian amat berharga

Dari muka I

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke dalam dewan, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan oleh Koir Kanak-kanak dari Sekolah Nusa Laila Puteri seterusnya disusuli perarakan masuk membawa-pembawa bendera dan panji-panji 25 buah negara peserta yang menyertai

Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21.

Dalam sembah alu-aluan, Ketua Pengakap PPNBD, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain antara lain menyembahkan, persidangan enam hari itu telah dapat mewujudkan hubungan yang paling rapat di kalangan pengakap dan mencapai matlamat yang dihasratkan.

Majlis diikuti dengan sembah ucapan daripada Pengerusi Jawatankuasa Pengakap Rantau Asia Pasifik yang akan bersara, Anthony Thng dan Pengerusi Jawatankuasa Pengakap Rantau Asia Pasifik yang baru, Eric Khoo serta Pengarah Persatuan Pengakap Rantau Asia Pasifik, Abdullah Rasheed.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pe-

samban yang disembahkan oleh PPNBD.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra bersama ahli-ahli pengakap.

Semasa persidangan tersebut ahli-ahli pengakap bersejua bagi mengukuhkan kerjasama yang lebih meluas serta persefahaman ke arah mempromosikan perdamaian. Ke arah itu pergerakan pengakap perlu bekerjasama dalam menghadapi dunia yang mencair.

Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 bersejua bagi pertukaran lawatan yang kerap di kalangan pengakap selain menggalakkan persatuan-persatuan pengakap melaksanakan program keamanan bagi penyertaan remaja.

Sebagai pergerakan belia yang dinamis dan bergerak cergas dan banyak membantu negara dalam proses 'nation-building' PPNBD harus berasa bangga kerana dapat menganjurkan persidangan yang bertaraf antarabangsa dan berprestij seumpama ini sejak penubuhan PPNBD lebih 70 tahun yang lalu.

Di samping itu, ia juga untuk mencapai resolusi dalam menangani isu-isu semasa bagi mempercepat perkembangan orang muda dan menciptakan kegiatan-kegiatan yang menarik yang dijangkakan akan memberi nafas baru kepada setiap negara ahli serta memandu untuk percambahan keahlian supaya lebih ramai yang menjadi ahli pengakap di samping menciptakan program kemajuan yang boleh dicapai oleh ahli berkenaan.

Seorang pembesar negara kembali ke rahmatullah

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Disember. - Dengan dukacitanya dimaklumkan bahawa seorang pembesar negara, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof ibni Al-Marhum Pengiran Pemanha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam telah kembali ke rahmatullah malam semalam ketika berusia 56 tahun.

Allahyarham merupakan adinda ipar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan adinda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Allahyarham mula ber-

tugas menjadi Timbalan Pengawal Imigresen merangkap Pesuruhjaya Pendaftaran Kebangsaan pada 1 April 1970 hingga 31 Ogos 1971 dan seterusnya dilantik menjadi Timbalan Yang Dipertua Adat Istiadat Negara sebelum dinaikkan pangkat menjadi Yang Dipertua Adat Istiadat Negara pada 1 Disember 1981 sehingga bersara pada 30 Mac 2000.

Allahyarham sebelum ini dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat dan Ahli Majlis Mesyuarat Syariah.

Yang Amat Mulia kemudian diangkat menjadi 'Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar' pada 26 Julai 1968, di samping dikurniakan



ALLAHYARHAM Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof.

beberapa Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan seperti D.K. (Dato Laila Utama) 1972; D.K. (Dato Seri Utama) 1970; S.N.B. 1969; Grand Cordon of The Nile (Egypt) 1984; P.H.B.S. 1971; P.H.L.I. 1999; P.J.K. 1989; Pingat Peringatan Jubli Perak (Selangor) 1987; Pingat

Pengisytiharan Kemerdekaan 1997; Pingat Puspita 1968; Pingat Jubli Perak 1992 dan Pingat Kerja Lama 1987.

Sepanjang dianugerahkan gelaran, Yang Amat Mulia bertanggungjawab memerhatikan perjalanan istiadat dalam majlis beristiadat bagi memastikan ianya beresesuaian dengan adat istiadat yang diamalkan untuk diperbaiki, dipermodenkan, diperelokkan dan dipersuakan dengan keadaan zaman tanpa mengubah keasliannya dan untuk disembahmaklumkan kepada Sultan.

Yang Amat Mulia telah melangsungkan perkahwinan pada 18 Ogos 1967 dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan dikurniakan lima orang cahaya mata.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima junjung ziarah wakil-wakil Persatuan Pengakap dari Rantau Asia Pasifik sejurus keberangkatan tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

برسام مماتئي كڤياتن انق ۲ سماس چوتي قرسكولهن
BERSAMA MEMATAI KEGIATAN ANAK-ANAK SEMASA CUTI PERSEKOLAHAN

دتریتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، جباتن فردان منتری، نکارا بروني داراللام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

JKR lancarkan logo baru JKR KOMITED UNTUK TERUS BERKEMBANG

JABATAN Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan telah melancarkan logo baru JKR bagi menggantikan logo lama yang membawa pengertian JKR berhasrat dan bersedia untuk membuka lembaran baru dengan membuat inisiatif-inisiatif pembaharuan ke arah merealisasikan wawasan JKR menuju kecemerlangan di masa hadapan.

Pelancaran logo baru JKR mencatatkan satu detik sejarah bagi JKR kerana logo baru tersebut telah pun dibenarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam semua persuratan JKR.

Logo JKR lama sudah sekian lama digunapakai iaitu lebih kurang 20 tahun dan sudah setentunya dengan pelancaran logo baru tersebut akan membawa pengertian yang besar kepada semua warga JKR.

LATAR BELAKANG LOGO

Latar belakang Logo JKR bermula pada awal tahun 2003 apabila Pengurus Kanan JKR telah membuat keputusan untuk menghasilkan logo baru untuk menggantikan logo yang ada sekarang.

Adalah dipercayai bahawa logo yang ada sekarang tidak pernah ada asalnya dan secara rasminya dibenarkan. Pada mulanya SKB (iaitu apabila JKR ditubuhkan di Belait) mengikut perarakan berhias, maka logo tersebut telah dibentuk.

Dalam hal lain, bekas Pengarah Kerja Raya ketika itu telah juga terlibat dengan reka bentuk logo tersebut. Sejak itu, logo tersebut telah digunakan dan dipaparkan pada kereta-kereta JKR, papan-papan tanda dan per-

**OLEH HAJI AHMAD HS
GAMBAR-GAMBAR OLEH
PENGIRAN HAJI BAHAR PHO
DAN HAMADI HM**

suratan serta bangunan-bangunan JKR.

Dalam menempuh kewujudan JKR yang ke-100 tahun iaitu di sekitar bulan Oktober 2006, beberapa usaha dan komitmen perlu bersepadu di dalam semua usaha-usaha dan menjana bina imej JKR ke tahap yang lebih cemerlang dan

berbudaya.

Perolahan logo baru itu adalah salah satu usaha JKR membentuk JKR untuk tahun 2006 bagi menonjolkan usaha-usaha para pegawai dan kakitangan JKR ke arah kecemerlangan dalam apa jua penglibatan yang telah diamanahkan.



LOGO baru JKR membawa pengertian yang besar kepada jabatan tersebut.

OBJEKTIF

Tujuan dan objektif logo baru JKR ialah sebagai permulaan yang baru dan berwawasan jauh, kesinambungan pencapaian melalui warna kelabu adalah tanda, di samping warna Bendera Negara Brunei Darussalam untuk semangat kebangsaan, panji-panji sebagai warga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dinamikan dan kesatuan organisasi, menjangkau rantau yang lebih jauh di dalam pemberian khidmat yang profesional dan JKR akan menjadi akronim yang dikenali.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad selaku tetamu kehormat menyaksikan Pameran JKR di Majlis Pelancaran Logo Baru JKR.

PEGAWAI DAN KAKITANGAN

Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, jumlah pegawai dan kakitangan JKR ialah 4,543 terdiri daripada 2,260 bergaji hari dan 1,270 dalam skim 'open vote', kira-kira lebih 2/3 dalam skim 'open vote' dan bergaji hari berjumlah 3,530 orang. Hanya 765 orang dalam skim perkhidmatan tetap iaitu kurang 1/4 dari jumlah kakitangan.

Pada tahun 1994 iaitu 10 tahun selepas itu, jumlah kakitangan JKR meningkat seramai 5,052 orang di mana jumlah 'open vote' dan bergaji hari seramai 3,132, iaitu satu jumlah yang menurun. Kakitangan dalam perkhidmatan tetap meningkat berjumlah 1,614 orang iaitu kira-kira 100 peratus peningkatan. Peningkatan jumlah tersebut dibantu dengan 175 orang pegawai-pegawai B2 ke atas yang mempunyai kelulusan profesional dan teknikal.

Pada tahun 2004, iaitu 20 tahun sejak kemerdekaan, jumlah kakitangan menurun iaitu hanya 3,917 orang dengan hanya 729 'open vote'; 744 bergaji hari ia kurang 30 peratus

dalam perkhidmatan 'open vote' dan bergaji hari. Yang lebih ketara dalam perkembangan ini adalah seramai 1,812 dalam perkhidmatan tetap dan seramai 168 orang sudah mempunyai kelulusan profesional dan teknikal dalam jangkaan kurang daripada 10 peratus.

CABARAN-CABARAN

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh JKR ialah dalam proses pembaikan dan arus perubahan iaitu pencapaian kualiti sumber tenaga manusia yang mantap.

Pada masa ini JKR masih mempunyai peratus tenaga teknikal yang rendah iaitu kurang 35 peratus sahaja dan melalui perancangan yang bersistematik melalui Bahagian Pembangunan Tenaga Manusia, jumlah tersebut akan dapat dikembangkan menjadi sebuah organisasi teknikal yang lebih mantap di masa depan.

Di samping sumber tenaga kerja teknikal dan pakar yang mantap dan mencukupi untuk menangani cabaran masa depan, JKR sedang berusaha memperkenalkan sistem kualiti kerja atau 'management quality system' yang diharap akan dapat mem-

bantu tatacara bekerja dengan lebih efisien dan berkesan.

Penyerapan sistem kualiti tersebut dapat dilihat melalui komitmen jabatan-jabatan di bawah JKR dalam usahanya untuk mendapatkan pengiktirafan Sistem ISO 9001.

Pada awal tahun ini, dua jabatan iaitu Jabatan Kemajuan dan Jabatan Pentadbiran dan Kewangan telah memulakan proses ke arah perkara tersebut dan baru-baru ini Jabatan Kemajuan telah berjaya mencapai pengiktirafan ISO 9001.

Sistem ISO 9001 akan dilartakan juga untuk digunapakai oleh setiap jabatan-jabatan di JKR secara berprogram dan berperingkat-peringkat sehinggalah kesemua jabatan memperoleh pengiktirafan dalam masa sekurang-kurangnya tiga tahun.

Sistem pengurusan berkualiti tersebut pula dirancang dengan menyelaraskan penggunaan kaedah-kaedah dengan teknologi yang baru seperti ICT bagi mempercepatkan pengedaran maklumat dan meningkatkan komunikasi sesama jabatan-jabatan kerajaan dan juga dengan orang ramai.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad menurunkan tandatangan di plak logo baru JKR.

HORMATI HAK ORANG LAIN

Demi keadilan, perpaduan dan keharmonian

MENGHORMATI dan memelihara hak merupakan suatu yang penting dan diberikan keutamaan dalam kehidupan. Agama Islam sendiri memberikan penekanan mengenai hak dengan mensyariatkan hukum-hukum dan peraturan-peraturan tertentu. Malah undang-undang sivil pun memperuntukkan akta-akta atau peraturan-peraturan tertentu mengenainya.

Hak terlalu luas skop dan pengertiannya. Ia begitu signifikan dalam kehidupan bukan sahaja dalam menjaga berbagai kepentingan malah untuk mewujudkan keadilan dan kesejahteraan kepada umat manusia termasuk makhluk Allah yang lain di muka bumi ini.

Terdapat dua bentuk hak merangkumi hak berbentuk fizikal zahir ataupun dari segi batin. Hak-hak tersebut perlu dihormati atau diberikan kepada yang berhak mengikut kewajipan ajaran agama, peraturan undang-undang, etika dan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

FOKUS kali ini secara ringkas akan membincangkan beberapa perkara mengenai hak individu, masyarakat dan negara. Oleh kerana hak itu terlalu luas skopnya maka dalam ruangan yang terbatas ini, hanya beberapa contoh dipaparkan untuk penghayatan dan manfaat bersama.

HAK

Secara umum setiap individu mempunyai hak dan keistimewaan seperti mendapat perlindungan undang-undang, keselamatan diri dan harta benda serta jaminan keamanan dan ketenteraman, menikmati perkhidmatan dan kemudahan sosial dan sebagainya.

Ketentuan juga diberikan kepada setiap rakyat dalam sesebuah negara untuk menikmati kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan dari skim-skim yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Kita juga diberikan hak dan kebebasan untuk menjalankan kegiatan pekerjaan dan kehidupan termasuk mengamalkan kepercayaan mengikut undang-undang dan peraturan yang diperuntukkan.

Selain dari itu individu juga mempunyai hak kepada milik dan harta bendanya. Pada masa yang sama setiap individu juga mempunyai hak ke atas individu yang lain. Sebagai contoh baik dari segi agama dan undang-undang, suami dan isteri serta anak-anak saling mempunyai hak di antara satu dengan yang lain.

Sementara itu keluarga, jiran tetangga, anak-anak yatim, fakir miskin, masyarakat umum dan sempamannya juga mempunyai hak masing-masing. Dalam erti kata yang luas sebuah bangsa dan negara juga mempunyai hak masing-masing di sisi agama dan undang-undang sejagat.

Sebagai contoh seorang suami dan isteri mempunyai hak zahir dan batin yang perlu ditunaikan dan dituntut di antara satu sama lain. Begitu juga halnya dengan ibu bapa dan anak-anak selain mempunyai hak untuk diri masing-masing mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk ditunaikan.

Ajaran Islam sememangnya sangat menekankan mengenai hak di mana fakir miskin, anak-anak yatim, orang-orang kurang upaya dan kurang berkemampuan dan asnaf-asnaf yang lain mempunyai sebahagian hak ke atas harta benda kita.

BERMASYARAKAT DAN BERJIRAN

Kehidupan kita dalam masyarakat saling berinteraksi dan bergantung antara satu dengan yang lain. Dalam hal ini masing-masing mempunyai hak dan kepentingan yang perlu dihormati, dipelihara dan ditunaikan demi keharmonian bersama.

Dalam kehidupan, kita perlu menghormati jiran tetangga di samping tolong-menolong dan bantu-membantu sama ada dalam keadaan susah dan senang. Istilah jiran ialah mereka yang tinggal bersebelahan rumah, di kawasan atau persekitaran rumah atau tinggal senegeri. Kita juga sering menyebut negeri-negeri luar terdekat atau berdekatan sebagai negara-negara jiran.

Kewajipan menjaga hak jiran terkandung dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 36 yang tafsirnya:

"Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh."

Sementara itu dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, Baginda bersabda yang bermaksud:

"Demi Allah tidak sempurna keimanan, tidak sempurna keimanan. Mereka bertanya: Siapa orang itu wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab: Seseorang jiran yang tidak mengamalkan jiran tetangganya dari kesusahan." (Riwayat Al-Imam Ahmad).

Dalam kehidupan berjiran, kita hendaklah mengamalkan sikap baik-baik, bermuafakat, menghindarkan dari perlakuan yang boleh melukakan dan menyengking hati jiran apatah lagi membebaskan atau menyusahkan mereka.

Kehidupan berjiran juga harus berasaskan kejujuran dan keikhlasan dalam apa juga perkara, menepati janji, mengelakkan bersangka buruk, menghindarkan perasaan hasad dengki, tamak, tidak mencari kejahatan, tidak menindas, tidak mengacau dan mengganggu atau mencari keuntungan diri.

MENGHORMATI

Kita mengambil iktibar dari keadaan di mana hak kepentingan orang lain tidak dihormati yang mengakibatkan perselisihan. Misalnya dari segi pembahagian harta waris yang dibuat secara tidak adil sesama keluarga mengikut hak-hak yang ditentukan dalam Islam.

Antara jiran bersebelahan rumah juga kadang-kadang berlaku perselisihan mengenai persempadanan lot tanah. Terdapat sebilangan orang yang sengaja menindas batu sempadan lot tanah untuk membesarkan kawasan rumahnya.

Berlaku juga jiran sebelah yang mengubah suai rumah melebihi had sempadan yang ditentukan oleh pihak berkuasa. Juga berlaku ialah perbuatan jiran yang menanam pokok-pokok bunga dan buah-buahan memasuki ke kawasan lot tanah jiran sebelah.

Lain lagi halnya dengan haiwan ternakan seperti ayam, kucing dan anjing yang dibiarkan bebas berkeluaran mengganggu ketenteraman jiran. Gangguan lain termasuklah suasana hingar-bingar, persekitaran rumah yang kotor dengan sampah sarap yang tidak terjaga dan bau busuk yang menjijikkan.

PERSELISIHAN

Menyentuh kehidupan berjiran ini maka rasanya tidak lengkap jika kita tidak menyebut mengenai interaksi sesama negara jiran atau jiran serantau. Cita-cita semua negara ialah untuk mewujudkan kerjasama yang erat dan perpaduan untuk menjamin keamanan dan keharmonian.

Kerjasama, keamanan dan persefahaman hanya akan dapat dicapai dengan adanya rasa saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Dalam hal ini semua negara juga perlu menghormati kedaulatan sesebuah negara dengan tidak mengganggu hak dan

kedaulatan serta mencampuri urusan dalaman negara masing-masing.

Semangat menghormati hak dan kedaulatan ini selaras dengan tujuan penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti yang digariskan dalam piagamnya. Antaranya setiap negara tidak kira kecil atau besar mempunyai hak yang sama di samping perlu menghormati hak dan kedaulatan wilayah masing-masing.

Sejarah membuktikan bahawa mencabuli hak individu atau hak sesebuah negara telah mendatangkan perselisihan dan ketegangan. Perkara ini bukan sahaja mewujudkan keadaan yang tidak selesa malah pertelingkahan yang berpanjangan.

Contoh yang boleh kita lihat untuk beberapa dekad lamanya ialah pertikaian antara Palestin dan Israel. Pertikaian sejak tahun 1948 ini berpunca dari pencabulan hak ke atas wilayah dan kepentingan-kepentingan rakyat Palestin yang lain.

Krisis berpanjangan ini telah mengorbankan banyak jiwa dan harta benda. Rakyat Palestin cukup menderita ditindas dan dikejam, dinafikan kebebasan, dirampas tanah hak milik mereka, ditangkang, diperangi, dibedil, dimusnahkan rumah mereka, dibunuh dan sempamannya.

Keadaan tersebut telah mengheret negara-negara berjiran seperti Mesir, Syria, Jordan, Lebanon dan negara-negara Islam lain ke kancas sengketa tersebut. Selain dari itu juga telah menyemarakkan perasaan marah dan dendam bukan sahaja di kalangan rakyat Palestin malah umat Islam di seluruh dunia yang mencetuskan perbalahan antara agama. Keadaan semakin parah bilamana berlakunya campur tangan negara-negara kuasa besar lain.

Banyak pendapat menyatakan bahawa salah satu punca berlakunya 'keganasan'

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

(terrorism) (yang dilakukan oleh sebilangan umat Islam) merupakan tindak balas ke atas 'keganasan dan penindasan' yang ditimpakan kepada mereka.

Pencerobohan dan pencabulan hak ke atas sesebuah bangsa dan negara apatah lagi apabila berlakunya kekejaman dan penindasan yang mengakibatkan korban jiwa dan harta benda juga diistilahkan sebagai 'keganasan'. Sebab itu negara-negara dunia harus adil dalam memberikan takrif dan pengertian 'keganasan' yang sebenar.

Sebenarnya banyak lagi peristiwa dan persengketaan lain di seluruh dunia yang melibatkan hak, kedaulatan wilayah dan kehormatan yang boleh direnung dan dihayati untuk dijadikan pengajaran dan tauladan agar kita tidak terjerumus kepada keadaan sedemikian.

Pencerobohan dan penindasan di zaman moden ini juga tidak semestinya dilakukan secara 'fizikal' tetapi adakalanya dibuat secara 'halus' berbentuk 'tekanan psikologi' dan 'manipulasi'. Sebab itu setengah pihak menganggap era globalisasi dan liberalisasi belum menjajikan keadilan kepada semua negara terutama negara-negara kecil dan mundur.

Dalam hal ini para pendukung Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu harus berusaha memantapkan badan dunia itu dan memastikan setiap negara mematuhi dan tidak mencabuli piagamnya demi keamanan dan keharmonian sejagat.

Kita sedar bahawa terdapat sebilangan negara dunia termasuk beberapa anggota negara ASEAN yang agak 'vokal dan tegas' mengenai perkara tersebut. ASEAN sendiri begitu dihormati kerana usaha yang berterusan dalam memupuk keamanan, persefahaman dan kerja-

sama berasaskan keadilan, kesaksamaan dan saling hormat-menghormati demi kemanfaatan bersama. ASEAN harus mempraktikkannya bukan hanya dengan ilusi dan kata-kata tetapi melalui amalan dan perbuatan.

Takaduhung menyebut mengenai hak, penulis ingin mengambil manfaat dari petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah baru-baru ini yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa dan dihadiri oleh para 'achievers'.

Antara kalimat yang terkandung dalam titah baginda itu ialah:

"Jika semua hak-hak ini dihormati, maka dunia akan selamat dan seluruh penghuni akan berbahagia, sekalipun tingkat kebahagiaan itu berbeza-beza."

Dan inilah yang sebenar-benarnya ajaran agama kita. Ia menyuruh supaya menghormati semua orang. Jangan ganggu setiap hak orang. Dari hak peribadi, hak bermasyarakat, sampai kepada hak bernegara."

Dalam kalimat yang lain baginda bertitah:

"Kita mohon kepada Allah, supaya kita tidak mengacau orang, dan orang tidak mengacau kita."

Sama-sama kita akan membuat kebajikan, sama-sama kita mahukan damai dan sama-sama kita kepingin bahagia. Carilah ia di dalam diri dan di dalam tanah air masing-masing."

Ini, adalah hak semua orang. Allah telah pun menentukannya bagi masing-masing."

Penutup kata: 'Sama-sama kita merenung dan mengamalkannya'.




PIHAK Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari tahun ke tahun terus berusaha meningkatkan kemudahan pengangkutan dan pengurusan bagi para bakal haji negara ini termasuklah penubuhan Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Selari dengan peredaran masa, suasana sambutan bagi mengucapkan selamat belayar atau berangkat ke Tanah Suci juga turut berubah. Gambar kiri memperlihatkan suasana pemergian 225 orang jemaah haji yang akan berangkat dari Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei ke Perairan Labuan menaiki lima buah kapal kerajaan iaitu 'Bolkiah', 'Sultan', 'Muara', 'Laifa Menchanai' dan 'Sri Setia' pada 18 Januari 1967. Di Labuan, mereka akan menaiki kapal haji, 'Anshun' yang akan belayar ke Jeddah melalui Pelabuhan Pending di Kuching (untuk megambil para jemaah dari Sarawak), Singapura, Port Swettenham, Pulau Pinang dan beberapa pelabuhan lain. - Sumber: PELITA BRUNEI, Tahun 12, Bilangan 4, Rabu, 25 Januari 1967. Bandar Brunei: Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kerajaan Brunei. (1967: 4 & 5).

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (Bahagian Kemajuan Daerah) Bahagian III

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pandangan/ulasan bagi menukar Syarat Khas Tanah	2 minggu
2.	Pandangan/ulasan bagi Lesen Rampaian	3 minggu
3.	Pandangan/ulasan bagi pinjaman rumah	2 hari

* Tempoh masa adalah hari bekerja



Zina merupakan jenayah, menimbulkan masalah kepada masyarakat dan negara

tidak berdosa baik perempuan mahupun lelaki dan meninggalkan atau membiarkannya di tempat-tempat yang terdedah kepada bahaya dan tidak selamat, bahkan sehingga menyebabkan kematian. Perbuatan ini tidak jauh bezanya dengan perbuatan di zaman jahiliyah.

Melakukan pembuangan anak apatah lagi sampai menyebabkan kematian, adalah perbuatan zalim yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wataala, dan termasuk dalam dosa besar yang mengakibatkan pelakunya akan mendapat seksa yang pedih di akhirat kelak, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 165 yang tafsirnya:

"Dan Kami tempatkan orang-orang yang zalim dengan azab seksa yang amat berat disebabkan mereka berlaku paksa (derhaka)."

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Dari Anas bin Malik Radiallahuanhu ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyebut tentang dosa-dosa besar (atau Baginda ditanya tentang dosa-dosa besar), maka Baginda bersabda: Menyekutukan Allah, membunuh manusia dan derhaka kepada kedua ibu bapa." (Hadis riwayat Al-Imam Muslim).

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala menciptakan manusia ini dengan sebaik-baik kejadian. Dengan mengurniakan akal dan fikiran supaya dapat menjalani kehidupan di dunia ini dengan sempurna dan teratur. Tetapi apa yang mendukacitakan, terdapat segelintir manusia yang bertindak di luar batas kemanusiaan sehingga sanggup melakukan perbuatan

SEBAGAIMANA yang diceritakan oleh Al-Quran dan kitab sejarah bahawa orang Arab di zaman jahiliyah membunuh anak perempuan mereka dengan menanamnya hidup-hidup. Lain halnya dengan perbuatan segelintir orang zaman sekarang di mana mereka tergamak membuang anak damit yang tidak berdosa baik perempuan mahupun lelaki dan meninggalkan atau membiarkannya di tempat-tempat yang terdedah kepada bahaya dan tidak selamat, bahkan sehingga menyebabkan kematian. Perbuatan ini tidak jauh bezanya dengan perbuatan di zaman jahiliyah.

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Isra' ayat 32 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan."

Perbuatan zina adalah perbuatan yang sangat keji dan dosa besar yang hukumannya adalah haram. Perbuatan zina merupakan jenayah dalam Islam yang banyak menimbulkan masalah kepada masyarakat dan negara. Zina boleh menyebabkan masyarakat porak-peranda dan berpecah-belah, merosakkan keturunan, membawa bermacam-macam penyakit, merosakkan kesihatan rohani dan jasmani, menghilangkan ketenangan dan mencemarkan kesucian Islam. Bahkan merupakan salah satu penyebab turunnya bala.

Pertu disadari bahawa di samping zina itu perbuatan terkutuk, dosa besar dan haram, ianya pula kadang-kadang dicitikan dengan perbuatan dosa yang lain kerana ada di antara mereka yang mengandungan anak

hasil perbuatan zina itu berusaha untuk mengugurkan anak dalam kandungan tersebut. Dan kadang-kadang jika tidak dapat digugurkan, maka anak damit yang baru dilahirkan itu pula akan dibuang di merata tempat seperti tempat pembuangan sampah, dalam semak dan ada kalanya ditinggalkan di tempat umum dengan tiada rasa kasih sayang dan belas kasihan. Hasil perbuatan kejam itu menyebabkan anak damit berkenaan terdedah kepada bahaya yang ada kalanya menyebabkan kematian.

Sebelum kedatangan Islam, orang-orang Arab zaman jahiliyah membunuh anak-anak perempuan mereka dengan menanamnya hidup-hidup, kerana berasa malu beroleh anak perempuan. Kisah ini diceritakan di dalam Al-Quran melalui firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nahl ayat 58 - 59 yang tafsirnya:

"Dan apabila di khabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari kerana menanggung dukacita, sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati. Ia bersembunyi dari orang ramai kerana merasa malu disebabkan berita buruk yang disampaikan kepadanya tentang ia beroleh anak perempuan sambil ia berfikir apakah ia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina atau ia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah?"

Ketahuilah sungguh jahat apa yang mereka lakukan itu."

Sebagaimana yang diceritakan oleh Al-Quran dan kitab sejarah bahawa orang Arab di zaman jahiliyah membunuh anak perempuan mereka dengan menanamnya hidup-hidup. Lain halnya dengan perbuatan segelintir orang zaman sekarang di mana mereka tergamak membuang anak damit yang

PERBUATAN zina adalah perbuatan yang sangat keji dan dosa besar yang hukumannya adalah haram. Perbuatan zina merupakan jenayah dalam Islam yang banyak menimbulkan masalah kepada masyarakat dan negara.

Zina boleh menyebabkan masyarakat porak-peranda dan berpecah-belah, merosakkan keturunan, membawa bermacam-macam penyakit, merosakkan kesihatan rohani dan jasmani, menghilangkan ketenangan dan mencemarkan kesucian Islam. Bahkan merupakan salah satu penyebab turunnya bala.

terkutuk dan berlaku kejam dan zalim dengan membuang anak yang dilahirkan sendiri. Bayangkan binatang pun tidak melakukan perbuatan sedemikian.

Ketahuilah bahawa anak itu adalah amanah daripada Allah Subhanahu Wataala dan dipertanggungjawabkan untuk dipeelihara dan dijaga, bukan diabaikan kerana mereka-lah generasi yang akan menyambung keturunan dan merekalah juga yang akan menjadi khalifah di muka bumi ini selepas kita yang akan meneruskan perjuangan, menyebarkan risalah Islam kepada generasi akan datang.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Isra' ayat 33 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan warisnya berkuasa menuntut balas. Dalam pada itu, janganlah ia melampaui batas dalam menuntut balas bunuh itu, kerana sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut hukum syarak)."

وقت سمبھيٹ، امساك، شورو ق دار حضر

وقت ۲ سمبھيٹ، امساك، شورو ق دار حضرى باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 3 ذوالقعدة، 1425 برسمان دغن
15 ديسيمبر، 2004 هيگت كهاري ثلاث، 9 ذوالقعدة، 1425 برسمان دغن 21 ديسيمبر، 2004 اداله سقرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شورو ق	ضحى	مسيحي
ذوالقعدة									ديسمبر
3	12.17	3.39	6.11	7.26	4.47	4.57	6.19	6.45	15
4	12.17	3.39	6.11	7.26	4.47	4.57	6.20	6.45	16
5	12.18	3.40	6.12	7.27	4.48	4.58	6.20	6.46	17
6	12.18	3.40	6.12	7.27	4.48	4.58	6.21	6.46	18
7	12.19	3.41	6.13	7.28	4.49	4.59	6.21	6.47	19
8	12.19	3.41	6.13	7.28	4.49	4.59	6.22	6.47	20
9	12.20	3.42	6.14	7.29	4.50	5.00	6.22	6.48	21

وقت ۲ سمبھيٹ باگي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيٹ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تھاري.

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

PERKARA-PERKARA YANG DISUNATKAN KETIKA BERTALBIYAH

MENURUT Imam An-Nawawi dalam kitab Hasyiah Ibnu Hajar 'ala Al-Idhah, di antara perkara sunat yang dilakukan ketika bertalbiyah ialah:

1. Sunat memulai ucapan talbiyah dengan 'Labbaikallah humma bihaji' jika dia berihram haji 'Labbaikallah humma biumrah' atau jika dia berihram umrah. Selepas itu tidak diulangi perkataan haji dan umrah itu pada setiap kali ucapan talbiyah menurut pendapat yang sah lagi terpilih.

2. Membaca talbiyah sebagaimana lafaz talbiyah yang diucapkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika ditambah lafaz tersebut maka dia meninggalkan sunnah, walau bagaimanapun tidak makruh berbuat demikian kerana diriwayatkan bahawa Sayyidina Umar Al-Khattab dan anaknya Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma telah menambah lafaz talbiyah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan perkataan yang maksudnya:

"Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, dan aku merasa bahagia dapat memenuhi panggilan-Mu, dan segala kebajikan hanya bagi-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, dan segala kasih sayang serta amal kebajikan adalah bagi-Mu." (Hadis riwayat Muslim).

3. Berselawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam selepas bertalbiyah. Menurut Ibnu Hajar Rahimahullah sebaik-baik selawat yang dibaca ialah selawat yang dibaca di dalam tashahhud (Selawat Ibrahimiyah).

4. Memohon doa kepada Allah Subhanahu Wataala akan nikmat Syurga dan keredaan-Nya serta memohon perlindungan daripada api Neraka atau sebarang doa yang lain dalam perkara dunia dan aqama. Sebagai contoh doa yang dibaca ialah yang ertinya:

"Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu keredaan dan Syurga-Mu, dan aku berlindung daripada kemurkaan-Mu dan azab api Neraka."

Perkara memohon doa selepas bertalbiyah adalah berdasarkan riwayat Khuzaimah bin Tsabit Radiallahuanhu, beliau berkata yang maksudnya:

"Adalah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila selesai daripada membaca talbiyah di dalam haji atau umrah, Baginda memohon kepada Allah Taala keredaan-Nya dan Syurga serta berlindung dengan rahmat-Nya daripada azab api Neraka. Kemudian Baginda memohon sebarang perkara yang dikehendakinya." (Hadis riwayat Baihaqi dan Syafi'e).

TALBIYAH DAN TAKBIR: Pensyariatannya Dalam Ibadat Haji

5. Memperbanyakkan ucapan talbiyah sepanjang berihram pada setiap masa, tempat dan keadaan. Walau bagaimanapun, menurut Al-Khatib As-Syarbini makruh bertalbiyah di tempat-tempat yang najis dan seumpamanya.

6. Disunatkan bertalbiyah dalam keadaan berdiri, duduk, di atas tunggangan atau kenderaan, ketika berjalan, berbaring, sama ada dalam keadaan haid atau junub. Lebih-lebih lagi ketika turun dan naik kenderaan, sama ada duduk atau berdiri dalam kenderaan, atau dalam perkumpulan jemaahnya.

7. Disunatkan juga di waktu sahur, siang dan malam. Begitu juga selepas menunaikan sembahyang iaitu sebelum membaca zikir-zikir yang lain sebagaimana menurut Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah.

8. Disunatkan juga ketika berada di dalam masjid seperti Masjid Al-Haram, Masjid Al-Khaif di Mina dan Masjid di Arafah kerana semua itu adalah tempat-tempat nusuk (tempat-tempat ibadat dalam berhaji). Dibolehkan menyaringkan suara ketika bertalbiyah di dalam masjid. Walau bagaimanapun haram berbuat demikian jika keterlaluan sehingga mengganggu para jemaah lain yang sedang sembahyang, tawaf, tidur atau membaca.

9. Disunatkan bagi lelaki menyaringkan suara ketika bertalbiyah asalkan tidak menyusahkan dirinya. Bagi perempuan pula memadai dengan suara yang perlahan yang boleh didengar oleh dirinya sendiri dan tidak disunatkan menyaringkan suaranya, kerana ditakuti fitnah daripada suaranya itu.

10. Sunat talbiyah diulang-ulang sehingga tiga kali. Sebagai contoh diucapkan talbiyah tiga kali kemudian berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan membaca doa. Begitulah seterusnya diulang-ulang sebagaimana menurut Ibnu Hajar Rahimahullah. Jika diucapkan talbiyah itu dengan banyak dan berkali-kali tidaklah disunatkan berselawat dan berdoa kecuali setelah dia mena-

matkan ucapan talbiyah tersebut.

11. Sunat tidak bercakap-cakap ketika bertalbiyah kecuali menjawab salam dan lebih elok mengakhiri menjawab salam tersebut. Menurut Imam An-Nawawi makruh bagi orang yang bertalbiyah memberi salam kerana memutuskan talbiyah itu adalah makruh.

12. Apabila melihat sesuatu yang menghairankan, mengejutkan atau memeranjatkan sunat diucapkan yang ertinya:

"Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, sesungguhnya kehidupan sejati itu adalah kehidupan di akhirat."

BOLEHKAH BERTALBIYAH SELAIN BAHASA ARAB?

Harus bagi orang yang tidak pandai berbahasa Arab bertalbiyah dengan bahasanya sendiri sebaliknya haram bagi orang yang pandai berbahasa Arab mengalih-bahasakan talbiyah tersebut ke bahasanya sendiri sebagaimana menurut Ibnu Hajar dan lain-lain ulama Syafi'iyah.

Menurut Al-Mutawalli pula jika seseorang itu tidak pandai bahasa Arab maka diperintahkan untuk belajar. Dalam masa dia belajar itu maka bolehlah dia bertalbiyah dengan bahasanya sendiri.

TAKBIR HARI RAYA

Salah satu syiar dalam haji khususnya pada Hari Raya Adha, juga Hari Raya Fitrah ialah takbir.

Sunat melaungkan takbir dengan suara yang jahr (nyaring), sama ada di rumah, masjid, pasar atau sebagainya pada malam Hari Raya Fitrah dan Hari Raya Adha selepas terbenamnya matahari sehinggalah imam mengangkat takbirah Al-ihram Sembahyang Hari Raya. Takbir ini dinamakan mursal dan mutlaq iaitu takbir yang tidak terikat selepas sembahyang dan dilaungkan bila-bila sahaja.

Manakala takbir muqayyad ialah takbir yang terikat dan dilaungkan sebaik sahaja selesai sembahyang fardu, sunat, tunai atau qada. Takbir muqayyad ini khusus bagi Hari Raya Adha dan bagi orang yang



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 195 Bahagian Akhir

tidak mengerjakan haji. Bermula takbir tersebut pada subuh hari Arafah sehinggalah Asar di akhir hari Tasyriq.

Apabila bertepatan malam Hari Raya itu dengan malam Jumaat, menurut Asy-Syibramalisiy, lakukanlah pada malam tersebut dengan bertakbir, membaca Surah Al-Kahfi dan berselawat kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Lafaz takbir yang disunatkan itu ialah:

Bagi orang yang menunaikan haji atau umrah tidak disunatkan bertakbir Hari Raya Adha melainkan selepas dia mengerjakan Sembahyang Zuhur di Hari Raya Adha tersebut. Ini kerana mereka disyariatkan bertalbiyah di malam Hari Raya itu.

Pada sepuluh Zulhijjah, sunat mengucapkan takbir apabila melihat atau mendengar suara binatang korban, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban)." (Surah Al-Haji: 28).

PENUTUP

Talbiyah dan takbir adalah di antara amalan-amalan sunat yang dilakukan di dalam ibadat haji.

Talbiyah disyariatkan sebaik-baik sahaja selesai berniat ihram dan disunatkan sentiasa diucapkan sepanjang berihram sebagai mengikut sunnah. Ia juga adalah syiar dalam ihram.

Takbir pula disunatkan kepada orang yang melakukan haji ketika melakukan lontaran pertama Jamrah Aqabah pada hari Nahar. Khusus Takbir Hari Raya, bagi para jemaah haji hanya disunatkan kepada mereka selepas mengerjakan Sembahyang Zuhur pada hari tersebut.

WALLAHUAKLAM

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

ALLAH Subhanahu Wataala telah menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian, pandai berkata-kata, berakal fikiran sehingga dapat menguasai dunia dan isinya. Akal ini berfungsi untuk memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah. Begitu juga Allah telah mengurniakan kepada manusia ilmu yang tidak ternilai harganya yang dengannya menjadikan mereka sebagai makhluk yang mulia dan terhormat, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Israa' ayat 70 yang tafsirnya:

"Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan."

Kelebihan manusia yang terbesar ialah Allah Subhanahu Wataala telah mengajar Nabi Adam Alaihissalam nama-nama benda seperti mana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 31 yang tafsirnya:

"Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkan-Nya kepada Malaikat lalu Ia berfirman: Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar."

Menurut tafsir Ibnu Kathir diterangkan bahawa kemuliaan Nabi Adam melebihi Malaikat adalah kerana ilmu

Ilmu faktor penentu martabat manusia

mengenal setiap sesuatu benda telah diajarkan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada Baginda tetapi tidak diajarkan kepada Malaikat.

Dengan kelebihan manusia inilah, makhluk ini terpilih menjadi khalifah di bumi, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 30 yang tafsirnya:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi..."

Khalifah yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah makhluk yang diciptakan oleh Allah untuk memakmurkan dunia melalui penyusunan kehidupan manusia dengan berpanduan hukum-hukum Allah. Bersama itu juga Allah telah mengutuskan Rasul-rasul-Nya bagi memimpin manusia seluruhnya iaitu bermula dari Nabi Adam Alaihissalam sebagai manusia pertama yang dijadikan Allah hinggalah

kepada Nabi terakhir iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Mereka ini adalah khalifah-khalifah Allah yang bertugas menyampaikan hukum-hukum-Nya bagi mengatur kehidupan individu, masyarakat dan negara berlandaskan apa yang telah diwahyukan kepada mereka.

Jelasnya ilmu merupakan salah satu faktor yang menentukan kemuliaan manusia dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain termasuk Malaikat dan jin. Mengingat begitu pentingnya ilmu bagi martabat manusia, sejak awal kejadian manusia lagi Allah Subhanahu Wataala secara langsung telah mengajar ilmu itu kepada manusia.

Al-Quran dengan jelas sekali mengakui bahawa salah satu dari asas terpenting untuk melaksanakan tugas khalifah mentadbir bumi ialah memiliki ilmu sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 247 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu dan telah mengurniakan kepadanya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan dan (ingatlah) Allah jualah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendakinya dan Allah amat luas (rahmat-Nya dan pengurniaan-Nya) lagi meliputi ilmu-Nya."

Oleh yang demikian, Islam menekankan kepada umatnya mengenai betapa pentingnya ilmu pengetahuan. Kerana ilmu itu berfungsi sebagai ubat kejahilan dan menyelamatkan manusia dari kesesatan kepada hidayah, kesyirikan dan kekufuran kepada tauhid dan keimanan serta dari menyekutukan Allah kepada mengagungkan-Nya. Demikianlah kepentingan ilmu pengetahuan kepada manusia untuk mengatur sistem kehidupan ke arah yang lebih baik, di samping untuk mendapatkan kesenangan dan kemajuan. Maka mencari ilmu adalah salah satu usaha dalam membuat perubahan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 11 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

ALHAMDULLILAH, pada masa ini kita sering mendengar, membaca dan mengikuti berita yang memaparkan mengenai penglibatan remaja kita khususnya yang baru meningkat remaja telah beransur-ansur menjurus kepada pembinaan imej yang baik dan berketumpukan. Ini jelas apabila ramai para remaja kita khususnya pelajar-pelajar sekolah telah mewakili negara ke berbagai acara atau pertandingan yang bertaraf antarabangsa bahkan ada yang bertaraf dunia.

Ramai remaja kita telah pernah mewakili negara ke persidangan-persidangan umpamanya ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selaku duta kecil negara, ke pertandingan antarabangsa seperti Olyimpiad Sains dan Projek Teknologi, Perkhemahan Belia Antarabangsa, pertukaran belia antarabangsa dan serantau dan juga pertandingan-perandingan yang berbentuk sukan dan olah raga.

Perkembangan seumpama itu adalah menjadi suatu kebanggaan dan sanjungan kita. Ini telah menunjukkan bahawa belia kita adalah sama handal dan sama cekal seperti remaja yang lain di dunia. Namun apa yang juga membimbangkan sekarang ialah aliran jenayah-jenayah yang melibatkan anak muda dan juvana yang tidak kurang mengancam kestabilan negara kita yang aman damai dan juga menjadi isu yang sangat membimbangkan kerajaan dan ibu bapa pada masa ini.

Kita menyifatkan ke-runtuhan moral dan nilai kemanusiaan di samping kecanggihan teknologi masa kini adalah sebagai sebahagian dari penyumbang kepada peningkatan berbagai gejala sosial sekali gus meningkatkan kerancakan aliran jenayah yang melibatkan anak muda dan juvana yang kebanyakannya terdiri daripada remaja yang berusia muda.

Baru-baru ini kenyataan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat yang dipetik dalam akhbar tempatan ketika membentangkan kertas kerjanya dalam Program Tarbiyah Wanita Islam telah memberikan gambaran yang cukup jelas bahawa aliran jenayah berkenaan adalah dalam gerakannya menuju ke tahap yang membimbangkan jika kita nilai dengan kadar jumlah penduduk kita yang agak kecil.

Antara lain kenyataan tersebut menyatakan bahawa jenayah-jenayah ini telah berlaku di kalangan mereka yang baru melangkah ke alam remaja. Kebanyakan mereka berusia antara 11 hingga 18 tahun adalah golongan remaja baru yang dicemarkan oleh keluarga mereka sendiri. Sejumlah 28 kes juga telah dikenal pasti sejak tahun 1998, sebagai remaja yang mencemarkan keluarga mereka. Dalam pada itu, mereka yang berumur antara 11 hingga 18 tahun juga adalah dicatatkan sebagai yang paling ramai terlibat dalam jenayah juvana diikuti dengan golongan remaja

yang berusia 17 hingga 25 tahun. Dan yang paling menghairankan lagi ialah wujudnya dua kes yang melibatkan kanak-kanak yang berusia satu hingga 10 tahun.

Menurut akhbar berkenaan juga, perangkaan yang dipetik dari Pusat Pemulihan Taman Norhidayah, Jabatan Pembangunan Masyarakat menunjukkan bahawa sejak lima tahun kebelakangan telah tercatat sejumlah 16 kes sumbang mahram dan 17 kes penderaan seksual yang melibatkan 14 kelahiran.

Melihat kepada pasang dan surutnya aliran masalah sosial yang melibatkan orang muda dan juvana ini sudah tentunya mendedahkan generasi alaf baru kepada masa depan yang malap. Menurut Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat lagi, sehingga bulan Jun tahun ini, antara lima kes sumbang mahram yang telah dicatatkan adalah dilakukan oleh mereka yang dekat dengan ahli keluarga berkenaan termasuk si ayah dalam tiga kes dan si nenek dalam dua kes yang lain.

Pada tahun lalu saja, sebanyak tujuh kes telah dilaporkan dengan mereka yang telah dihukum adalah terdiri daripada si ayah satu kes, si nenek satu kes, adik beradik lelaki dalam dua kes, ayah tiri satu kes dan satu kes lagi melibatkan adik lelaki yang muda.

Sementara itu dalam kes-kes penderaan seksual pula sebanyak 12 kes telah dicatatkan yang terdiri pelakunya daripada si ayah, empat kes dilakukan oleh si nenek dan telah pun

ALIRAN JENAYAH MELIBATKAN ANAK MUDA MASA KINI MEMBIMBANGKAN

dihukum, si bapa tiri satu kes dan saudara si ayah, dalam satu lagi kes.

Manakala dalam hal remaja pula, remaja dalam erti kata mereka yang berusia di bawah 18 tahun, kes-kes yang melibatkan kelahiran anak luar nikah telah mencatatkan jumlah yang tidak menentu. Pada tahun 1999 sahaja sejumlah 28 kes telah dicatatkan sementara pada tahun 2003 sebanyak 26 kes. Bagaimanapun sehingga bulan Ogos tahun ini, sebanyak 35 kes telah dicatatkan, iaitu satu catatan yang tertinggi sejak lima tahun. Sehingga bulan Oktober tahun ini pula, sebanyak 47 ahli telah dimasukkan ke dalam Pusat Pemulihan Jabatan Pembangunan Masyarakat yang terdiri daripada mereka yang susah untuk dikawal sehingga anak muda yang mempunyai keluarga bermasalah, mangsa-mangsa kes rogol dan kes-kes penganiayaan seksual.

Menurut Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat lagi, bahawa ketika ini jabatannya mempunyai tiga buah pusat pemulihan iaitu Taman Norhidayah yang terbahagi kepada dua. Salah satunya adalah untuk menyediakan tempat tinggal bagi anak muda yang susah dikawal dan satu lagi menyediakan tempat ting-



Kelolaan : Haji Dayang HK

gal bagi kanak-kanak remaja yang didera dan isteri-isteri yang didera secara seksual dan mereka yang mempunyai keluarga yang bermasalah. Sementara pusat pemulihan yang satu lagi ialah Darussakinah I (bagi kanak-kanak lelaki), dan Darussakinah II (bagi kanak-kanak perempuan) yang menyediakan perlindungan dan tempat tinggal bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan yang diabaikan, didera dan yang melarikan diri di bawah umur 18 tahun.

Dari kenyataan dan merujuk kepada perangkaan yang telah dipaparkan itu dapatlah kita melihat di mana kita harus berdiri sekarang? Apakah sudah cukup apa yang telah kita tarbiahkan kepada anak-anak kita tentang hidup dan kehidupan ini? Wajarkah kita berpuas hati dengan apa yang ada sekarang? Atau harus ada titik tolak yang menjadi sukat-sukat bagi membuat dan merancang secara strategik visi dan misi kita sebagai masyarakat Brunei yang terkenal sebagai masyarakat prihatin.

Dalam hal ini penulis berpendapat ada lima perkara asas yang perlu dibin-

cangkan, dikupas dan ditunduki bersama oleh kita dan pihak yang berkenaan. Perkara-perkara tersebut ialah apakah peranan keluarga dalam membentuk sahsiah remaja? Apakah peranan sekolah dalam menangani masalah juvana? Apakah peranan masyarakat dalam mendidik keperibadian remaja masa kini? Apakah peranan agensi awam dalam membentuk remaja berakhlak? Demikian yang dikira sebagai asas kepada percambahan pemikiran ke arah membentuk sebuah golongan remaja yang 'perkasa dan pendekar' dalam segala hal.

Demikian sekira-kira isu yang kita kupas dalam siri TEROPONG PELITA kali ini. Sekurang-kurangnya apa yang kita istilahkan sebagai 'Emasku Intan' iaitu belia aset terpenting dalam pembangunan negara ini akan tetap memberikan nilai yang tinggi dan tidak pernah turun dalam pasaran penghidupan dan pembangunan. Semoga kebanggaan dan sanjungan kita terhadap golongan ini akan tetap kekal dan menyelerah dan semoga 'perguruan' mereka akan tamat dengan langkah sebagai pendekar yang pintar.

BICARA IT

FUNGSI, TUGAS DAN KUASA AiTi

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat

BICARA IT siri ketiga mengenai Pihak Berkuasa Teknologi Industri Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negara Brunei Darussalam akan membicarakan mengenai beberapa fungsi, tugas dan kuasa yang dipertanggungjawabkan kepada AiTi, merangkumi:

a. Untuk meningkatkan efisiensi dan daya saing industri informasi dan komunikasi Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa.

b. Untuk memastikan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi dapat diakses sebaiknya di kalangan masyarakat negara ini di samping dibekalkan secara efisien serta ekonomik pada tahap piawaian yang dapat memenuhi keperluan sosial, perindustrian dan perniagaan di Brunei Darussalam.

c. Untuk mempertingkatkan dan mengekalkan peraturan pasaran yang adil, efisien dan persaingan efektif antara mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang berhubung kait dengan teknologi telekomunikasi di negara ini.

d. Untuk meningkatkan penglibatan semua sektor secara efektif dalam pasaran industri informasi dan komunikasi (sama ada di negara ini dan di mana-mana sahaja).

e. Bertindak selaku badan nasional mewakili negara dalam hal-hal ICT.

f. Untuk menasihatkan kerajaan mengenai keperluan nasional dan dasar-dasar berhubung kait semua hal-hal ICT dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pihak berkuasa secara umumnya.

g. Untuk meningkatkan perkembangan teknologi dan penyelidikan serta pembangunan berhubung kait ICT.

h. Berperanan melaksanakan perlesenan dan pengawalan sejajar dengan sistem-sistem dan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini termasuk pewujudan tatarata dan piawaian yang berhubung kait dengan pemasangan peralatan sistem telekomunikasi dan komunikasi radio. Apa juga peralatan dan software tambahan kepada sistem-sistem dan pemantauan akses kepada peralatan dan software.

i. Berperanan melaksanakan perlesenan dan pengawalan sejajar dengan pembahagian dan penggunaan satelit orbit dan spektrum frekuensi radio di negara ini untuk semua kegunaan termasuk pewujudan etika dan piawaian yang berhubung kait dengannya.

j. Untuk menggalak, menyedia dan mengembangkan amalan penggunaan peraturan industri oleh Industri Maklumat dan Komunikasi di Brunei Darussalam.

k. Untuk melaksanakan fungsi perlesenan dan pengawalan berkaitan pemasangan, penggunaan dan penyediaan kabel dasar laut, stesen-stesen kabel perbatasan dan stesen-stesen satelit, penerimaan dan pemancar di negara ini dan peralatan-peralatan yang berhubung kait dengannya.

l. Untuk melaksanakan fungsi pengawalan berkaitan penetapan dan kelulusan harga, tarif, bayaran di samping menyediakan telekomunikasi dan perkhidmatan-perkhidmatan berhubung kait dengannya.

m. Untuk menggalak, mengembang, menyedia, melabur dan membantu dalam mewujudkan, membangun dan meluaskan industri maklumat dan komunikasi di negara ini.

n. Menyediakan kemudahan-kemudahan latihan dan seumpamanya bagi tujuan mengembangkan kepakaran dan pengetahuan seseorang berhubung kait dengan industri maklumat dan komunikasi di negara ini.

o. Memberikan nasihat mengenai pembangunan dan pelaksanaan sistem-sistem ICT dan perkhidmatan-perkhidmatan kepada kerajaan, Kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi berkenaan.

p. Menasihati mengenai pembelajaran dan latihan ICT di negara ini.

q. Mewujud dan mengekalkan serta meningkatkan apa yang dibenarkan oleh undang-undang, tahap dan etika pemantauan dan peraturan aspek-aspek data kearahsian ICT dan pengawalan yang difikirkan bersesuaian oleh AiTi.

r. Mengembangkan penggunaan internet serta e-niaga dan mewujudkan rangka kerja pengawalan bagi tujuan tersebut.

s. Meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran dan nasihat mengenai ICT.

t. Mengembangkan penerimaan dan penggunaan ICT di Brunei Darussalam.

u. Melaksanakan peranan dan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada AiTi di bawah Perintah Telekomunikasi 2001 atau undang-undang bertulis yang lain.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Peranan Wanita Dalam Pembangunan Masyarakat'. Tarikh tutup 22 Disember 2004.

2. 'Kawan Yang Jahat Senang Dicari, Kawan Yang Baik Sukar Ditemui'. Tarikh tutup 29 Disember 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

emel: pelita@brunet.bn

Berusaha, bertawakal dan berdoa

BERUSAHA untuk mendapatkan rezeki yang halal adalah dituntut dalam Islam, terutama bagi orang yang mempunyai tanggungan keluarga. Dalam Al-Quran terdapat banyak ayat yang menganjurkan umat Islam supaya berusaha mencari rezeki yang halal. Mencari rezeki dalam kehidupan juga merupakan cita-cita setiap individu yang hidup di muka bumi ini. Antara firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Qasas ayat 73 yang tafsirnya: "Dan di antara rahmat pemberian-Nya, Ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti) supaya kamu berihat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan juga supaya kamu bersyukur."

Seringkali kita melihat seseorang yang gigih berusaha tidak berjaya atau berhasil dalam usahanya. Dalam hal ini, seorang Muslim perlu tahu bahawa tidak semua usaha yang dilakukan akan menampakkan hasil yang diharapkan. Ada usaha yang cepat dapat hasilnya ada usaha yang lambat dapat hasilnya dan ada juga usaha yang langsung

tidak dapat hasilnya. Ketentuan sesuatu perkara itu terpuang kepada Allah jika Dia menghendaki sesuatu itu jadi maka akan jadilah ia dan jika Dia menghendaki sesuatu itu sebaliknya, jadilah ia sebaliknya. Apa yang penting ialah usaha, selepas itu terpuanglah kepada Allah untuk menentukan hasilnya.

Usaha yang baik akan dapat ganjaran yang baik sama ada di dunia atau di akhirat. Sementara usaha yang pasti akan mendapat balasan yang jahat juga ataupun kadang-kadang perkara tersebut tidak nampak di dunia, tetapi di akhirat pasti akan diperolehi atau mendapat apa yang dikehendakinya di dunia tidak semestinya akan mendapat apa yang dikehendaki di akhirat. Ada orang yang senang di dunia tetapi belum tentu akan senang pula di akhirat, segala-galanya bergantung kepada penghakiman Allah Subhanahu Wataala. Oleh yang demikian, setiap usaha hendaklah disertakan dengan tawakal serta doa supaya usaha tersebut diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala seperti firman-Nya dalam Surah Al-Talaq ayat 3

yang tafsirnya: "Dan (ingatlah)! Sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah maka Allah cukuplah baginya (untuk menoleng dan menyelamatkanannya)."

Setiap pekerjaan yang dilakukan merupakan usaha. Namun demikian tidak semua usaha mendatangkan pulangan yang diharapkan. Jika seorang pengusaha merancang sesuatu pencapaian hasil yang segera setelah ia berusaha, kemudian yang terjadi adalah sebaliknya, misalnya usahanya itu tidak berhasil atau mendatangkan kerugian, lalu ia menyalahkan takdir maka ia telah melakukan satu kesilapan kerana ia tidak menyerahkannya kepada Allah. Seolah-olah ia telah begitu yakin dengan kebolehan-nya tanpa menghiraukan adanya Yang Maha Berkuasa yang menentukan segala-galanya iaitu Allah Subhanahu Wataala. Orang seumpama ini bukan sahaja boleh dianggap sombong atau membelakangkan Allah malah ia juga boleh dikategorikan sebagai takbur.

Seringkali kita melihat seseorang yang bekerja pada jalan maksiat menikmati ke-

hidupan yang senang dan mewah, sedangkan orang yang berusaha atau bekerja pada jalan halal, kehidupan mereka tidaklah begitu mewah malah kadang-kadang kehidupan mereka susah. Mungkin timbul di benak kita, mengapa Allah menjadikan keadaan sedemikian? Kenapa orang mencari rezeki di jalan yang tidak halal dikurniakan kemewahan dan kesenangan serta maju dalam usahanya sedangkan orang yang mencari rezeki di jalan halal, hidup ala kadar sahaja?

Di sinilah letaknya apa yang dikatakan ujian dan dugaan kepada orang-orang yang beriman. Allah ingin menduga sejauh mana ketabahan dan kesabaran seseorang menghadapi keadaan tersebut, bolehkah mereka menerimanya dengan tabah dan sabar atau mereka akan memilih jalan singkat. Sesiapa yang percaya dan sadar bahawa itu adalah ujian dari Allah ia akan segera insaf serta tidak akan menyalahkan nasib.

Bertawakal adalah sifat yang terpuji dan mulia. Umat Islam diperintahkan supaya memiliki sifat ini. Sesiapa yang memiliki sifat ini, beruntunglah hidupnya kerana ia yakin bahawa Allah menyer-

tainya dalam apa jua amal atau usaha yang dilakukannya. Tawakal itu bukanlah berarti meninggalkan usaha atau meninggalkan ikhtiar, bahkan tawakal itu sendiri mengandung erti berusaha dan berikhtiar bagi mencapai sesuatu maksud dengan mengharap pertolongan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Setiap usaha yang disertakan dengan tawakal hendaklah disudahi dengan doa. Sesungguhnya usaha, tawakal dan doa haruslah berjalan seiring agar setiap apa yang dilakukan mendapat berkat daripada Allah Subhanahu Wataala seperti dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Akan dimasukkan ke Syurga orang-orang yang hati mereka seperti hati burung (yakni benar-benar berserah dan percaya kepada jaminan Allah pada dirinya)."

Haji Mohd. Noorime bin Haji Noorkaseh,
No. 20, Simpang 166, Jalan 11, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Berakas, BC 2915.
No. k/p: 00-281183

Kita mesti bijak menggunakan akal dan fikiran

SUDAH semestinya setiap individu di dalam dunia ini mempunyai cita-cita mereka yang tersendiri. Apabila ditanya apa yang dicita-citakan oleh mereka selama ini mereka akan menjawab, ingin menjadi seorang doktor, guru, peguam dan sebagainya. Nampak memang mudah untuk dikatakan akan tetapi pada realitinya, untuk mencapai sesuatu cita-cita bukanlah senang, tidak kiralah apa jua yang dicita-citakan, yang penting, bagaimanakah kita dapat mencapai sesuatu cita-cita yang kita hajat selama ini? Jawapannya ialah dengan berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala.

Adapun pengertian 'berusaha' dari perspektif Islam ialah bekerja dan berikhtiar untuk mencapai sesuatu yang dikehendaki dengan izin Allah Subhanahu Wataala. Berusaha adalah aspek yang paling penting untuk mencapai sesuatu cita-cita. Seperti kata pepatah 'yang bulat tidak akan datang bergolek dan yang pipih tidak akan datang melayang'. Islam melarang umatnya dari bersikap malas, berpeluk tubuh, menyerahkan bulat-bulat nasib kita kepada Allah atau menadahkan tangan ke langit mengharap cita-cita kita akan tercapai tanpa adanya usaha dan ikhtiar. Tetapi sebaliknya Islam memerintahkan kita supaya bekerja lebih kuat dan berusaha dengan lebih gigih untuk mencapainya. Kita mestilah bijak menggunakan akal dan fikiran yang dianugerahkan oleh

Allah Subhanahu Wataala kepada kita. Dengan akal dan fikiran kita akan dapat berfikir dan mencari ikhtiar untuk mencapai cita-cita yang dikehendaki.

Setelah berusaha dengan tekun dan gigih apa yang perlu kita lakukan untuk mencapai cita-cita tersebut ialah berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala. Adapun pengertian doa ialah permohonan seorang hamba kepada Allah untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendaki atau menolakan sesuatu yang tidak dikehendaki. Dalam melakukan sesuatu pekerjaan, umat Islam digalakkan berdoa setelah mereka berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh. Umat Islam tidak digalakkan berdoa tanpa berusaha apa-apa dan hanya mengharap Allah akan memperkenankan doanya. Adapun doa merupakan sebahagian dari usaha dan ikhtiar manusia. Doa merupakan permintaan dan permohonan kepada Allah. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya: "Memohonlah doa kepada-Ku (Allah) nescaya Aku (Allah) akan memperkenankan kepada kamu."

Aspek yang juga tidak kurang pentingnya untuk menjamin cita-cita kita akan tercapai ialah dengan bertawakal kepada Allah iaitu menyerahkan diri kepada Allah dengan penuh keyakinan dalam semua perkara untuk menentukan nasibnya setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh. Tawakal bukanlah bermaksud menyerahkan diri bulat-bulat

kepada Allah tanpa sebarang usaha. Orang yang bertawakal dengan sebenar-benarnya pasti akan dapat mencapai cita-cita mereka dan akan beroleh kejayaan dalam segala bidang pekerjaan. Ini berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Sekiranya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Dia (Allah) akan memberi kamu rezeki sebagaimana Dia (Allah) memberi rezeki kepada burung pagi dalam keadaan lapar dan kembali di waktu petang dalam keadaan kenyang."

Akan tetapi di zaman globalisasi ini, terdapat di kalangan orang-orang kita yang salah faham terhadap konsep berusaha, berdoa dan bertawakal yang sebenar-benarnya. Mereka hanya berserah semata-mata kepada Allah dengan tidak bekerja dan berusaha. Oleh itu mereka berpendapat apa gunanya berusaha keras dan berusah payah kerana jika ada rezeki, maka rezeki tersebut tidak akan ke mana. Fahaman dan iktikad sebegini adalah salah dan akan mengakibatkan umat Islam sendiri menjadi lemah, mundur dan tidak mempunyai inisiatif untuk berusaha. Di sinilah perlunya kita mempercayai qada dan qadar Allah. Sekiranya kita gagal mencapai cita-cita kita untuk kali yang pertama ini bukan bermakna kita akan gagal selamanya, kita perlu berusaha dan terus berusaha men-

capainya.

Perlu ditegaskan bahawa untuk mencapai cita-cita yang diidamkan ada tiga perkara penting yang merupakan nadi utama tercapainya sesuatu cita-cita iaitu berusaha, berdoa dan bertawakal kerana tanpanya adalah mustahil kita akan mencapainya dan ia

tidak ubah seperti angan-angan kosong semata-mata.

Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit,
No. 9, Simpang 51-36-5, Kampong Menglait, Gadong, BE 3919.
No. k/p : 00-317360

Kita perlu mengubah nasib sendiri

KEHIDUPAN yang cemerlang memang diinginkan oleh setiap orang. Apabila kita mendengar kejayaan seseorang sama ada dalam pelajaran mahupun kehidupan harian, kita ingin sekali mahu tahu apakah rahsia di sebaliknya kejayaan itu. Sebenarnya kejayaan atau kecemerlangan itu biasanya berkait rapat dengan tingkat usaha dan kegigihan serta kesungguhan yang ditunjukkan oleh seseorang. Agama Islam sendiri menekankan umatnya supaya berusaha demi mencapai kecemerlangan hidup seperti dalam Surah Al-Qasas ayat 73: "Dan di antara rahmat pemberian-Nya, Ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti), supaya kamu berihat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dan limpah kurnia-Nya dan juga supaya kamu bersyukur."

Ayat di atas jelas menerangkan bahawa kita hendaklah berusaha untuk mencapai cita-cita atau kejayaan yang kita idamkan. Kita perlu tanamkan dalam diri kita segala sifat yang boleh membawa ke mercu kejayaan dari awal-awal lagi. Waktu umur di peringkat awal inilah sepatutnya segala usaha dan kreativiti digarap dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan kejayaan adalah milik kita. Kita hendaklah merubah diri kita dengan membuang segala sifat buruk yang ada dalam diri supaya tidak menjadi batu penghalang kepada pencapaian cita-cita tinggi yang dipupuk sejak awal-awal lagi seperti yang dijelaskan dalam Surah Al-Ra'd ayat 11: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka merubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Walaupun bagaimanapun perlu kita ingat bahawa tidak semua usaha itu akan berjaya. Apatah lagi jikalau kita berusaha tanpa berdoa dan bertawakal kepada Allah Yang Maha Esa. Ini adalah salah menurut pandangan Islam. Kita perlu ketahui bahawa segala apa yang ada di dunia ini Allah yang menjadikannya dan terpuanglah kepada Allah Subhanahu Wataala untuk menentukan segalanya, sama ada mengadakan atau meniadakan sesuatu perkara itu. Oleh itu, apa yang penting ialah usaha kita dan selepas itu pohonlah kepada Allah dan serahkanlah keputusan di tangan-Nya.

Kita hendaklah memastikan setiap usaha yang dilakukan untuk mencapai cita-cita disertakan dengan amalan seperti berdoa kerana ia merupakan amalan kerohanian yang perlu dilakukan dalam memantapkan semangat agar lebih jitu. Kita juga akan dapat menempuhi segala cabaran atau dugaan dengan penuh keyakinan dan ketenangan dengan memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wataala. Doa yang dipohon-

MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Berusaha, Berdoa dan Bertawakal Untuk Mencapai Cita-Cita'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

kan dan dilakukan secara berterusan bukan sahaja membantu dalam menstabilkan emosi dan kedamaian jiwa malah akan dapat mempercepatkan datangnya bantuan Allah Subhanahu Wataala.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri mengajar umatnya supaya berdoa kepada Allah untuk mendapat restu di atas usaha yang dilakukan seperti yang dimaksudkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari dan Al-Imam Muslim: "Daripada Abdullah bin Abbas Radiallahuanhuma, (hadis yang sebelumnya diriwayatkan oleh orang yang sama) bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah berdoa: Ya Allah! Aku berserah kepada Engkau, dan aku berjuang kerana Engkau. Ya Allah! Aku berlindung dengan kemuliaan dan kekuatan Engkau. Tiada Tuhan yang aku sembah melainkan Engkau, janganlah aku disesatkan. Engkau Yang Hidup dan tidak akan mati sedangkan jin dan manusia semuanya akan mati."

Oleh itu kita perlu berusaha bersungguh-sungguh dan sentiasa berdoa kepada Allah agar merestui segala usaha yang kita lakukan.

Selain berusaha dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala untuk mencapai cita-cita, kita sertakan dengan tawakal kepada-Nya. Kita hendaklah menyerahkan diri dan pekerjaan kita kepada Allah semata-mata kerana segala kejadian di alam ini terbit daripada kudrat Allah. Dengan bertawakal kepada Allah bukan sahaja dapat membantu kita menyejatkan datangnya bantuan daripada-Nya malah mendapat kedudukan yang istimewa di sisi-Nya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 159: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal."

Apa yang diperkatakan di atas jelas menerangkan bahawa kita hendaklah berusaha, berdoa dan bertawakal demi mencapai kecemerlangan dalam hidup. Kita haruslah memastikan ketiga-tiga amalan ini berjalan seiring supaya usaha yang kita lakukan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala dan Allah akan membalas kita dengan kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Mardiah binti Haji Ramli,
No. 11, Simpang 56-7, Jalan Sangai-Sangai, Kampong Masin, BH 2723.
No. k/p : 00-284208

REMAJA

JANGAN
JADI PASIF

OLEH H. A. MANAP

SUDAH jadi perkara yang tidak dapat dielakkan lagi dan bagaikan satu trend dalam kehidupan masyarakat remaja bella kitani hingga kita sendiri iaitu dinamika perubahan diri sering bertemakan perubahan Melayu. 'sudah terhantuk baru terngaduh'. Malangnya ada juga yang enggan sedar dan berubah walaupun sudah terhantuk berkali-kali masih juga mengagut dengan kebiasaan yang tidak menguntungkan. Golongan ini seolah-olah telah lali dengan permasalahan dan kecuai diri. Akhirnya timbulah semangat mahu berubah bila ada peristiwa yang boleh disempenakan untuk bertindak

sebagai titik perubahan yang antaranya seperti menjelang tahun baru dan sebagainya. Selepas mengalami kemalangan, mendapat ilmu baru, mendedar amanat, nasihat atau sebarang pesanan yang ada kaitannya dengan diri kita, kena marah, kena hina atau perli, ditegur, didorong atau dirangsang.

Dibiarkan atau diabaikan, dikocekawakan, hasil dari perbandingan atau mesyuarat, mengalami kegagalan, mendapat ilham dan hidayah petunjuk dari Allah Subhanahu Wataala dan sebagainya banyak lagi perkara, dijadikan sempena untuk berubah. Mudah-mudahan kebanyakan kita terangsang untuk berubah secara positif tanpa perlu mengharungi ujian getir. Biarlah titik perubahan kita sesuatu yang positif dan membahagiakan. Banyak perubahan positif atau pembetulan diri yang kita lakukan bersifat 'hangat-hangat tali ayam', kerana perubahan ini dilakukan lebih bersifat segmental dan tidak menyeluruh. Padahal kalau kita hayati secara mendalam perubahan secara total merupakan suatu 'approach' yang idealistik dan praktikal. Perubahan sementara atau seg-

mental lebih menjurus kepada fizikal semata-mata sedangkan perubahan total merangkumi dari segi moral, rohani, emosi, fizikal dan sosial.

Kenapa kita memerlukan perubahan dalam kehidupan ini adalah kerana ia juga merupakan pemangkin semangat supaya perubahan itu mengundat kesejahteraan, kesesuaian dan kemantapan daya fikir pada diri seseorang. Justeru perubahan perlu bermula dari perubahan emosi. Perasaan yang mendalam seperti insaf, sedih, sayang, gembira, bahagia, marah, benci, cemburu dan sebagainya akan mendorong seseorang untuk mula memikirkan perkara-perkara, isu atau tindakan yang berkaitan dengan emosi. Makanya kita perlu merangsang emosi yang positif agar bertapak di hati kita dan mengikis setiap emosi yang negatif. Sedangkan perubahan dari segi mental sering disinonimkan dengan perubahan paradigma atau perubahan definisi perlu digerakkan untuk menghasilkan perubahan bermakna dan kekal. Cara berfikir, gaya ketrampilan, khazanah ilmu yang dijadikan asas untuk berfikir dan bijak bertindak merupakan ramuan kepada keja-

yaan perubahan yang diperlukan.

Pada hakikatnya kita perlu meyakini bahawa Allah Maha Adil. Justeru semua orang dilahirkan sama hebat tetapi tidak serupa. Kehebatan kita berbeza-beza. Orang berjaya ialah mereka yang telah menggunakan segala sumber dan kekuatan yang Allah beri secara produktif dan terarah. Kita jangan jadi pasif dan malas bergerak. Kita perlu aktif dan berani dalam menentukan cara dan kehidupan yang kita inginkan, sambilan berlandaskan kepada laluan yang betul. Meskipun perubahan itu merupakan suatu yang kadangkalanya terlalu menekan akan tetapi jangan kita jadikan hanya sebagai halangan. Perubahan mesti kita lakukan, kerana perubahan itu dapat mewujudkan pembaharuan yang boleh membantu meningkatkan keupayaan diri. Di tengah-tengah rentak kehidupan yang bermacam cara dan pantas ini, kita perlu sentiasa berubah.

Jangan biasakan diri kita sebagai penonton yang hanya mampu menyaksikan perubahan

an sedang kita masih tetap dengan cara kita. Kita perlu mengurus perubahan yang kita inginkan dengan sebaiknya. Ramai yang takut untuk mengorak langkah melakukan perubahan. Namun banyak pula yang terpaksa berdepan dengan perubahan yang memaksanya berubah. Dalam hal ini kita perlu menyedari bahawa perubahan itu adalah suatu kemestian yang mesti dilaksanakan. Namun hala tuju perubahan itu adalah yang akan menentukan nilai dan kesan yang akan terhasil. Implikasi perubahan walaupun sedikit, selalunya merubah keadaan.

Perubahan inilah sebenarnya yang memberikan gambaran sama ada perubahan yang kita lakukan berjaya atau sebaliknya. Kendatipun sedemikian orang-orang yang suka berubah selalunya memperoleh kejayaan yang cemerlang. Banyak orang-orang yang berjaya adalah mereka yang berani berubah dan membuat perubahan. Justeru rentak yang kita lalui sekarang adalah rentak yang sentiasa berubah, tidak ada sebab kenapa kita mesti jadi orang yang pasif dan tidak berubah. Jadikanlah perubahan itu sebagai penentu dalam mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Memorandum Perjanjian
Pembelian dan Penjualan
Buku-buku Terbitan DBP

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 7 Disember. - Empat buah kedai buku di negara ini telah menandatangani Memorandum Perjanjian Pembelian dan Penjualan Buku-buku Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berlangsung di Bilik Patih Berbai, DBP di sini.

Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi mewakili pihak DBP di Majlis Menandatangani bersama wakil kedai-kedai buku yang terdiri kedai buku Media Intel Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Meslia Enterprise, Madeena Book Supplies dan Hajjah Asbah Book Store.

Antara isi kandungan perjanjian tersebut ialah pihak DBP memberikan sebanyak 20 peratus diskaun kepada kedai-kedai buku tersebut bagi pembelian dan penjualan buku-buku terbitan DBP.

Setiap kedai buku dikehendaki membeli beberapa buah buku terbitan yang telah ditetapkan oleh pihak DBP iaitu lima naskah buku atau lebih

seperti Kamus Dewan, buku teks tambahan, budaya, sosial dan buku cerita kanak-kanak, 50 naskah atau lebih majalah Beriga, Jurnal Pangsur, Jurnal Undang-Undang Syariah dan Jurnal Bahasa dan 20 naskah atau lebih majalah-majalah Mekar, Juara dan Bahana.

Menurut seorang pegawai DBP, tujuan perjanjian ini diadakan adalah bagi membantu pihak DBP menyebarluaskan dan meningkatkan hasil penjualan buku-buku terbitan DBP, yang mana ketika ini pihak DBP hanya mempunyai dua buah kedai buku di samping penjualan buku di DBP di daerah-daerah.

Katanya, sambutan yang diberikan oleh kedai-kedai buku adalah sangat menggalakkan.

DBP sejauh ini telah menandatangani perjanjian bersama 17 buah kedai buku yang bermula sejak tahun 2001.



PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Haji Sumadi mewakili pihak DBP di Majlis Menandatangani Perjanjian Pembelian dan Penjualan Buku-buku bersama wakil kedai-kedai buku.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 1 Disember 2004

Awang Haji Ali bin Apong, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 649

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 649,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 649

Apakah nama masjid ini?

Abdul Qawie bin Haji Hamzah,
Sekolah Menengah Berakas,
Umur : 12 tahun

Mohd. Isma Hafiz bin Othman,
Sekolah Rendah Tungku, Brunei III,
Umur : 7 tahun

Shamsuddin bin Zaman,
Sekolah Rendah Dato Othman,
Umur : 10 tahun

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 1 Disember 2004

Lembaga Tabung Anak Yatim Daerah Belait menerima sumbangan derma

SERIA, 27 November. - Suasana kegembiraan menyambut Hari Raya Aidilfitri masih lagi diraikan oleh jabatan-jabatan kerajaan, syarikat swasta dan persendirian serta pelbagai lapisan masyarakat yang melambungkan semangat perpaduan dan kehidupan harmoni di negara ini.

Sehubungan itu Majlis Perundingan Mukim dan

Berita dan gambar-gambar ihsan daripada Unit Perhubungan Awam Jabatan Daerah Belait

Kampung Mukim Seria telah mengadakan Majlis Sambutan Kongs Raya yang pertama kali dilaksanakan dan menggabungkan masyarakat Melayu, Cina dan Iban serta kerjasama daripada syarikat swasta, persatuan belia,

penuntut sekolah dan penduduk setempat yang diadakan di Kawasan Padang Permainan Skim Perumahan Rakyat Jati Lorong Tiga di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Haji

Mohd. Yussop bin Bakar dan Datin. Di majlis itu Pegawai Daerah telah menerima sumbangan derma berjumlah \$1,255.90 bagi Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait. Derma tersebut disampaikan oleh Ketua Kampung Pekan Seria, Haji Ibrahim bin Idrus. Derma berkenaan adalah hasil kutipan Majlis Jualan Amal Bagi Anak-anak Yatim yang telah diadakan di Pasar Seria.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Mohd. Yussop bin Bakar menerima sumbangan derma berjumlah \$1,255.90 bagi Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait.

Beri perhatian sewajarnya pendidikan murid sekolah pedalaman

LABI, 30 Disember. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar menyatakan ibu bapa mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam membentuk anak-anak mereka menjadi orang yang sempurna dan berguna di masa hadapan.

Selain itu, kata Dato Paduka, guru juga orang yang diamanahkan bagi mendidik anak-anak murid mereka di sekolah agar menjadi orang yang berguna dan cemerlang di masa hadapan sebagaimana yang diharapkan oleh penjaga dan ibu bapa murid-murid itu. Beliau berucap demikian di Majlis Sambutan Hari Keluarga dan Penutup Sekolah Rendah Merangking di sini.

Pada majlis itu Guru Besar Sekolah Rendah Merangking, Awang Jamal bin Gantar berharap pihak berkenaan agar sentiasa meninjau keadaan dan perkembangan serta kemajuan pendidikan murid-murid sekolah di kawasan pedalaman agar mereka juga

dapat menikmati kemudahan yang disediakan sama seperti murid-murid sekolah di kawasan bandar.

"Dengan adanya sikap pemedulian seumpama itu tidak mustahil murid-murid sekolah di kawasan pedalaman akan menjadi murid yang cemerlang dan terbilang suatu masa nanti," katanya.

Majlis tersebut dian-

jurkan bersama pihak sekolah berkenaan, ibu bapa dan masyarakat di kawasan tersebut. Bagi membantu perkembangan kampung tersebut telah menerima pelbagai sumbangannya, daripada pelbagai pihak antaranya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menyumbangkan sebuah pondok budaya kepada

pihak sekolah berkenaan selain sumbangan peralatan sekolah daripada Syarikat Minyak Brunei Shell dan Perbadanan Bank Hongkong dan Shanghai (HSBC). Di majlis itu Pegawai Daerah telah menyampaikan hadiah kepada beberapa orang pelajar cemerlang dan pemenang pertandingan bagi penduduk kampung.



DATO Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar menyaksikan pameran hasil kraf tangan penduduk kampung.

Semangat perpaduan di kalangan masyarakat harus dipertingkatkan

LIANG, 27 November. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar berharap semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan masyarakat Mukim Liang yang sedia ada haruslah dipertingkatkan lagi terutama melalui aktiviti yang berkebaikan.

Dato Paduka menambah, semangat seumpama itu menjadi tunggak utama kepada kekuatan dalam melaksanakan sesuatu majlis yang berkebaikan, di samping menggambar sokongan yang

akrab serta semangat cintakan suasana yang harmoni. Dato Paduka berucap demikian di Majlis Mesra Aidilfitri Bagi Mukim Liang yang diadakan di Dewan Serbaguna Liang Lumut di sini.

Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Md. Yassin bin Haji Md. Yusoff selaku Pengerusi Majlis berharap dengan adanya Dewan Serbaguna tersebut akan banyak lagi aktiviti berkebaikan dilakukan di mukim berkenaan.

Di majlis itu Pegawai

Daerah dan Pengarah Urusan Brunei LNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab dan Timbalan Pengarah Urusan dan Pengarah Sumber Tenaga dan Hal Ehwal Luar Syarikat Minyak Brunei Shell, Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali menyampaikan derma dan hadiah kepada 71 orang anak yatim yang tinggal di mukim itu. Di samping itu Pegawai Daerah juga menyampaikan hadiah Pertandingan Ber-cucuk Rumah-rumah sempena Hari Raya Aidilfitri.



PEGAWAI Daerah Belait menyampaikan hadiah kepada anak-anak yatim yang tinggal di Mukim Liang.

Sokongan padu anak yatim, penjaga hasilkan kecemerlangan

KAMPONG PANDAN, 4 Disember. - Pegawai Tugas-tugas Khas Jabatan Daerah Belait, Haji Sueb Rizal bin Haji Abdul Malek menyeru anak-anak yatim dan penjaga mereka agar memberikan kerjasama yang padu serta komitmen yang lebih tinggi dalam sama-sama membantu Jawatankuasa Lembaga Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait apa jua aktiviti yang dirancang.

Tambahnya, kerjasama dan sokongan yang lebih padu daripada mereka akan menghasilkan sambutan dan kegiatan yang lebih cemerlang. Beliau berucap demikian di Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Anak-anak Yatim Daerah Belait yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Ali di sini.

Beliau seterusnya menerangkan, selain daripada majlis seumpama itu beberapa usaha telah dilaksanakan dan dirancang oleh pihak jawatankuasa dengan tujuan memberikan apa jua bentuk sumbangan yang terdaya kepada anak-anak yatim terbahit antaranya penyampaian derma kepa-

da anak-anak yatim yang diadakan setiap tahun.

Sebagai tahun terbaru Jawatankuasa Lembaga Tabung Derma Anak-anak Yatim Daerah Belait pada masa ini sedang meneliti bagi memberikan bantuan berbentuk elauan persekolahan atau peralatan sekolah kepada anak-anak yatim yang sangat memerlukannya. Bantuan tersebut diharap sedikit sebanyak akan dapat membantu melicinkan perjalanan pembelajaran mereka, katanya.

Tetamu kehormat di

majlis itu, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar dan Datin. Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan dikendalikan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Tabung berkenaan bagi meraikan anak-anak yatim dalam sama-sama menyambut Hari Raya tahun ini. Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian, puisi, tarian dan pertandingan fesyen pakaian tradisional daripada anak-anak yatim serta cabutan nombor bertuah.



PEGAWAI Daerah Belait menyampaikan sumbangan cenderahati kepada seorang anak yatim.

CUTI sekolah sudah bermula dua minggu yang lalu di negara kita. Ibu bapa merupakan insan yang paling sibuk dalam mengisi masa lapang yang begitu panjang hingga ke hujung tahun 2004. Bermacam program itu dan ini dirancang semata-mata bagi 'mereleksi' anak-anak setelah beberapa lama 'berperang' dengan musim persekolahan. Maka cuti sekolah ini amatlah sesuai bagi keluarga untuk bersantai dan menghirup angin baru sebelum tibanya musim persekolahan 2005.

Apa pun alasannya dalam musim percutian sekolah, semua pihak termasuk ibu bapa perlulah bersama-sama memantau pergerakan anak-anak jangan sampai berlaku sebarang 'keributan' dalam rumah tangga. Tetapi alhamdulillah di negara kita, pelbagai pihak baik agensi kerajaan dan bukan kerajaan berpadu tenaga dalam mengadakan program yang berfaedah. Sebagai misal masjid-masjid mengadakan program yang dikenali sebagai Program Belia Masjid. Pertubuhan beruniform seperti Pengakap, Pandu Puteri, Pasukan Kadet Polis dan Tentera mengadakan program kegiatan luar yang memberi manfaat kepada ahli-ahlinya dalam meningkatkan jati diri dan semangat berdikari.

Pendek kata pelbagai lagi agensi telah dan sedang merancang kegiatan yang berfaedah kepada remaja dan para belia kita di musim cuti persekolahan yang panjang ini.

Selain itu, bagi ibu bapa pula, cuti sekolah adalah kesempatan terbaik bagi mereka untuk meluangkan masa bersama anak-anak. Ibu bapa mengumpulkan cuti tahunan untuk pergi bercuti melancong bersama keluarga di luar negara. Sambil melancong sudah barang tentu anak-anak akan mendapat kesempatan pengalaman baru yang amat berguna dalam hidup mereka. Bagi yang kurang berkemampuan, memadai membawa anak-anak ke tempat-tempat menarik di negara ini. Negara kita mempunyai banyak tempat yang menarik untuk dilawati, amatlah ganjil bunyinya orang luar beria-ia untuk mengenali negara kita sedangkan anak watan sendiri tidak berbuat demikian. Membawa anak-anak menikmati keindahan alam semula jadi negara amat penting bagi mengenali negara sendiri sebelum mengenali negara orang lain.

Pendek kata isikanlah musim percutian itu dengan perkara-perkara yang boleh mendatangkan faedah kepada keluarga secara keseluruhannya ke arah melahirkan rumah tangga yang bahagia dan sejahtera. Caranya dengan membawa anak-anak berkecenderungan ke kawasan perumahan yang bersih dan indah. Ini menuntut ibu bapa perlu bersedia dengan 'pelbagai senjata' bagaimana untuk mengelakkan anak-anak mereka dari terjerumus ke lembah lepak tersebut. Salah satunya dengan menyediakan program yang bersesuaian untuk anak-anak mereka yang lebih menjurus kepada kebaikan yang lebih bermanfaat.

Sebenarnya sebelum cuti sekolah lagi, ibu bapa perlu menyediakan program untuk anak-anak mereka bagi mengelakkan mereka dari merayau ke sana ke mari. Maklum sajalah, ibu bapa sibuk dengan kerja harian, anak-anak pula mengambil kesempatan untuk melepak di pusat-pusat membeli be-

hubungan tali silaturahmi kekeluargaan yang akan dapat membentuk masyarakat yang harmoni dan penuh kesejahteraan.

Jangan jadikan cuti sekolah masa untuk melepak ke sana ke mari tanpa tujuan. Lepak kini sinonim dengan remaja. Sebut saja lepak orang akan mengaitkan dengan remaja. Apakah tuduhan yang dilemparkan ini benar ataupun tidak? Apakah memang benar wujud budaya lepak di kalangan remaja kita? Persoalan ini memerlukan kajian terperinci, apakah benar wujudnya budaya tersebut dalam masyarakat. Sebenarnya tabiat lepak ialah tabiat semula jadi manusia yang tidak dapat mengawal dirinya dari menghabiskan masa dengan sia-sia. Kadang-kadang mereka melepak untuk menghabiskan masa, melepak kerana bosan terhadap persekitaran di rumah dan sempumamannya.

Isu lepak bukan sahaja 100 peratus kesalahan itu terletak di tangan remaja atau belia, tetapi ibu bapa juga perlu memainkan peranan utama mengawal anak-anak mereka suka 'berjaur'. Kerana tanpa adanya pemantauan isu berkenaan akan berlarutan tanpa kesudahan. Ini menuntut ibu bapa perlu bersedia dengan 'pelbagai senjata' bagaimana untuk mengelakkan anak-anak mereka dari terjerumus ke lembah lepak tersebut. Salah satunya dengan menyediakan program yang bersesuaian untuk anak-anak mereka yang lebih menjurus kepada kebaikan yang lebih bermanfaat.

Sebenarnya sebelum cuti sekolah lagi, ibu bapa perlu menyediakan program untuk anak-anak mereka bagi mengelakkan mereka dari merayau ke sana ke mari. Maklum sajalah, ibu bapa sibuk dengan kerja harian, anak-anak pula mengambil kesempatan untuk melepak di pusat-pusat membeli be-

lah, kedai kopi, pusat permainan dan di kafe siber untuk bersembang dan 'chit-chat'. Ibu bapa juga tidak boleh mengongkong anak-anak untuk duduk di rumah. Mereka juga perlu melihat persekitaran luar. Tetapi dalam memberi kebebasan mesti ada batasan, jangan sampai memudaratkan.

Tetapi yang menjadi persoalan, bukan mudah untuk mengawal anak-anak apatah lagi yang sudah memasuki gerbang remaja. Amatlah mustahil bagi ibu bapa memantau 100 peratus kegiatan anak-anak, kerana mereka juga memikul amanah sibuk di pejabat mencari nafkah untuk keluarga. Dalam perimbangan ini apa-apa saja boleh berlaku. Tinggal saja lagi ibu bapa perlu meningkatkan kewaspadaan, jangan sampai kebebasan yang diberikan kepada anak-anak itu dijadikan 'pasport' untuk mereka melepak sehingga jauh malam. Ini amat berbahaya dan mesti dihindari sebelum berlaku.

Berbalik kepada persoalan tabiat lepak itu, sememangnya telah ada wujud dalam masyarakat di negara kita. Kalau kita perhatikan di gedung-gedung perniagaan akan ternampak oleh kita himpunan besar remaja melepak tanpa tujuan. Yang mendukacitakan, sebilangan kerenah mereka itu di luar batasan dengan mengganggu orang lalu lalang, merokok, teriak-teriak, membuat bising dan 1,000 satu macam keolahan yang dapat saksikan. Realiti ini tidak dapat kita dinafikan berlaku di depan mata.

Alangkah baiknya, dari melepak di gedung-gedung perniagaan, di kafe-kafe di musim percutian, remaja kita melepak di perpustakaan dengan membaca buku untuk menambah ilmu pengetahuan. Kerana tidak bermakna, musim cuti persekolahan, semuanya cuti dalam erti kata yang sebenar tidak mene-

Cuti sekolah - Masa terbaik melakukan kegiatan berfaedah, berkeabajikan

laah buku-buku pelajaran. Ini juga bermakna, ibu bapa perlu mengiringi anak-anak mereka ke perpustakaan, di samping menimba ilmu dapat memperluaskan lagi budaya membaca di negara ini.

Sebut budaya membaca, fenomena ini amat kurang mendapat sambutan, sungguhpun literasi di negara ini mencapai 97 peratus. Namun hakikatnya orang-orang kita yang gemar membaca amat berkurangan. Walhal ada pepatah Melayu menyatakan "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Begitulah juga dengan tradisi memupuk budaya membaca. Ia sepatutnya bermula di rumah, berlanjutan ke alam persekolahan, alam pendidikan peringkat tinggi dan alam pekerjaan. Dalam erti kata sebenar, membaca tidak ada noktah. Ia amat berguna dalam meningkatkan ilmu pengetahuan untuk kita lebih berdaya maju dan berdaya saing. Mereka yang gemar membaca, pasti ilmunya akan lebih tinggi dan berupaya mengeluarkan idea-idea yang bernas dan bermutu tinggi dalam menggerakkan kemajuan dan pembangunan negara.

Ini dapat kita perhatikan, dengan mengambil contoh teladan kepada negara matahari terbit, Jepun, di mana 95 peratus rakyatnya gemar membaca. Rakyat Jepun membaca di mana-mana saja. Mengikut laporan, setiap buku yang baru terbit di Eropah seminggu kemudian buku tersebut dijual di gedung-gedung buku dalam bahasa Jepun yang telah diterjemahkan. Hasil daripada kegigihan mereka itu, masyarakat Jepun kini di kagumi sungguhpun mereka menggunakan bahasa Jepun. Mereka dikagumi bukan kerana 'si murai' ataupun 'ninjanya' tetapi kerana kecergasan dan kekuatan ekonominya yang disebabkan oleh budaya membaca yang tinggi di



GAMBAR HIASAN... Musim cuti persekolahan perlu diisi dengan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada kegiatan yang bermanfaat dan berfaedah.

kalangan mereka. Sehingga kini, Jepun negara yang termaju dan gergasi ekonomi dunia. Apakah kita tidak 'dengki' dengan pencapaian negara itu yang mengutamakan rakyatnya membaca buku untuk mencari ilmu dan menterjemahkan dalam kemajuan.

Di negara ini, perpustakaan telah didirikan di seluruh negara bagi membolehkan rakyat untuk membaca dan menimba ilmu. Sehingga kini terdapat lebih 400 ribu buah buku dalam pelbagai bacaan disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di perpustakaan. Jumlah buku sebenarnya sudah melimpahi daripada nisbah penduduk kita. Andainya setiap penduduk kita yang berjumlah lebih 300 ribu membaca buku senaskah setiap seorang masih ada bakinya. Jika ini berlaku, kita bukan sahaja berupaya menggalakkan budaya membaca, tetapi dalam waktu yang sama akan melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan tinggi. Namun apa yang dikesalkan nisbah yang suka membaca buku masih terlalu rendah di negara ini.

Dalam apa pun pelaksanaan program budaya membaca, aspek penghayatan merupakan destinasi

terakhir dalam menjayakan sebarang program. Kita mungkin dapat menganjurkan program yang tersusun, terancang dan cangih seperti usaha DBP mengadakan Program Budaya Membaca, Taman Pertuturan Bergerak dan Pertandingan Mari Bercerita. Namun aspek penghayatan tetap menjadi daya pengukur kejayaan sesuatu program. Penghayatan pembacaan merangkumi budaya membaca yang tinggi, pembeli buku dan bahan bacaan yang luar biasa, mempunyai perpustakaan buku atau perpustakaan peribadi, kecintaan terhadap buku dan bahan bacaan, unsur-unsur intelektualisme tergambar dalam diri seseorang seperti pemikiran, cara berfikir, kelancaran bahasa, wacana dan seumpamanya, tahu membezakan bahan bermutu dan sebaliknya.

Kesan daripada penghayatan pembacaan itu pula akan melahirkan budaya 'biblioholisme' yakni 'kecanduan' atau ketagihan terhadap buku yang sentunya akan menggambarkan tabiat luar biasa yang berkecenderungan membaca, membeli, menyimpan, mencintai dan mengagumi buku sebagai 'tools' yang akan melahirkan pencinta buku dan pembaca luar

biasa. Dari biblioholisme akan pula melahirkan budaya menulis sebagai kesan terakhir daripada pembacaan. Secara realitinya, inilah rupa dan corak masyarakat membaca yang ingin dibentuk dan dilahirkan. Inilah juga harapan dan cita-cita mengungguli dari segala macam kempen dan gerakan budaya membaca yang diadakan oleh kerajaan khususnya DBP selama ini yang berterusan dalam menggerakkan budaya membaca di kalangan rakyat dan penduduk. Tinggal saja lagi kesedaran yang tinggi perlu ada dalam setiap masyarakat. Maka cuti sekolah, adalah masa yang terbaik bagi ibu bapa untuk menjinakkan anak-anak mereka dengan perpustakaan yang lama kelamaan akan menjadi 'bookworm' di kemudian hari nanti. Jika tercapai, hasrat negara melahirkan lebih ramai cerdik pandai dalam berbagai bidang akan berhasil dan berjaya di masa akan datang.

Sesuai dengan cuti persekolahan yang dilalui sekarang, gunakanlah ke arah yang bermanfaat dan berkeabajikan. Banyak kegiatan yang boleh diceburi dan diterokai asalkan aktiviti itu bukan yang menjurus kepada kemaksiatan.

"ORANG Kaya dan Berjaya mengejar KUALITI." - Pujangga.

"Quality Control" adalah KUNCI dan NYAWA URUS-NIAGA POS awda. Urusniaga Pos (Mail Order) sudah lama dipraktikkan orang dan sudah ramai yang berjaya dan kaya dalam urusniaga ini sejak sekian lama.

Bagi awda yang masih baru mahu menceburi urusniaga mudah di rumah ini, mungkin awda masih belum mempunyai maklumat yang mencukupi. Mungkin awda menganggap perkara ini agak sukar dan leceh.

Sebenarnya tidaklah begitu sukar sangat. Jika kita positifkan minda kita, kita buktikan kita dengan ikhlas, dan mengikuti saranan-saranan yang diberikan dan mencuba sendiri kaedah-kaedah serta strategi yang awda fikirkan sesuai. Bidang ini adalah satu bidang di mana awda akan merasa seronok kerana setiap kali awda membuat percubaan dan perubahan di dalam perniagaan awda ini, awda akan menghasilkan pendapatan yang berbeza-beza. Semakin hari awda akan semakin mahir dan bijak. "Cuba dulu, baru tau..."

Menurut Mohd Hamidan, untuk berjaya di dalam urusniaga pos ini awda, apa yang perlu dilakukan ialah dengan memahami dan meneliti perkara-perkara utama dan penting di bawah ini:

1. Awda MESTI MEM-PUNYAI PRODUK yang boleh awda keluarkan dan hasilkan sendiri dengan mudah dan awda boleh mengawal sepenuhnya. Dengan mempunyai produk awda sendiri, awda tidak akan bersaing dengan penjual lain yang menawarkan harga yang lebih rendah. Awda boleh menentukan harganya sendiri. Dengan cara ini, pendapatan awda akan jadi lebih selamat dan kukuh. Awda boleh menjual produk awda itu selama bertahun-tahun seumur hidup awda. Jika awda mahu melakukan perubahan, ia boleh dilakukan secara sedikit demi sedikit.

2. JANGAN SEKALI-KALI MENGGUNAKAN SAMPUL SURAT BERSAIZ KECIL DAN PENDEK (4X6) ATAUPUN SAMPUL SURAT BERTAMBAH BUNGA, apabila awda berurusan dengan pelanggan, sama ada membalas surat mereka atau awda mengirimi surat kepada mereka. Sampul surat yang sesuai dan patut digunakan ialah yang bersaiz 9 x 4, 9 x 6, 12 x 9 inci.

Gunakan sampul surat berwarna putih, kuning atau coklat air muda sahaja. Dan sebaik-baiknya ialah awda membuat cop perniagaan (rubber stamp) awda sendiri dan tiap-tiap sampul surat dicop dengan alamat perniagaan awda. Kebanyakan awda ialah apabila surat yang awda kirim tidak dapat disampaikan oleh posmen kerana mereka telah berpindah atau sudah meninggal, surat tersebut akan boleh dikembalikan semula kepada awda. Dengan itu awda akan dapat menjimatkan kos surat jualan. Awda hanya akan rugi duit setem sahaja.

3. JANGAN SEKALI-KALI MENGIRIMKAN KATALOG JUALAN (SURAT JUALAN) yang cetakannya tidak bermutu, kotor dan sukar dibaca. Apabila membuat salinan fotokopi gunakan hanya mesin fotokopi yang menggunakan dakwat (toner) jenis powder. Jika awda menggunakan toner biasa jenis lama, hasilnya ialah salinan-salinan yang awda buat itu kelihatan comot dan kotor. Sebelum awda membuat salinan fotokopi dengan jumlah yang banyak, 100 muka surat atau lebih, pastikan awda bertanya

KUALITI ADALAH SEGALANYA: TEPAT, CEKAP DAN ORI (Original) !

SIRI MINDA KREATIF

Cetusan minda Ummy Salmah

kepada pekedai mengenai jenis dakwat atau toner yang digunakan. Selain itu juga kita boleh gunakan kertas berwarna agar ia akan kelihatan lebih menarik. SURAT JUALAN adalah sangat penting kerana ia akan BERTINDAK SEBAGAI JURUJUAL bagi pihak awda dan perkataan yang digunakan di dalamnya serta mutu cetakan akan boleh menyebabkan awda berjaya menjual produk awda atau tidak. SEBAB ITU IANYA SENGAT PENTING!

4. JANGAN MAHU UNTUNG CEPAT DAN CEPAT KAYA. Ramai orang yang baru menceburi bidang urusniaga pos ini merasa tidak sabar dan menganggap setiap surat yang mereka kirimkan kepada bakal pelanggan akan dibalas dengan segera. Jika awda mempunyai tanggapan yang awda akan mendapat jawapan pesanan daripada pelanggan dalam masa 2 - 3 hari sahaja selepas awda menghantar surat jualan, tentu awda akan kecewa. Surat yang awda kirimkan hanya sampai dalam masa 2 - 3 hari, itu pun jika ianya di alamatkan terus ke rumah mereka. Kemudian mereka akan menyimpang dan membaca surat jualan awda selama 1 - 3 hari barulah mereka akan membalasnya.

Dan awda harus ingat bahawa bukan semua surat yang awda balas akan dibaca oleh pelanggan awda dan dibalas dengan segera. Dan tidak semua (100 pucuk) surat yang awda poskan penerimanya akan membuat pesanan dan belian daripada awda. JIKA SURAT JUALAN AWDA BERJAYA MENARIK MINAT mereka, PERATUS pesanan yang bakal awda terima akan menjadi lebih tinggi dan banyak. Biasanya dari setiap surat jualan yang awda poskan awda akan mendapat di antara 5 - 20 peratus pesanan. Bermakna awda akan mendapat hanya 5 hingga 20 pesanan dari setiap 100 pucuk surat jualan yang awda kirimkan. Biasanya awda akan menerima pesanan dalam masa 7 - 10 hari selepas awda memposkan surat kepada mereka. Atau MUNGKIN TIADA PESANAN LANGSUNG! Adakah awda akan BERHENTI MEMBUAT BISNES MAIL ORDER ini? (Jika awda BERHENTI MEMBUAT awda akan SENASIB ARNAB...@ Awda akan GAGAL jika BERHENTI SEKERAT JALAN ... Jika awda TERUSKAN, MEMPERBAIKI KELEMAHAN, MENAMBAH ILMU, insyallah awda akan SENASIB dengan PENGALIL ILMU DI LAUTAN DALAM ... Pengalil tahu di lautan dalam BANYAK IKAN, IKAN KECIL DAN IKAN BESAR... Ada kalanya Pengalil beroleh IKAN KECIL, ada kalanya beroleh IKAN BESAR dan ada

kalanya TIDAK BEROLEH IKAN langsung! Jadi, dalam Perusahaan MAIL ORDER ini awda adalah ibarat Si Pengalil Ikan ... MEMPEROLEHI IKAN KECIL, IKAN BESAR dan TIDAK BEROLEH APA-APA ... adalah MATLAMAT dan FOKUS UTAMA! Berkut usaha, tawakkal dan doa awda dan keluarga awda, awda akan menemukan KEJAYAAN dan KEKAYAAN yang awda IMPIKAN! Amin.

5. MEMBALAS SURAT PERTANYAAN DARI BAKAL PELANGGAN DENGAN SEGERA. Awda perlu membalas surat bakal pelanggan awda dengan seberapa segera (24 - 48 jam). Semakin cepat awda membalas surat mereka, semakin cepat peluang untuk awda mendapat pesanan daripada mereka. Pelanggan akan menilai kecekapan pengurusan awda. Jangan diperam surat-surat pertanyaan daripada bakal pelanggan sehingga lebih dari seminggu (7 hari).

Ini disebabkan pesaing-pesaing atau pengiklan-pengiklan lain akan menawarkan produk yang mungkin lebih baik dan pengurusan yang lebih cekap. Jika ini berlaku, awda sudah pasti akan KETINGGALAN dan TERLEPAS PELUANG kerana pembaca dan pemburu iklan akan membuat pesanan daripada syarikat yang mungkin mempunyai tawaran produk yang lebih baik lagi daripada produk awda.

6. MEMBUAT IKLAN YANG BERTERUSAN DAN TIDAK BERHENTI SEKERAT JALAN. Iklan yang dikeluarkan hanya sekali-sekala sahaja tidak akan menarik pelanggan. Awda mestilah menyebarkan iklan di mana-mana sahaja tempat strategik dan berterusan.

7. MEMANTAPKAN IKLAN AWDA DARI MASA KE SEMASA. Awda mestilah membaiki dan memantapkan iklan-iklan awda dari masa ke semasa supaya iklan awda akan lebih berkesan, bukan sekadar iklan yang menarik sahaja. Perbaiki ayat-ayatnya dan perkataan yang digunakan supaya boleh menarik minat lebih ramai pembaca untuk menghubungi awda. Ayat-ayat yang digunakan tidak perlu menggunakan perkataan yang terlalu puitis dan canggih tetapi pastikan ianya mampu membuat orang tertarik dengan perkataan yang digunakan.

8. SENTIASA MEN-CARI IDEA BARU. Jangan hanya menggunakan idea-idea basi dan lapuk, sebaliknya carilah idea-idea baru. Lakukannya awda secara profesional dan pelajari serta contoh orang-orang yang telah berjaya

9. MEMPUNYAI IMPIAN DAN 'DESIRE' UNTUK BERJAYA. Jika awda mempunyai impian

besar, mempunyai desire yang kental dan berkomitmen yang tinggi, sudah pasti awda akan merancang segala tindakan awda dengan teratur. Ada impian, cita-cita, tetapi tiada sebarang tindakan yang dibuat ia hanya seperti 'belon kosong yang hanya berisi angin' sahaja.

Biarkan Jika Orang Tidak Percaya. Mereka Kata Tipu! Buktikan Kerja Awda...

Awda percaya orang lain tidak percaya, awda tidak akan rugi apa-apa. Tetapi orang terlepas peluang adalah orang yang malang dan rugi serta menyesal untuk selamanya. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Asr, ayat 1 - 3, tafsirnya: "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasihat-menasihati supaya menaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menepati kesabaran."

"WORK SMART" Adalah Tren Kehidupan Millenium 21

Bukan sedikit, malah ramai orang yang telah menggunakan KREATIVITINYA dan MENJADI KAYA. Ianya adalah KEBOLEHAN INOVATIF, UNIK, KREATIF, INVENTIF, IMAGINATIF, LUAR BIASA MALAH IANYA BUKAN SAHAJA KERANA BIJAK TETAPI MEMPUNYAI KE-MAHUAN TINGGI DAN MINAT MENDALAM YANG PERLU DIPUPUK.

Bijak sahaja tidak mencukupi! Jika ada hukum yang mewajibkan orang bijak akan menjadi kaya, maka ramallah profesor di universiti dan pemimpin yang menjadi kaya raya. Tetapi manusia TERKAYA dan KAYA di dunia rata-rata daripada kelas bawah, merbahin, miskin-fakir, dan mereka berjuang dan berjihad untuk MEM-BUNUH KEMISKINAN mereka. Sebagaimana sum-pah Sayidina 'Ali Karamallahu Wajhah: "Sekiranya kemiskinan itu orang, aku membunuhnya!"

Biarkan orang tidak percaya dan bertanya bagaimana dengan cara itu kita boleh mendapat wang yang banyak sedangkan kita hanya bekerja beberapa jam sehari dan beberapa hari seminggu. Jawapannya ialah IDEA dan KREATIVITI serta "BEKERJA BIJAK (WORK SMART)!"

"BIJAK" sahaja tidak mencukupi tetapi yang penting mestilah mempunyai kemahiran yang tinggi. Tidak ada gunanya awda mempunyai IDEA tetapi awda TIDAK ADA KEMAHUAN dan USAHA untuk MENCA-PAINYA... Tanyalah kepada diri sendiri, apakah yang awda inginkan dan apakah jenis pekerjaan yang boleh menghasilkan wang yang banyak yang mahu awda lakukan? Dan yang paling penting tanyalah kepada diri sendiri sama ada awda SANGGUP MELAKUKAN-NYA ataupun TIDAK? Jika ada kemahiran pun, tetapi tidak ada kesanggupan untuk melaksanakannya sudah tentu ianya tidak akan mendatangkan apa-apa hasil. Adakah awda bekerja hanya menggunakan lebih banyak TENAGA (WORK HARD) dan kurang menggunakan AKAL (WORK SMART)

atau awda bekerja dengan menggunakan akal dan kurang menggunakan tenaga? Jika cara kedua ini yang awda laksanakan, sudah tentu hasil yang diperolehi lebih lumayan daripada menggunakan cara biasa, seperti yang pertama itu. Kerana jika "KERJA KUAT" (WORK HARD) boleh MENKAYA-KAN SEMUA ORANG" maka GAJAH lah yang paling KAYA DI DUNIA ini! Tetapi masih juga Bill Gates yang dinobatkan sebagai manusia lelaki yang terkaya di dunia masa kini!

Malah mereka yang bidangnya lebih profesional seperti perunding (konsultan), mereka bekerja 'pintar' dan mereka telah menikmati kehidupan yang lebih mewah dan sempurna. Mereka menjual "PERKHIDMATAN" mereka hasil daripada MINDA KREATIF dan INOVATIF dengan HARGA YANG MAHAL.

Kita perlu faham dan sedar bahawa setiap perkara besar itu sebenarnya telah dimulakan dari usaha yang kecil sahaja. Seperti api yang membakar hutan dan bangunan, bermula dari secebis api, bangunan mencakar langit seperti "MENARA KEMBAR" KLCC, Kuala Lumpur, bermula dari sebiju batu-bata, sejempit pasir, sekeping metal akhirnya berdiri megah sebagai "MENARA KEMBAR YANG TERTINGGI DI DUNIA". Paling mudah dikatakan ialah ianya hanya berasal dari satu CARA BERFIKIR. Langkah 1 juta bermula daripada langkah pertama. Pokok yang besar hanya berasal daripada sebiju benih yang kecil dan halus sahaja. Demikian kerja dan kejayaan yang besar adalah hasil dari SATU IDEA YANG DICANAI dengan teratur, berkesan, dengan mempunyai kemahiran dan kesanggupan melakukannya barulah terhasil kejayaan tersebut. Malah pepatah Melayu klasik ada menyatakan:

"Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain" dan "berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, berenang-senang kemudian".

Profile Kejayaan "Orang kaya makan ikan, daging lembu atau ayam seperti makan nasi setiap hari, dibayangi kematian, tetapi orang miskin dan fakir, makan nasi, ikan, daging lembu dan daging ayam sekali setahun, seperti nikmat mati hidup kembali." - Firdaus H.N.

JEFF PAUL, usahawan MAIL ORDER (PERNIAGAAN POS) dalam tahun 1991, sebelum beliau menjadi JUTAWAN dengan MENJUAL MAKLUMAT, SE-CARA POS, kehidupan beliau penuh dengan keperitan dan kesulitan. Beliau telah berhubung kepada syarikat KAD KREDIT sebanyak lebih US\$100,000 dan tiada tempat tinggal melainkan beliau menumpang di 'basement' (tempat letak kereta di bawah rumah) rumah kakak iparnya, sebelum berniaga secara pos. Sebelum itu, beliau merupakan seorang eksekutif kewangan yang berjaya sebelum beliau meletakkan jawatan dan memulakan perniagaannya sendiri yang akhirnya jatuh bankrup dan berhutang lebih dari

US\$100,000. Beliau tidak mengalah walaupun mengalami kesesahan dan keperitan hidup.

Dia memulakan usaha perniagaan mail-order dari bilik 'basement' yang ditumpanginya di rumah kakak iparnya itu. Dengan baki wang, simpanan dan dipinjam dari kawan-kawannya beliau telah berusaha untuk menyertai satu seminar mengenai "PEMASARAN PERNIAGAAN SECARA POS" oleh seorang usahawan dan konsultan yang terkemuka di Amerika bernama Dan S. Kennedy dengan bayaran sebanyak US\$3,700. Seminar tersebut berlangsung selama 3 hari. Beliau dan isterinya Peggy tidak mampu untuk makan di restoran seperti orang lain, sebaliknya mereka hanya membawa bekal makanan berupa biskut dan juga mentega. Beliau dan isterinya hanya makan di bilik hotel yang disewa. Selepas menghadiri seminar itu beliau telah diberi tugas ajar sepenuhnya oleh penceramah tersebut. Setelah pulang ke rumahnya beliau telah membuat beberapa kajian semula cara pemasaran yang dilakukan sebelumnya dan mengantikan dengan menggunakan kaedah baru yang telah dipelajarinya.

Pada bulan berikutnya, perniagaannya meningkat dan meledak dengan begitu drastik sekali. Di bulan pertama beliau telah memperoleh pendapatan sebanyak US\$13,000 (Oktober), bulan (November) US\$26,000, bulan (Disember) US\$49,800. Pada tahun berikutnya (1992) beliau telah memperoleh pendapatan lebih dari US\$1 juta! Pada masa ini beliau telah memperoleh pendapatan lebih US\$4,000 SEHARI dengan hanya bekerja di rumah. Beliau telah berjaya memiliki rumah sendiri yang bernilai US\$385,000 dan BEBAS MASA dan BEBAS WANG! Tiada sebarang hutang lagi! Sekarang beliau memiliki eset dan simpanan wang berjuta-juta ringgit!

AWDA BOLEH mengikuti kursus yang dianjurkan oleh beliau di mana beliau telah menetapkan bayaran sebanyak US\$700 (B\$1,400) bagi mengikuti kursus tersebut sama ada secara hadir ataupun secara pos dari USA. Awda boleh menghubungi beliau di alamat: JPDK Inc, 121, N. Washington St, Dept 904, Naperville, ILL 60540, USA. Awda juga boleh membeli buku kecil beliau bertajuk 'How You Can Make US\$4,000 A Day Sitting At Your Kitchen Table, In Your Underwear' yang berharga US\$29.93 (B\$ 60.00).

Tyler G. Hicks (1998), menceritakan beberapa kejayaan rakan dan pengamal perusahaan mail-order yang telah berjaya, seperti:

Russ von Hoelscher, seorang yang mempunyai kemahiran penulisan yang tinggi, dia memiliki firma pemasaran langsung sendiri, yang mana melalui dia menerbitkan beberapa buku bertemakan kejayaan. Russ mengiklankan karyanya melalui iklan muka penuh di beberapa majalah menawarkan maklumat menerusi pos. Russ dan saya sering bertukar idea dan berjumpa untuk makan tengah hari sewaktu

Rahsia 9

saya berada di kawasanannya di West Coast. Dia merupakan seorang yang paling kreatif dalam perusahaan mail-order dalam urusniaga masa kini.

Dan ramai lagi profile kejayaan usahawan MAIL-ORDER yang berjaya menjadi jutawan dengan MENJUAL MAKLUMAT dan PRODUK secara POS.

CONTOH SURAT JUALAN/KATALOG/BROSUR SATU MUKA SURAT

Jika Awda memesan PROGRAM UNIK ini dalam masa 15 hari # Tawaran Harga B\$50 adalah Terhad! Harga biasa B\$99

PELUANG TERHEBAT MEREALISA \$1 KAN IMPIAN WANG AWDA!!!

Miliki Segera MANUAL RAHSIA "HOME BASED BUSINESS". Boleh dilakukan di meja makan, di meja belajar, di depan komputer, sambil menonton TV. Bukan MLM, Bukan Skim Cepat Kaya, Bukan Piramid, Bukan Surat Berantai! Sungguh Praktikal! Mudah. Tiada Risiko! HALAL & TIDAK MENYALAHKAN UNDANG-UNDANG. Yang PERTAMA DI BRUNEI! Awda BOSS! Miliki PERNIAGAAN SENDIRI! Awda diJAMIN boleh BERJAYA (BEBAS MASA & WANG). Sesuai untuk VVIP, VIP, pekerja, pesara, penganggur, graduan, mahasiswa-i, orang rajin & orang malas! Berminat? (Hubungi penulis).

"SELAMAT MENCUBA DAN BEROLEH KEJAYAAN!"

"Berusaha, Berdoa dan Beroleh Kejayaan..."

"MAKANAN HANYA TERASA LAZATNYA

SETELAH KITA BERANI MEMAKANNYA

DAN SABAR MEN-GUNYAHNYA DI DALAM MULUT"

- Ummy Salmah

RUJUKAN

1. Al-Quran
2. Hadis
3. Brian Tracy, 21 Success Secrets Of Self-Made Millionaire\$, Meridian Marketing, RSA, 2001.
4. Burke Hedges, Pemasaran Pentruan 101 (Copycat Marketing 101), Definite Privilege Sdn. Bhd., 2001.
5. Dr. Azman Ching, Menuju Kekayaan, CNL Group Network Sdn. Bhd., 2001.
6. Firdaus H.N., 9 Rahsia Mencipta Kejayaan & Kekayaan dalam MLM (Multi-Level Marketing), Brunei Darussalam, 2003.
7. Jack Collis et al., trj. Raja Mariah Bt. Raja Mohd Iskandar, Bekerjalah Dengan Lebih Bijak Bukan Dengan Lebih Kuat, Thinker's Library, Malaysia, 2003.
8. M. Hamidan Salihin, Rahsia Meraih Pendapatan Dari RM300-RM1000 Setiap Hari, Dynamic Mail Enterprise, Malaysia, 2003.
9. Napoleon Hill, trj. Yusof Wanjor, Think And Grow Rich, Thinker's Library, Malaysia, 1997.
10. Razzi, Armansur, Susah & Senang, SM Future Enterprise Sdn. Bhd., Malaysia, 1999.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

ASAL USUL ORANG-ORANG SABA

MUKIM Saba adalah sebuah mukim di Kampong Ayer yang berperanan penting dalam menegakkan Kesultanan Melayu Brunei sejak pemerintahan Awang Alak Betatar.

Dalam 'Shaer Awang Semaun' telah diceritakan secara panjang lebar tentang kesemua 14 orang bersaudara yang termasuk Pateh Berbai dan Demang. Pateh Berbai dan Demang ini mempunyai pengikut-pengikut yang dipanggil puak sakai (orang asli yang mendiami pesisir pantai Teluk Brunei). Setelah Awang Alak Betatar memeluk agama Islam dan digelar Sultan Muhammad, Pateh Berbai diangkat menjadi Bendahara dan kemudian diangkat menjadi Sultan Ahmad setelah Sultan Muhammad mangkat.

Gelaran Pateh dan Demang (Damong) telah diperturunkan kepada puak sakai kerana kesetiaan mereka kepada raja. Tetapi satu persoalan timbul. Mengapa sultan-sultan terdahulu masih mengekalkan gelaran-gelaran ini hanya kepada puak sakai? Dari segi logiknya, gelaran-gelaran ini hanya dikurniakan kepada kalangan diraja kerana tidak mudah seorang anak raja melepaskan gelaran batang tubuhnya kepada seseorang kalau ia bukan dari ahli keluarganya sendiri.

Mengenai dengan gelaran-gelaran Patih dan Damong ini, Brown (1970, hal. 16) menyatakan :

The people of these fishing villages are considered the descendants of the original followers of the first ruler of Brunei. They are entitled to receive two ancient offices - Patih and Damong - which are believed to pre-date the Sultanate.

Walau bagaimanapun, pada masa ini gelaran-gelaran ini, yang diakui sebagai gelaran-gelaran kuno dianggap bertaraf rendah. Tetapi, di sebalik anggapan ini, puak sakai dikurniakan penghormatan untuk memakai sebahagian perhiasan-perhiasan diraja. Mengikut Yura Halim dan M. Jamil Umar (1958, hal. 8) penghormatan ini diberikan untuk mengenang pertalian mereka dengan raja pertama Brunei.

Setelah ibu kota Brunei berpindah ke Kota Batu, puak sakai ini membuat satu perkampungan di atas air dan mencari rezeki dengan membalat dan merambat. Secara perlahan-lahan, kampung mereka dipanggil sebagai Kampong Pebalat dan Kampong Perambat.

Pada awal kurun ke-20, panggilan kampung ini menjadi satu panggilan yang seolah-olah menghinakan. Pada anggapan masyarakat waktu itu, orang 'pebalat' adalah orang yang suka bergaduh beramai-ramai. Di sebalik panggilan penghinaan ini, orang-orang pebalat ini diakui sebagai orang-orang yang gagah dan mempunyai semangat keperwiraan yang tulen dan ketaatan yang sepenuh-penuhnya kepada raja dan negara. Ini diakui oleh Brown (1970, hal. 53) yang menyatakan.

"... it should also be noted that they were especially associated with naval warfare. As fishermen

they were eminently suited for warfare on the sea."

PENGLIBATAN PAHLAWAN-PAHLAWAN SABA DALAM SEJARAH BRUNEI

Dalam susunan hirarki pemerintahan sebelum Perjanjian 1906, orang yang bertanggungjawab mengetahui pertahanan laut Brunei ialah Pengiran Temanggung. Bendera peribadi Pengiran Temanggung berwarna merah dan dengan sabda perkenan Pengiran Temanggung warna bendera peribadi Patih, Damong dan askar-askar dari Kampong Pebalat adalah juga merah.

Keperwiraan orang-orang Kampong Pebalat ini jelas dibuktikan semasa James Brooke mengacau kedaulatan Brunei. Pengiran Temanggung Anak Hashim, yang dibantu oleh Beliau Badar dan Haji Saman, menimbun kemarahan Brooke kerana membantu Pengiran Anak Yusuf (bapa mertua Pengiran Temanggung Anak Hashim) untuk menentang Pengiran Muda Hashim dan segala rancangan-rancangan kolonial yang diusahakan oleh James Brooke. Penentangan Pengiran Anak Yusuf ini berpunca juga dari campur tangan Brooke dalam hal-hal politik dan sosial Brunei ketika itu.

Oleh kerana Brooke menganggap Pengiran Anak Yusuf mengancam rancangan-rancangannya, maka Sultan Omar Ali Saifuddin II telah dipengaruhi supaya membunuh Pengiran Anak Yusuf. Dengan kematian Pengiran Anak Yusuf, maka penentangan-penentangan Pengiran Muda Hashim bergabung tenaga untuk menghapuskan pengkhianatan Brooke dan penglibatan Pengiran Muda Hashim di dalamnya. Akhirnya Pengiran Muda Hashim dan beberapa orang pengikutnya telah membunuh diri secara berbalut. Di antara pahlawan-pahlawan yang terlibat dalam penentangan itu ialah kedua-dua Beliau Badar dan Haji Saman.

Walaupun Pengiran Muda Hashim telah dapat dihapuskan, namun Brooke berusaha lagi untuk memperluaskan jajahannya dengan menggunakan tentera-tentera laut British sebagai 'tentera pagaman' yang bertujuan untuk menakut-nakutkan pahlawan-pahlawan Brunei. Kekuatan tentera Bri-

SUMBANGAN DAN JASA PAHLAWAN-PAHLAWAN MUKIM SABA DALAM MENEGAKKAN KESULTANAN BRUNEI : SATU ANALISIS

tim dan pengkhianatan beberapa orang pembesar Brunei tidak dapat dipatahkan oleh kedua-dua Beliau Badar dan Haji Saman. Akibatnya Brunei terpaksa menjadi negeri naungan British mulai tahun 1888.

RIWAYAT HIDUP BELIAU BADAR

Berdasarkan batu nisan Beliau Badar yang terdapat di Perkuburan Orang Islam di Jalan Residency, Bandar Seri Begawan, jelas dinyatakan bahawa Beliau Badar adik beradik (separadian) dengan Haji Saman dan Pengarah Digadong Laman, yang mempunyai kaitan langsung dengan pergolakan politik semasa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, yang memerintah di antara tahun 1828 hingga 1852.

Salasilah keturunan Beliau Badar ini sampai kepada Sultan Mahmud Shah, Sultan Johor Ke-10 yang memerintah di antara tahun 1685 hingga 1699. Nasab keturunan Sultan Mahmud Shah (terkenal Marhum Mangkat Djuwang) ini sampai kepada Sultan Mahmud Shah I iaitu Sultan Melaka terakhir yang memerintah dari tahun 1488 hingga 1511. Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis, baginda berundur ke Johor dan ditabalkan menjadi Sultan Johor I, mulai 1511 hingga 1528.

Penjelasan mengenai salasilah keturunan Beliau Badar ini dimuatkan dalam PELITA BRUNEI (Aneka) keluaran 07 Julai 2004 di bawah tajuk 'Tinjauan Sejarah Mengenai Pehin Udana Khatib Haji Saibi bin Haji Saman' hasil tulisan Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Damit.

Dari salasilah keturunan ini dapatlah disimpulkan bahawa darah keturunan raja mengalir di dalam tubuh Beliau Badar. Di waktu yang sama, Beliau Badar juga mewarisi darah keperwiraan dan kependeraan yang diwarisi dari negeri Siak.

Menurut tradisi lisan yang diturunkan kepada generasi-generasi waris Beliau Badar, beliau bukan sahaja seorang pendekar, malah beliau juga memiliki ilmu kebatinan dan kekebalan. Akhirnya beliau telah ditawarkan menjadi salah seorang pengawal diraja semasa pemerintahan Sultan Muhammad Alam (1826 - 1828) tetapi beliau tolak kerana pemerintahan baginda sangat keras dan

zalim. Beliau berpendirian bahawa Sultan yang zalim tidak seharusnya ditaati dan dipatuhi titahnya. Walaupun ayah Beliau Badar (Pengarah Sahat atau Tengku Saad) merupakan salah seorang pembesar istana, kedudukan itu tidak dapat merubah pendiriannya.

Ketegasan Beliau Badar tidak mahu berkhidmat dengan Sultan, walaupun disampiri gelaran, dipertahankannya sehingga ke akhir hayatnya. Sepanjang pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, beliau tetap setia membantu Haji Saman dalam mempertahankan Brunei dari pencerobohan James Brooke dan konco-koncoanya. Bagi beliau survival Brunei Darussalam lebih diutamakan. Begitu juga semasa peristiwa perebutan takhta yang dilakukan oleh Pengiran Muda Hashim, pada tahun 1846, Beliau Badar tetap setia bersama Haji Saman untuk mempertahankan Brunei dan Sultan Omar Ali Saifuddin II.

Jasa besar Beliau Badar dalam mempertahankan kesinambungan Kesultanan Brunei ialah peranan beliau bersama Haji Saman menyelamatkan Pengiran Anak Hashim (Sultan Hashim), putera Sultan Omar Ali Saifuddin II, daripada dibunuh oleh musuh-musuh baginda yang berpakat hendak membunuh baginda. Beliau Badar dan Haji Saman melarikan baginda ke Kampong Saba. Di mana sahaja mereka berada, sama ada berkilong, membalat, mengabot, meramis dan sebagainya, Pengiran Anak Hashim tetap dibawa bersama. Tidak terlintas di hati mereka untuk meninggalkan baginda di rumah tanpa ada pengawal. Pendek kata, mereka bertekad untuk menjadi gantang ganti, asalkan sahaja Pengiran Anak Hashim selamat.

Penglibatan Beliau Badar dalam menyelamatkan Sultan Hashim ini bukan hanya setakat baginda sahaja. Kemangkatan Pengiran Muda Hashim ibni Sultan Muhammad Kanzul Alam secara berlabur (membakar diri) telah menimbulkan dendam kesumat yang tidak putus-putus kepada Beliau Badar dan Haji Saman oleh kaum keluarga Pengiran Muda Hashim. Mereka percaya bahawa kedua orang pahlawan inilah yang bertanggungjawab mempengaruhi Sultan Omar Ali Saifuddin II supaya tidak mengamunkan Pengiran Muda

Hashim, yang mengetahui komplot merampas takhta.

Kemarahan dan dendam kesumat sanak saudara Pengiran Muda Hashim ini terhadap Beliau Badar dan Haji Saman ini mencapai kemuncaknya dengan Beliau Badar sendiri naik ke rumah salah seorang ahli keluarga Pengiran Muda Hashim. Beliau Badar disambut dengan tikaman dan tetakan di samping pencak silat yang sungguh mengerikan. Perkelahian atau pertarungan ini berlarutan selama dua hari dua malam, tanpa berhenti-henti.

Dalam pertarungan yang sengit tersebut, ternyata pengiran yang berlawan dengan Beliau Badar itu memiliki ilmu kebal. Beliau hanya luka tetapi tidak cedera. Di waktu yang sama, Beliau Badar mencari ikhtiar untuk mencari di mana kelemahan pengiran yang ditentangnya. Sepanjang pertarungan, mereka tikam-menikam di dalam keadaan terang-benderang. Bagaimana kalau pertarungan itu dilakukan di dalam kegelapan bergelap? Dengan ketangkasan yang dimilikinya, Beliau Badar melompat dan menetak 'ranah' (sejenis lampu yang digunakan di tepi dinding) yang terdapat di rumah pengiran itu. Sebaik-baik sahaja ranah gugur, Beliau Badar menikam ranah dengan kerisnya dan terus menikam pengiran yang terkejut dengan tipu helah Beliau Badar. Tikaman itu mengenai perut pengiran. Semasa cedera itu, pengiran itu berkata, 'Kaulah yang dapat membunuh aku, Badar'.

Pengiran yang cedera itu sempat masuk ke dalam bilik dan membalut perutnya yang cedera. Pertarungan diteruskan, tetapi akhirnya pengiran tersebut tersungkur mangkat akibat luka dari kecederaan yang dialaminya.

Kemangkatan pengiran yang ditewaskan oleh Beliau Badar tidak tamat setakat itu sahaja. Pihak Al-Marhum Pengiran Muda Hashim tetap berusaha untuk menamatkan riwayat Beliau Badar, kerana selagi beliau hidup kedudukan Sultan Omar Ali Saifuddin II dan waris-waris baginda pasti tidak terganggu. Di samping itu James Brooke dan konco-koncoanya tidak dapat 'menawan' Brunei Darussalam jika Beliau Badar masih bernyawa.

Mengikut tradisi lisan

OLEH HAJI DURAMAN BIN TUAH

waris-waris Beliau Badar yang masih hidup, usaha untuk membunuh Beliau Badar akhirnya berjaya dilakukan. Beliau Badar mempunyai seorang ulun (hamba) lelaki yang sering membawanya ke laut atau ke sungai menangkap ikan. Dari pergaulan Beliau Badar bersama ulun itu, akhirnya rahsia kekebalan Beliau Badar diketahuinya.

Pada suatu hari yang bersesuaian, Beliau Badar membawa ulunnya, yang berasal dari negeri Sulu di selatan Filipina, ke tempat beliau menahan lintau. Apabila ikan yang sudah ditangkap dimasukkan ke dalam perahu, Beliau Badar mencabut lintau yang ada untuk dipindah ke tempat lain. Semasa inilah ulun itu mengeluarkan buluh runcing dari tempat yang disembunyikannya dan melemarkan ke arah belakang Beliau Badar. Dalam keadaan kesakitan, Beliau Badar sempat berpusing untuk melawan tetapi beliau tidak berdaya kerana beliau dipukul bertubi-tubi dengan sejenis batang nipah yang dipanggil 'salimban banti'. Beliau Badar berusaha menaiki perahu tetapi dihalang dengan beberapa pukulan salimban banti. Oleh kerana tenaganya sudah lemah, Beliau Badar ditinggalkan oleh ulun pengkhianat itu dengan menaiki sebuah perahu lain. Dalam keadaan kudratnya yang semakin berkurangan, Beliau Badar menggagahi naik perahunya dan berkayuh sambil berbaring.

Perahu Beliau Badar yang dikayuh secara perlahan-lahan itu akhirnya memasuki Sungai Brunei. Sebaik-baik sahaja perahu itu memasuki sungai tersebut, beberapa orang nelayan (pekilong, pelintau, perambat dan pebalat) ternampak perahu beliau yang terapung-apung. Mereka menghampiri perahunya dan mendapati Beliau Badar cedera parah. Salah seorang nelayan itu menaiki perahu Beliau Badar sambil membaca ayat-ayat suci Al-Quran, sementara nelayan-nelayan lain mengayuhkan perahunya menuju ke Kampong Saba. Beliau Badar menghembuskan nafas terakhirnya sebaik-baik sahaja perahunya sampai di tangga rumahnya.

Semasa peristiwa pembunuhan Beliau Badar ini terdapat seorang nelayan

yang menyaksikannya dari jauh. Beliau tidak sempat membantu kerana perahunya agak jauh dari tempat kejadian. Bagi mengelakkan dari dituduh bersubahat, beliau berdiam diri dari menceritakan peristiwa tersebut sehingga beberapa tahun. Menyedari bahawa rahsia pembunuhan itu perlu diberitahu, beliau berjumpa waris terdekat Beliau Badar bagi menjelaskan peristiwa tersebut. Akhirnya peristiwa pembunuhan itu hanya diketahui oleh waris-waris Beliau Badar, tetapi tidak disebarluaskan.

Terdapat juga satu versi yang bertentangan dengan cara pembunuhan Beliau Badar ini. Versi berkenaan menyatakan bahawa Beliau Badar terminum racun dari minuman yang disediakan untuk beliau. Semasa kejadian tersebut beliau berada di atas kapal James Brooke bersama sanak saudara Al-Marhum Pengiran Muda Hashim. Setelah didapati lemah dari terminum racun itu, beliau dipukul sehingga berdarah dan seterusnya dihanyutkan di atas perahunya di Sungai Brunei. Terdapat fakta kurang logik mengenai cara pembunuhan di dalam versi ini. Semua orang yang mengenal Beliau Badar mengetahui bahawa beliau memiliki ilmu batin yang sangat tinggi. Bagaimana boleh beliau tidak tercium bau racun di dalam minumannya? Lagipun Beliau Badar merupakan musuh ketat James Brooke dan sanak saudara Al-Marhum Pengiran Muda Hashim. Bagaimana boleh beliau berlemah berjumpa mereka di atas kapal milik musuh-nya?

Adalah jelas bahawa pembunuhan Beliau Badar ini merupakan satu konspirasi politik. Dengan tamatnya riwayat Beliau Badar, maka pahlawan-pahlawan dan penyokong kuat Sultan-sultan Brunei selepas pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II tidak berani menentang keluarga Brooke secara terus terang. Akhirnya Sultan Abdul Momin dan Sultan Hashim terpaksa tunduk kepada tipu helah, pujukan dan kekerasan keluarga Brooke. Akibatnya Brunei hanya tinggal empat buah daerah sehingga sekarang.

CERPEN

OLEH MAYA BRUNEI

JANDA MELETUP

DI MALAM yang hening itu Diana keseorangan. Suaminya masih di luar negeri. Dia cuba melupakan mata tapi tak berhasil. Diana senyum bila teringat kata-kata kawannya kira-kira tujuh tahun dulu. Apa salahnya membilang kepala laki..! Sedangkan perkahwinannya itu adalah sah dan tidak bercanggah dengan hukum Allah. Lagi pun ia kahwin bukan sekali gus macam orang lelaki.

"Orang tua-tua kata biar berbilang kepala anak, jangan berbilang kepala laki..!"

"Semua ini adalah datangnya dari Allah, bukan aku yang memintanya."

"Seharusnya kau malu kahwin berulang kali."

"Apa yang hendak dimalukan aku bukan curi suami orang. Lagi pun dia seorang mualaf. Secara langsung aku berhasil mengislamkan satu orang. Itu kan dakwah juga namanya," panjang celoteh Diana.

"Kau tau suami kau sekarang ni yang ke berapa..?"

"Cuba kau pula yang meneka yang ke berapa..!" Diana sengaja menyakitkan hati kawannya itu.

Mohamad Khairul Abdullah dari Thailand. Diana berkahwin dengan Khairul setelah gagal beberapa kali dalam rumah tangganya. Dia sering dicemooh dengan pelbagai anggapan yang kurang sihat. Bagi Diana perkara itu adalah biasa dalam masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman.

Sebetulnya Diana juga tidak mahu ini terjadi, tapi masa dan keadaan yang menjadikan dia seperti sekarang ini. Diana banyak merasakan hidup dengan pelbagai perencah sebagai asam garam dalam berumah tangga apa lagi setelah menjanda beberapa kali.

Umurnya baru mencecah empat puluh empat tahun. Masih muda dan jelita seolah-olah baru berusia tiga puluh lima tahun. Kerana itu dia sering dikatakan memakai susuk. Diana juga tidak menghiraukan semua itu, dia tidak terniat pun untuk melakukan perbuatan yang berdosa itu.

Dulu Diana hidup cukup-cukup makan bersama Kamal suaminya yang pertama. Dia kawin muda dalam lingkungan umur lapan belas tahun. Tapi suaminya tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Kerana itu dia tidak

dapat menyara hidup mereka berdua walau cuma untuk hidup sederhana.

Kamal bekerja sebagai buruh binaan, malangnya dia meninggal dalam satu kemalangan. Dia jatuh dari bangunan setinggi lima tingkat. Perkongsian hidup mereka cuma selama dua tahun lebih. Mereka belum dikurniakan anak, kerana itu Diana bebas memilih jalan yang difikirkannya elok. Diana hidup dengan wang pampasan arwah suaminya yang tidak seberapa. Tapi Diana cukup tabah dan penuh tawakal menjalani liku-liku hidupnya yang sentiasa dipenuhi dengan ranjau itu.

Sebagai janda muda secantik Diana, ramai pemuda-pemuda yang cuba menibar jala untuk memikat janda yang sedang meletup itu. Bagi teman-teman sebaya Diana pula merasa bimbang yang teramat sangat terhadap suami masing-masing, takut didekap Diana hidup-hidup.

Untuk mengakhiri status jandanya yang membuatkan dunia huru-hara itu, Diana terpijak dengan Edwin pemuda Filipina yang bekerja di salah sebuah firma tempatan. Jodoh mereka juga tidak panjang cuma lapan bulan lebih. Suaminya lari pulang ke negeri asalnya dengan membawa sedikit



UMURNYA baru mencecah empat puluh empat tahun. Masih muda dan jelita seolah-olah baru berusia tiga puluh lima tahun. Kerana itu dia sering dikatakan memakai susuk. Diana juga tidak menghiraukan semua itu, dia tidak terniat pun untuk melakukan perbuatan yang berdosa itu.

harta milik mereka. Diana menjanda lagi.

Diana mulai membuka lembaran baru dengan menceburkan diri dalam perniagaan. Hasil dari pengalaman bersama suami keduanya dia mengatur langkah. Diana tahu pasang surut dalam dunia yang dinamakan korporat itu. Kerana suaminya dulu bergiat aktif dalam bidang perniagaan yang agak maju juga. Tapi akibat pengaruh wang suaminya tutup mata dan lupa diri.

Diana juga bergiat aktif dalam bidang pelancongan seperti pengurusan pakej Haji dan Umrah di samping lain-lain perusahaan. Jodoh dan pertemuan di tangan Tuhan. Diana berkenalan dengan seorang ustaz dari Indonesia. Suratman yang juga menguruskan pakej yang sama. Diana mempelawa Suratman sebagai pembantunya sekali gus menjadi rakan kongsinya.

Lebih dua tahun mereka menjadi rakan kongsi pakej berkenaan. Akhirnya mereka menutup tabir kongsi niaga dengan perkongsian hidup berumah tangga, apatah lagi mereka berurusan Haji dan Umrah memang tidak elok jika berdampingan dengan

lelaki yang bukan muhrim.

Selang tiga tahun kemudian sekali lagi rumah tangga Diana goncang. Ketika mereka menunaikan umrah, rahsia Suratman telah terbongkar. Dengan izin Allah mereka dipertemukan dengan seorang perempuan yang memperkenalkan dirinya isteri kepada Suratman. Bagaikan terbelah dua jantung Diana ketika itu. Allah saja yang mengetahuinya.

Setibanya di tanah air Diana minta dilepaskan. Dia tidak mahu merosakkan hati kaum sejenisnyanya. Akhirnya mereka bercerai dengan baik dan Suratman kembali ke Indonesia dengan sehelai sepinggang kerana segala harta milik mereka atas nama Diana. Suratman pulang sebagaimana dia datang ke Brunei dulu.

Setiap kali Diana menjanda umpama taufan yang melanda dunia. Sang isteri simpir sayap takut kalau-kalau suami mereka akan terperangkap oleh kejelitaan Diana. Memang Diana semakin jelita. Bagi Diana pula kalau dia tais liur untuk merampas suami orang bila-bila pun boleh, tapi itu bukan realiti hidupnya.

"Wati... aku bukan membilang kepala laki. Sudah jodoh aku begitu..."

"Aku tu bukan apa... cuma sakit telinga dengan perangai kau tu."

"Jangan dengar habis perkara."

"Kau jangan salah anggap padaku Diana..!"

"Aku tidak akan merampas abang kesayangan kau tu..!"

"Bukan itu maksudku..!"

"Kau tak perlu bimbang kerana aku bukan buaya betina yang miang..!"

Kali ini jika ada jodoh Diana akan mencari pasangan hidup yang serasi dan terakhir dalam hidupnya. Dia tidak mahu dikatakan membilang kepala laki. Apatah lagi dengan ketrampilannya sekarang ini. Sebut saja Diana Korporat orang akan tau dia seorang janda meletup yang terkenal.

Dengan kegagalan rumah tangganya berulang kali itu membuatkan Diana lebih berhati-hati. Di satu ketika yang lain dia ingin menjanda terus. Tapi pada umurnya yang semula itu masih memerlukan pelindung, apa lagi bidangnya

sekarang ini semakin luas dan mencabar. Sebagai seorang wanita dia tidak mampu memikul tugas yang berat ini untuk satu waktu yang panjang.

Diana memperoleh kejayaan. Dia juga membuka beberapa buah kedai butik di ibu kota. Diana sesekali ingin dimanjai oleh seorang lelaki yang bergelar suami. Dalam kejayaannya sekarang ini telah banyak membongkar senario silamnya.

Dia terkenangkan arwah suaminya Kamal. Ketika hidup mereka dalam serba kekurangan hingga dia meninggal kerana sesuap nasi untuk mereka berdua. Kalaulah hidupnya seperti sekarang tentu arwah suaminya akan dijadikannya pengurus syarikatnya. Matinya pula tidak begitu dahsyat dan mengerikan. Tanpa disedarinya air matanya mengalir.

"Abang-abang berempat ni tak boleh diamkah..!"

Satu hari Diana mengamuk kerana suami-suaminya asyik bergaduh. Maklum tinggal serumah. Kamal, Edwin, Suratman dan Khairul Abdullah. Rasa pecah kepala Diana melayan kehendak mereka. Diana bertungkus-lumus bekerja untuk menyuap mereka berempat yang masih tidak sedar bahawa mereka itu dimadu.

"Itulah kalau isteri bermadu, suami bising konon tak bersyukur. Nah sekarang bagaimana rasanya suami pula yang dimadu..!"

Diana melepaskan geramnya. Mereka diam. Telefon berdering. Diana berteriak menyuruh mereka menjawab telefon. Tapi mereka enggan. Diana dengan penuh emosi melompat untuk membuat perhitungan kepada mereka berempat.

Diana terkejut dan membuka matanya perlahan-lahan. Rupa-rupanya Diana terlelap seketika. Telefon bimbitnya masih menjerit di tengah malam itu. Diana bangun dan mencapai telefon lalu menjawabnya. Dia kenal siapa pemanggilnya.

"Diana...I tak sempat balik hari ni... esok I balik... masa ni I di Singapore..!"

Singkat perbualan mereka. Diana melewatkan telefon. Fikirannya jauh melayang. Suaminya sering berada di luar negeri. Rumah mereka itu saling tak tumpah macam sebuah bilik hotel. Diana cuba melupakan semua itu, dia mahu melupakan matanya lagi untuk menyambung kembali miminya yang terputus.

DIA terkenangkan arwah suaminya Kamal. Ketika hidup mereka dalam serba kekurangan hingga dia meninggal kerana sesuap nasi untuk mereka berdua. Kalaulah hidupnya seperti sekarang tentu arwah suaminya akan dijadikannya pengurus syarikatnya. Matinya pula tidak begitu dahsyat dan mengerikan. Tanpa disedarinya air matanya mengalir.

PERATURAN RUANGAN CERPEN

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar karya cerpen ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Cerpen hendaklah dialamatkan kepada: PENERBIT CERPEN, BAHAGIAN AKHBAR, TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, BB 3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Cerpen mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Karya hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (karya tulisan tangan tidak akan diterima).
4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).
5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

**SALASILAH KETURUNAN BONDA SULTAN HASHIM JALILUL
ALAM AOAMADDIN**

Sungguhpun takdir Allah telah menentukan bahawa Pengiran Anak Hashim diangkat dan ditabalkan menjadi Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei ke-25, pengkaji sejarah masih bertanya-tanya kenapa bonds Sultan Hashim bernama Tuan Zaidah dan ayah Tuan Zaidah bernama Tuan Laman (Awang Sulaiman)? Di dalam kehidupan sosiobudaya orang-orang Brunei di zaman itu hingga sekarang, tidak pernah panggilan kepada orang kebanyakan dimulai dengan 'Tuan' kecuali ia pernah menunaikan fardu haji. Lazimnya panggilan 'Tuan' hanya digunakan di sebelah Tanah Melayu (sekarang Semenanjung Malaysia). Ini bererti bahawa asal usul Tuan Zaidah ini adalah dari Tanah Melayu.

Pengiran Haji Badaruddin (Pelita Brunei (Aneka), 7 Julai 2004, hal. 11) menyatakan mengenai pancir keturunan Pehin Udana Khatib Haji Saibi sebagai berikut:

"Pehin Udang, Khatib Haji Saibi bin Haji Saman, bin Pengarah (Tengku) Saad bin Dato Samad bin Dato Karnis bin Raja Rabiul Alam (Raja Siak, beristerikan Daeng Tjih atau Daeng Khadijah anak kepada Daeng Perani, salah seorang dari lima bersaudara yang menajuhkan Kerajaan Johor di bawah pemerintahan Raja Kecil dalam tahun 1721 - dari keturunan Bugis) Ibnu Raja Kecil (Sultan Johor, Lenga, Kebupaten Bantan dan Siak tahun 1718 - 1721, bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah - isterinya bernama Dipati Batu Kucing iaitu anak orang besar Minangkabau) Ibnu Sultan Mahmud Shah II, Sultan Johor ke-10 (Sultan Mahmud Mangkat Dijulang) Ibnu Sultan Ibrahim Shah Ibnu Sultan Abdullah Mu'ayyad Shah Ibnu Sultan Muzaffar Shah Ibnu Sultan Alauddin Riayat Shah II Ibnu Sultan Mahmud Shah I (Sultan Melaka terakhir 1488 - 1511) dan Sultan Johor pertama 1511 - 1528)." (S)

¹ "Ayah Haji Saman, Pengarah Sahat adalah seorang yang taat setia kepada Sultan telah berkhidmat di bawah pemerintahan tiga orang Sultan iaitu Sultan Muhammad Jamalul Alam I (1804), Sultan Muhammad Kanzul Alam (1807 - 1828) dan Sultan Muhammad Alam (1826 - 1828). Ketaatan setia dan kasih sayang Pengarah Sahat kepada Sultan sudah pasti tertumpah kepada semua anak-anak dan pengikutnya seperti Haji Saman, Ljau (Beliau) Badar dan Pengarah Digadong."

Peringatan orang tua-tua pertama isteri Mahat, Pengarah Sahat, Angsa Suma. Pengarah Sahat bebinu Marta anaknya Mailamah, Nurifah, Kajibah, Laminah, Pengarah Digadong, Laman, Untak, Abd. Kahar, Badar, Haji Saman, Zainab."

Dari keterangan pancir keturunan yang dikemukakan oleh Pengiran Haji Badaruddin dan Haji Sulaiman terdahulu, jelaslah bahawa Pengarah Sahat dan anak-anaknya Haji Saman, Beliau Badar dan Pengarah Digadong Laman adalah pancir keturunan Raja Kecil yang seterusnya merupakan keturunan dari Sultan Melaka yang terakhir iaitu Sultan Mahmud Shah I. Dalam hal ini tidak salah bagi Pengarah Sahat memanggil dirinya sebagai Tengku Sahat / Saat / Saad. Ini juga bererti bahawa generasi keturunan Pengarah Sahat, sama ada lelaki atau perempuan berhak dijanjikan pelajaran Tengku.

Semasa masih bergelar Pengiran Muda Besar, Sultan Omar Ali Saifuddin II bergaul rapat dengan Awang Laman, anak lelaki Pengarah Sahai yang bebas turun naik ke istana. Di samping itu, Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin kerap dijunjung berangkat ke Kampung Saba oleh Awang Laman. Kekerapan baginda ke sana membolehkan baginda mengenali anak keluarga Awang Laman dan sanak saudaranya yang lain, termasuk Beliau Badar dan Haji Saman.

Rahsia isteri Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin berdarah raja ini tidak terbongkar sehingga baginda ditinab dan dipuspankan menjadi Sultan Omar Ali Saifuddin II pada tahun 1828. Walau bagaimanapun ratri komplot untuk membunuh Pengiran Anak Hashim, anakanda Sultan dengan isterinya Dayang Zaidah. Berita komplot pembunuhan ini diketahui oleh Beliau Badar dan Haji Saman. Mereka bertindak menyelamatkan Pengiran Anak Hashim dan membawa baginda tinggal di Saba. Kejadian inilah menjadi pembuka jalan bagi penglibatan kedua pahlawan ini di dalam krisis politik Brunei Darussalam di abad ke-19.

Hubungan kekeluargaan di antara Sultan Hashim Jalilul Alam Agamaddin dengan waris-waris Pengarah Digidong Laman (sebelum ini dikenali dengan Awang Laman) dibuktikan lagi melalui kejadian Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin merajuk dan lari serta diam di Kampung Saba pada tahun 1898, setelah ditegur oleh adindanya Pengiran Muda Tengah. Jika tidak ada hubungan kekeluargaan, masakan seseorang itu diam di sesuatu kampung yang memang tidak ada kaitan dengannya.

1. Tuan Zaidah sesuai untuk dijadikan ganti gelaran 'Tengku' bagi mengelakkan salah tafsiran.
2. Dengan menggunakan gelaran Tuan, konsep anak raja menjadi orang kebanyakan merupakan satu manifestasi bahawa semua manusia sama darjatnya di sisi Allah, kecuali mereka yang beriman, beramal dan bertakwa.

Seperti juga Beliau Badar, Haji Saman adalah salah seorang pahlawan Brunei yang dicatat dalam sejarah Brunei sebagai memiliki taat setia, tulus, tidak berbelah bagi dan berkorban tanpa memikirkan ganjaran dan hukuman. Tidak banyak yang diketahui mengenai beliau sejak kecil hingga dewasa, melainkan satu fakta bahawa beliau merupakan keturunan Dato Kamis yang susur-galurnya sampai kepada Sultan Melaka yang terakhir iaitu Sultan Mahmud Shah. Darah yang mengalir di dalam tubuh-nya adalah darah raja dan darah pahlawan. Kombinasi darah inilah yang ditunjukkan olehnya sewaktu melabatkan diri beliau dalam pergolakan politik di Brunei akibat percubaan membunuh Pengiran Anak Hashim (Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin).

"You must remember however that in the course of an improved policy it will be necessary to raise a de facto ruler of Borneo and to support him, and this ruler of Borneo must feel how totally he is dependent upon us. Again in raising up this ruler it will probably be necessary to punish or drive away rivals and to make the inhabitants of the capital obedient to him."

Selain penglibatan Haji Saman dalam menyelaikan Pengiran Anak Hashim (Sultan Hashim), beliau juga dicatatkan dalam buku sejarah yang ditulis oleh penulis Barat sebagai 'pemimpin parti pembangkang di Istana Brunei' (Irwin, 1986 : 142). Alasan yang diberikan ialah Haji Saman 'memujuk Sultan mengatakan bahawa hubungan persahabatan yang berterusan dengan Great Britain itu pasti akan menyebabkan kemerosotan dari segi kewangan negeri' (ibid). Dalam konteks ini, Haji Saman bertindak betul kerana beliau tidak mahu Negeri Brunei jatuh seratus peratus ke tangan James Brooke yang berjaya merampas Sarawak atas 'dasar persahabatan dengan Great Britain'.

Dengan mengambil kira bahawa Sultan Omar Ali Saifuddin II adalah anak kemakan kepada Pengiran Muda Hashim, James Brooke yakin bahawa akhirnya Sultan akan tunduk kepada kehendak Pengiran Muda Hashim. Tetapi percuturan Pengiran Muda Hashim dan James Brooke untuk merampas kuasa tersilap kerana Haji Saman rapat dengan Sultan. Tambahan lagi, Haji Saman mesti mempertahankan Sultan Omar Ali Saifuddin II bermati-matian atas dua alasan :

2. Sultan Omar Ali Saifuddin II adalah menantu kepada Pengarah Digadong Laman iaitu adik beradik dengan Haji Saman sendiri. Jika takhta jatuh ke tangan Pengiran Muda Hashim, sudah pasti peluang Pengiran Anak Hashim (putera Sultan Omar Ali Saifuddin II dengan Tuan Zaidah, anak perempuan Pengarah Digadong Laman) untuk menjadi sultan akan terputus.

Oleh kerana Sultan Omar Ali Saifuddin II menolak permohonan ampun Pengiran Muda Hashim, ditambah lagi dengan hampir keseluruhan rakyat menyebelahi sultan, maka Pengiran Muda Hashim mengambil tindakan berlabur (membakar diri) di dalam perahunya, bersama-sama pengikut-pengikutnya.

Haji Saman dan pahlawan-pahlawan mereka dari Kampung Sabak bertungkus-lumus membina benteng-benteng dan kubu pertahanan di Sungai Brunei, bermula dari hujung Kampung Saba (yang masih dipanggil Hujung Kubu) hingga merentang istana sultan. Kebanyakan kubu-kubu itu diperbuat dari nibung yang dibekalkan oleh puak Kedayan dari Kampung Subok. Pendek kata, semua pihak di Brunei ketika itu menyumbangkan tenaga empat kerat mereka untuk membina benteng pertahanan itu.

"Saya boleh mengganti kerugian itu sebahagiannya, tetapi gulingkan Sultan, hancurkan Brunei, kembalikan kuasa semula kepada keluarga Muda Hashim adalah pertimbangan-pertimbangan yang tidak boleh tidak ... " (Irwin; 1986 : 144)

Oleh kerana James Brooke masih memerlukan Sultan Omar Ali Saifuddin II untuk mencapai cita-citanya menakluk Brunei secara sah, Laksmama Cochrane telah menyerahkan kapal-kapal tentera laut 'Iris', 'Hazard' dan 'Phlegethon' kepada Kapten Mundy bagi mengawasi hal ehwal Brunei" (Irwin, 1986 : 146). Berdasarkan berita yang disampaikan

Dengan Haji Saman menjadi orang buwan, maka James Brooke dengan mudah dapat memujuk Sultan Omar Ali Saifuddin II kembali ke istana dengan dikenakan beberapa syarat. Salah satu syaratnya ialah penangkatan Haji Saman dengan apa cara sekalipun. Di samping itu baginda mesti mematuhi segala perjanjian-perjanjian yang termaktub sebelum ini di antara baginda dengan James Brooke. Oleh kerana baginda tidak ada pilihan, baginda terpaksa bersetuju dengan syarat-syarat itu.

1. Brunei Darussalam mesti diselamatkan dari menjadi pupus. Jika beliau berterusan menentang James Brooke, kemungkinan besar nyawa sultan dan pengganti-pengganti baginda akan terancam.

3. Taat setia sangat perlu bagi menegakkan survival negara.
4. Peristiwa penentangan beliau terhadap penjajah Barat akan menjadi ristaan kepada generasi-generasi selepas beliau.

Dengan kematian Haji Saman, agenda Brooke untuk menakluki Brunei hampir berjaya dengan jatuhnya Labuan, daerah-daerah lain dan akhir sekali Limbang. Hanya setelah laporan McArthur pada 1904, mengenai keadaan Brunei yang hampir mufils, barulah Kerajaan British campur tangan melalui Perjanjian Tambahan 1906 yang memberi status 'Naungan' kepada Brunei Darussalam. Status inilah yang memberhentikan agenda jahat Brooke untuk menyekap Brunei Darussalam dari menjadi sebuah negeri.

```

graph TD
    SM1[Sultan Mahmud Shah I  
(Sultan Melaka 1488 - 1511)  
(Sultan Johor I 1511 - 1528)] --> SA1[Sultan Alaaddin Riayat Shah II  
(Sultan Johor II 1528 - 1564)]
    SA1 --> SM2[Sultan Muzaffar Shah II  
(Sultan Johor III 1564 - 1570)]
    SM2 --> SA2[Sultan Abdulrah Muayat Shah  
(Sultan Johor VII 1613 - 1623)]
    SA2 --> RB[Raja Bajau  
(Yang Di-Pertuan Muda Pahang & Johor)]
    RB --> SI[Sultan Ibrahim Shah  
(Sultan Johor IX 1677 - 1685)]
    SI --> SM3[Sultan Mahmud Shah II  
(Marhum Mangkat Dijulang)  
(Sultan Johor X 1685 - 1699)]
    SM3 --> RK[Raja Kechil  
(Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah)  
(Sultan Johor XII 1718 - 1722)]
    RK --> RA[Raja Rabiul Alam]
    RA --> DK[Raja/Tengku Kamis]
    DK --> DS[Raja/Tengku Samad]
    DS --> PS[Pengarah Sahat (Tengku Saat)]
    PS --> AK[Abdul Kahar]
    PS --> HS[Haji Saman]
    PS --> B[Badar]
    PS --> PG[Pengarah Digadong Laman (Sulaiman)]
    PG --> PG2[Pengarah Digadong Shah Mubin]
    PG2 --> SM4[Sultan Muhammad Alaaddin  
(Sultan Brunei XVII 1730 - 1737)]
    SM4 --> SOA1[Sultan Omar Ali Saifuddien I  
(Sultan Brunei XVIII 1740 - 1795)]
    SOA1 --> SM5[Sultan Muhammad Tajuddin  
(Sultan Brunei XIX 1795 - 1807)]
    SM5 --> SM6[Sultan Muhammad Jamalul Alam I  
(Sultan Brunei XX 1804)]
    SM6 --> SM7[Sultan Omar Ali Saifuddien II  
(Sultan Brunei XXIII 1828 - 1852)]
    SM7 --> SHJA[Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin  
(Sultan Brunei XXV 1885 - 1906)]
    SHJA --> SM8[Sultan Muhammad Jamalul Alam II  
(Sultan Brunei XXVI 1906- 1924)]
    SM8 --> SA3[Sultan Ahmad Tajuddin  
(Sultan Brunei XXVII)  
(1924 - 1950)]
    SM8 --> SOA2[Sultan Omar Ali Saifuddien II  
(Sultan Brunei XXVIII)  
(1950 - 1967)]
    SOA2 --> SHHB[Sultan Haji Hassanul Bolkiah  
(Sultan Brunei XXIX)  
(1967 - .....)]

    AK --> HB[Hejah Bariah]
    HB --> Z[Zainab]
    Z --> HD[Haji Duraman]

    HS --> PU[Pehin Udana Khatib Haji Saibi]
    PU --> DS2[Dy Sura]
    DS2 --> HM[Haji Omar]

    B --> G[Gampa]
    G --> AD[Awang Damit/ Abdul Hamid (Awang Besar)]
    AD --> J[Haji Juned]
    J --> PD[Haji Abdul Aziz]

    PG --> DT[Dayang (Tuan) Zaidah]
    DT --> SHJA
  
```

Brown, D.E. (1970), Brunei : The Structure and History of A Bornean Malay Sultanate. Brunei: Brunei Museum.

Haji Sulaiman Haji Duraman "Pahlawan Haji Saman" dalam Pelita Brunei (Aneka) keluaran 23 Oktober 2003.

Halim, Yura & M. Jamil Umar, (1958), Sejarah Brunei, Kuala Belait : Brunei Press.

Irwin, Graham, (1986), Borneo Abad Kesembilan Belas, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Jamil, Pehin Dato Dr., (tanpa tahun), Melayu Islam Beraja,
Brunei Darussalam

Saunders, Graham, "James Brooke and Asian Government" dalam *Brunei Museum Journal* Vol. 3. No. 1. 1973.

Malaysia pada hari Ahad 05 Oktober 2003 mengenai Raja Kecil Siak (Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah, Johor) yang ada jalur keturunan di

Brunei Darussalam.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

HATI DAN BUDI

Tersedar sebuah hati
yang sudah jauh mengembara
menelan cabaran kehidupan
kesedihan
kekecewaan
dan kejayaan
akhirnya hari ini
akan menggenggam cahaya
pasti.

Hati yang bercahaya
akan menyuluh ranjau di hadapan
dan hati telah tersenyum
mengenang kesulitan lalu
bersama air mata kenangan
kesyukuran.

Kesedaran hati yang bercahaya
tidak akan leka
tidak akan lupa
kerana hati telah berjanji
kerana hati amat menghargai
dan menyanjungi nilai-nilai budi
yang membimbingnya
yang menegurnya
yang mengajarnya
yang menyayanginya
yang mengharapkannya.

Nilai budi dalam hati telah terpatri.

ARUS

Kehidupan
bak sungai deras mengalir
sesekali kau gagahi
menentanginya
kau pasti kalah
dengan keegoanmu.

Jangan meredah arus
mencari jalan pintas
mengutip kenikmatan di seberang
ingatlah
walau air adalah kehidupan
tetapi sesekali ia menjadi arus
derasnya akan menghukummu
jika kau lewa.

Ikutlah irama arus
renangi bersama tawar atau masinnya
ringankan jiwamu dengan takwa
sambil menghirup udara suci Ilahi
dan berpaut dengan kalimah-Nya
percayalah
kau akan sampai ke tepian
dengan selamat ...

APABILA

Apabila
kasih dirauung duka
ubatinya dengan sabar
biarlah luka merana
kerana cinta insani mereka.

Apabila
ego menolakmu ke sana
dan engkau tersungkur
pedih di hadapan mata-mata
biarlah mereka tertawa
kerana hasad hitamnya
akan membakarnya.

Apabila
layarmu terpunah
di banjaran bukau itu
berusaha dan berdoalah
kerana
seandainya ikhlas dan reda

Tuhan pasti mengirimkan tentera-Nya
menjemputmu menaiki Astana.

SEDETIK

Sedetik
cepat sekali
nafas dihembus
nyawa pun tumbuh bak dedaun
berpucuk di tunas
muda dan hijau
mengganti yang kering nan tua.

Sedetik
cepat sekali
kekosongan akan terisi
ilmu curahan Ilahi
tetapi hanya setitis
tak terhabis.

Sedetik
cepat sekali
melangkah ke hadapan
tinggallah kesan tak tersedar
menuju kesudahan.

Husaimy

SAHABATKU

Sahabatku ...
kaulah semangat hidupku
penyuluh di malam kelamku
pemimpin daku ke arah kebenaran
sujud pada kenyataan
pada kelalaian semalam.

Sahabatku
kaulah pemberi doronganku
dan kaulah jua ... pembuka pintu
kesedaranku ...
yang dulunya khayal dalam alam
kedewasaanku
dan tanpa kusedari dan hanyut dalam
mimpi ghairahku
kini ... ku perabadikan setiap kata-kata
hikmatmu
di setiap dinding yang beralunkan
keinsafan
dan di setiap tinta yang terukir kesedaran
...

Sahabatku...
wujudmu kini perubah hidupku
menjadi cermin pada setiap langkahku
penyuluh di kekelaman suramku
pemimpin daku ke arah kebenaran
itulah ... sahabatku ...

Sahabatku...
mungkin sudah takdirnya Ilahi
kita ditemukan dalam suasana ikatan
yang mesra
pada sebuah persahabatan .. teman ...
dan sekali gus kekasih
tapi ... aku bimbang
andai hadirmu dos semangattmu
cuma mainan kosong belaka.

Sahabatku ...
walaupun kita ada kalanya bersengketa
dan walau antara kita sering berjauhan
tapi ianya tidak menggugat persahabatan
kita
kerana persahabatan yang dibina
atas sebuah keikhlasan dan kasih sayang.

Sahabatku ...
terima kasih kuucapkan
atas kehadiranmu ... membawa
semangat dan dorongan
semoga Ilahi ... merestui persahabatan
ini
kekal ke akhir zaman.

Ariena 7683

AKU RINDUKAN KEMATIAN

Setiap saat tidak kulupa
kepastian yang bakal datang ... mati
detik denyut nafas terhembus keluar
masuk
sedutan yang tidak menjanjikan
pemberhentian
terlalu terfikir yang tersirat di benakku
apakah kematian itu menakutkan
menyakitkan?
suatu yang belum dirasa pasti akan tiba
kadang-kadang aku takut, aku bingung
dan ketawa sendirian
serta ceria seperti orang gila
seringkali juga perasaan yang
mengerikan
sejuk seluruh tubuhku
kaku seluruh pandangan dan renunganku
bila dan ketika kukenangkan kematian
bila dan ketika aku melihat orang mati
setelah menderita kesakitan
tapi, sakitkah atau takut menghadapi
mati?
apakah rasa kematian itu yang
sebenarnya?

Tapi ... aku terlalu rindu mati
kerana mati rohku hidup
dan aku dapat melihat isi-isi bulan
bintang dan isi langit
juga kandungan di dalam dasar laut
dan perut bumi
serta penglihatan bisa menembusi
seluruh rahsia dunia ini
dan isi Syurga dan Neraka sekalian
yang diciptakan Tuhan
Ya Allah ya Tuhanku
berikanlah aku keimanan yang cukup
supaya aku ditempatkan di sisi anbia
agar matiku aman damai dan tidak
menyusahkan orang lain
kerana aku rindukan kematian untuk
cepat-cepat melihat Syurga dan Neraka
seperti yang Engkau firmankan dalam
Al-Quran.

Haji Mat Noor Matussin

SEBUAH PANORAMA

Deruan bayu pantai
membawa rindu semusim cinta
melambai dedaun mekar
dari kejauhan
yang tak putus menyusun kata-kata
sebuah kejujuran dan kesetiaan.

Sang camar terbang berkicau
menghiasi langit mendung
yang tak pasti bila akan berakhir
namun
matahari pagi terus menemani.

Sedarilah
irama nista tak pernah lupa
mencari mangsa
menemani duri-duri rapuh
yang mencabar keteguhan diri
yang mencorak destinasi masa depan.

Esok
belum tentu milik kita
marilah bersama berdiri
membina sebuah singgahsana indah
untuk kita hiasi
dengan sebuah kemanisan
yang berpanjangan.

MENGINGATI MATI

Takutkah pada mati?

mati itu pasti!
sama ada takut atau tidak
ia pasti terjadi
bisakah kita lari?
usahlah dicuba
jalan keluar memang tiada!

Apakah mengingatinya
satu kebodohan?
satu kesesiaan?
tidak!

Mengingatinya
segala keburukan
bisa terhalang
segala keterlaluan
bisa diredakan.

Tanpa mengingatinya
kita bisa lupa
bahawa
kita bisa mati
pada bila-bila masa!
mungkin esok, mungkin lusa
mungkin sebentar lagi sahaja!

Hanirah

DALAM PENCARIAN

Benar sekali
hidup tanpa pegangan
selamanya kita akan hanyut
dalam pencarian
yang akhirnya membawa kehancuran
begitu amat memilukan.

Betapa tidak
jika yang disahkan
digantikan dengan kebatilan
kita akan kehilangan punca
pertimbangan!
hidup tidak keruan
dan tidak tahu
ke mana destinasi dituju.

Wahai anak Adam
manfaatkanlah hidup ini
dengan sebaik mungkin
dengan takwa dan yakin
carilah keredaan Allah
dan jadikan sebagai matlamat
sampai ke akhir hayat.

Rahim M. S.

CAHAYA PELANGI

Di bawah cahaya pelangi
apakah yang kutemui
selain warna-warna jingga
melintang di langit wajah.

Di bawah cahaya pelangi
apakah yang kutemui
selain warna-warna senja
bertaburan di langkah jalan.

Di bawah cahaya pelangi
apakah yang kutemui
selain warna-warna termaram
menyelubungi di sepasang mata.

Di bawah cahaya pelangi
kutemui adalah warna-warna
jingga, senja dan termaram
sebagai pengalaman sebelum malam.

Azmi KBA



سوسونن رنچاغن تیلیسیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB ber
menunjuk mana-
jua rancangan

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana ika rancangan

RABU 15 DIS	PAGI			Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
			10.00	RANCANGAN HARI INI					8.50	DRAMA -
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.05	FILIPINO DRAMA -	PETANG			6.11		'Menuju Keredaan'
		KEBANGSAAN		'Memories	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.18	SINAR	9.30	DI BRUNEI
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		(Maalaala Mo Kaya)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.30	GADGET AND GIZMOS	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI -		(Maalaala Mo Kaya)	4.15	RANCANGAN HARI INI			10.30	SUKAN ANTARABANGSA
		Siaran Langsung	11.00	SWITCHING KITCHENS	4.20	SESAME STREET	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	COSBY SHOW
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA -	5.10	GILLETE WORLD OF	7.26	AZAN ISYAK	11.30	MUTANT X SR. 2
	9.15	RAMPAI PAGI -		Ulangan		SPORT	7.30	ECA SR.2	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 16 DIS	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	12.00	SIARAN TAMAT	5.10	ON THE BALL	7.35	SURAH-SURAH PILIHAN
			10.05	FILIPINO DRAMA -			5.35	SKIN DEEP: CHANGING	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		'Memories	PETANG				8.50	AN NUUR -
		KEBANGSAAN		(Maalaala Mo Kaya)	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	RODDICK - Siri Baru		Siaran Langsung
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	MASAKAN TRADISI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.11	BERITA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI -		(DAPUR WARISAN) -	4.15	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	AZAN MAGHRIB	10.30	DRAMA - 'Yang Tersohor'
		Siaran Langsung		Ulangan	4.20	KIDS HOUR : SUPER		FIQHUL MIRATS	11.00	WAYANG PILIHAN -
	9.00	BERITA				LITTLE FANTA				'Deadly Discovery'
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.30	LIPUTAN SEMASA -		HEROES/WE ALL LIVE	7.00	WARTA ISLAM	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
		Sambungan		Ulangan		HERE	7.26	AZAN ISYAK		

JUMATA 17 DIS	PAGI		10.15	THE LEGEND OF ZORRO		JUMAAT- Siaran Langsung		HINDI - Sambungan	7.27	AZAN ISYAK
			10.50	SADDLE CLUB	PETANG		5.35	JACKIE CHAN	7.34	OLEH OLAH REMAJA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.15	APA INI! APA ITU!	1.30	VISI SUCI	5.45	ADVENTURES	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	11.30	BERITA	2.00	TETAMU SUKAN -	6.12	BERITA	9.00	SEMINAR MASJID
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		TRAVELLING THE		Siaran Langsung	6.19	AZAN MAGHRIB	9.30	KEPIMPINAN RAJA
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.45	GLOBE	2.30	LAGENDA - Ulangan	6.30	JALAN MENUJU ALLAH	10.00	QUANTUM SPECIALS
		Siaran Langsung			3.00	TAYANGAN GAMBAR		LIFE	10.40	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.15	TECHNOLOGY		HINDI - 'Har Dil Jo Pyar'			10.55	KHUTBAH JUMAAT
	9.15	RAMPAI PAGI -		STARTERS	3.40	AZAN ASAR				TELEDRAAMA -
		Sambungan	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.47	TAYANGAN GAMBAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	12.15	'18 Lubang'
	10.00	RANCANGAN HARI INI								DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 18 DIS	PAGI		10.05	KIDS HOUR: 'Kid And		MENARA IMPIAN -	3.15	ANDROMEDA YR. 3 -		MALAM
				Kaboodle/Buttons And		'Bidang Perhotelan'		'Is The Wheel Is Fixed'		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		Rusty's'	PETANG		3.41	AZAN ASAR	7.00	DUNIA ASIA
		KEBANGSAAN	10.55	WATER VOICES -	12.55	PANGGUNG PETANG	4.10	BEYOND 2000	7.27	AZAN ISYAK
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		Siri Baru		SABTU - 'Something So	5.00	KIDS HOUR -	7.35	PAN ASIA
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.20	DRAMA- 'Sipugut@Brunet.		Right'		SPIDERMAN/	8.00	BERITA NASIONAL
		Siaran Langsung	bn' - Ulangan	2.20	DOKUMENTARI - 'Integriti	5.45	SUPERMODEL	8.50	HIBURAN HUJUNG	
	9.00	BERITA	11.30	BERITA		Dalam Perkhidmatan	6.12	BERITA	10.00	MINGGU
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.18	AZAN ZUHUR	2.50	Awam'	6.19	AZAN MAGHRIB	10.30	NEWS AT 10
		Sambungan	12.22	DOKUMENTARI -		LIVING	6.30	PEDOMAN AKIDAH	11.30	SIMFONI TANAH AIR
	10.00	RANCANGAN HARI INI						STRANGE BUT TRUE	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 19 DIS	PAGI			KIDZ/GLADIATOR		LEAGUE 2004/2005 -		MASYARAKAT		MALAM
				ACADEMY		PREVIEW	5.05	ANIMATION -	7.00	BRUNEI SIUK SR. 4 -
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.00	PIMPING	1.45	ENGLISH PREMIER		'Sleeping Beauty'		Ulangan
		KEBANGSAAN	11.15	SUNDAY MATINEE -		LEAGUE 2004/2005 -	5.35	TOYOTA WORLD OF	7.28	AZAN ISYAK
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Pippi Longstocking'		HIGHLIGHT		WILDLIFE	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.30	BERITA	2.40	JUARA - Siaran Langsung	5.45	BERITA	8.50	TIRAI KELUARGA -
		Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE -		JASON & ARGONAUTS	6.13	BERITA	10.00	'Memori' -
	9.00	BERITA	12.19	Sambungan	3.10	AZAN ASAR	6.20	AZAN MAGHRIB	10.30	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI -		AZAN ZUHUR	3.41	SEMARAK BUDAYA		PENGAJARAN DARI		TIRAI KELUARGA -
		Sambungan			4.05	KAUNSELING	6.30	AL-QURAN	11.00	Sambungan
	10.00	RANCANGAN HARI INI			4.35			SCIENCE WORKSHOP	11.50	GUARDIAN
	10.10	KIDS HOUR : ROCKET	1.15	ENGLISH PREMIER						DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 20 DIS	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		5.45	BERITA	7.32	HIDANGAN - Ulangan
			10.05	FILIPINO DRAMA -			6.10	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		'Memories	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.17	BIMBINGAN KELUARGA	8.50	DRAMA - 'Woksyop' -
		KEBANGSAAN		(Maalaala Mo Kaya)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.30	ANIMAL PLANET:	9.30	SEMINAR PROMOSI
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	MARI MEMASAK KE	4.15	RANCANGAN HARI INI		THROUGHBRED		KESIHATAN
	6.12	RAMPAI PAGI -		KAMPUNG KAMPUNG -	4.20	ANIMATION -			10.00	NEWS AT 10
		SIARAN LANGSUNG		Ulangan		'Brace Face/Bug's			10.30	SUKAN GLOBAL
	9.00	BERITA				Adventures'				STORY OF SHIPS
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.30	INSIDE HEALTH	5.15	POLICE TRAINING	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
		Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT		ACADEMY	7.28	AZAN ISYAK	11.50	

SELASA 21 DIS	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		6.20	AL ISLAM		'Integriti Pengurusan	
			10.02	FILIPINO DRAMA -			6.30	KID SINAR		Dalam Islam'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		'Memories	4.00	LAGU KEBANGSAAN			9.30	KHAZANAH - Ulangan	
		KEBANGSAAN		(Maalaala Mo Kaya)	4.02	TILAWAH AL-QURAN					
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	SAJIAN OREINTAL -	4.15	RANCANGAN HARI INI	7.00	DRAMA - 'Sayembara'	10.00	NEWS AT 10	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran		Ulangan	4.20	KIDS HOUR - 'The Great	7.29	AZAN ISYAK	10.30	WORST CASE	
		Langsung			Book Of Nature'	7.35	DOKUMENTARI -		SCENARIO		
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA -	5.00	SEA HUNTERS				DARK SKIES	
	9.15	RAMPAI PAGI -		Ulangan	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	11.15		
		Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	6.14	AZAN MAGHRIB	8.50	DOKUMENTARI -	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT	

10 peserta diraikan sempena Sambutan Aidilfitri

GADONG, 7 Disember. - Seramai 10 peserta membabitkan pegawai dan kakitangan awam Pasukan Polis Diraja Brunei diraikan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia ACP Awang Zainuddin bin Jalani menyampaikan penghargaan kepada para pegawai dan kakitangan awam Pasukan Polis Diraja Brunei yang bersara.

Mereka terdiri daripada Setiausaha Sulit Pengarah Gerakan, Dayang Hajah Norbanun binti Haji Ibrahim; Setiausaha Sulit Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dayang Hajah Rosniah binti Mohd. Hassan; Tukang Kebun/Pembersih

Oleh
Aliddin HM

Polis Marin, Dayang Salmah binti Sirat; Tukang Kebun/Pembersih Balai Polis Temburong, Awang Haji Suboh bin Mina; Tukang Kebun/Pembersih Unit Bangunan, Dayang Salmah binti Abdullah dan

Tukang Masak Balai Polis Berakas, Dayang Hajah Naimah binti Yassin.

Turut menerima cenderamata ialah Tukang Kebun/Pencuci Balai Polis Tutong, Awang Md. Yusof bin Abdullah @ Masri Babin; Tukang Kebun/Pencuci Unit Bangunan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Sukor; Tukang

Masak Balai Polis Berakas, Dayang Hajah Laita binti Lamat dan Tukang Kebun/Pencuci Balai Polis Panaga, Dayang Reflin binti Tampil.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Imam Haji Abdullah bin Haji Karim, Imam Surau Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong.



PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia ACP Awang Zainuddin bin Jalani (duduk tengah) bergambar ramai semasa Majlis Penghargaan bagi pegawai dan kakitangan awam Pasukan Polis Diraja Brunei yang bersara. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Anak-anak yatim diraikan di Majlis Sambutan Raya

JALAN MUARA, 4 Disember. - Lebih 20 orang anak yatim dari tiga buah kampung iaitu Kampung Sungai Hanching, Salam-bigar dan Tanah Jambu diraikan di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri yang dianjurkan oleh Persatuan Tiga Kampung Bersatu PER-SATUAN TIBA.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali di sini ialah Yang Dipertua Persatuan berkenaan, Dato Paduka Haji Yaakub bin Haji Ahmad yang juga berucap di majlis tersebut, di samping menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim.

Tetamu kehormat majlis dalam ucapannya berkata sumbangan derma anak-anak yatim itu sengaja disumbangkan selepas Hari Raya Aidilfitri atas tujuan untuk menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak yatim tahun depan. Setiap anak-anak yatim menerima \$100.00, di

Berita dan gambar ihsan
Suhaimi Abdul Hamid

samping derma dari salah sebuah syarikat perniagaan di salah sebuah kampung di kawasan berkenaan. Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Majlis,

Awang Haji Abu Bakar bin Haji Md. Arshad.

Majlis merupakan aktiviti tahunan persatuan yang dihasratkan untuk menyatupadukan para belia dan memupuk serta men-



TETAMU kehormat, Dato Paduka Haji Yaakub bin Haji Ahmad menyampaikan sumbangan derma KOTIBA kepada seorang anak yatim.

gukuhkan tali silaturrahim yang sedia ada di kalangan ahli persatuan di ketiga-tiga buah kampung berkenaan.

Di samping itu majlis juga bertujuan untuk memupuk semangat bersatu padu khususnya kepada para belia dan generasi baru dalam melaksanakan apa jua aktiviti-aktiviti ke-bajikan dalam berpersatuan.

Majlis malam tersebut juga diselenggarakan dengan penyampaian Anugerah Khas Persatuan TIBA kepada empat orang penerima yang juga terdiri dari para pengasas persatuan berkenaan. Mereka terdiri dari Dato Paduka Haji Yaakub bin Haji Ahmad, Haji Harun bin Dato Seri Lela Haji Samat, Haji Gharif bin D.S.L. Haji Samat dan Haji Md. Arshad bin Said. Mereka menerima plaque berserta cenderamata yang disampaikan oleh Pengerusi Tetap Persatuan, Dato Seri Setia Haji Adam bin Ahmad.

Ak. Haji Md. Amilin juara Solo Bintang RTB 2004

Oleh
Aliddin HM

JERUDONG, 4 Disember. - Dengan membawa lagu Cinta Yang Terpendam dan Aku dan Duniaku, penyanyi muda Awangku Haji Md. Khairul Amilin bin Pengiran Haji Yahya atau Amilin, 21, muncul sebagai johan dalam Kategori Solo Bintang RTB 2004 yang berlangsung Dewan Amphitheatre Jerudong Park.

Naib juara dalam Kategori Solo disandang oleh Awang Mohd. Khairul Nazri bin Haji Johari dan Dayang Hasberina binti Asli menduduki tempat ketiga.

Lagu berjudul Bagai-kan Mimpi membawa tuah kepada pasangan duet N & N (Norranelldi Searan dan Normazlina

Emran) apabila muncul johan dalam Kategori Duet dan pasangan Maya pula menjadi naib juara sementara pasangan RM di tempat ketiga.

Juara dalam Kategori Solo menerima wang tunai \$2,000.00, piala iringan, sijil penyertaan berserta piala; naib juara menerima \$1,500.00, piala iringan serta sijil penyertaan dan tempat ketiga menerima \$1,000.00 juga piala iringan dan sijil penyertaan.

Sementara johan, naib johan dan tempat ketiga dalam Kategori Duet juga menerima hadiah yang

sama seperti dalam Kategori Solo.

Pertandingan Akhir Bintang RTB 2004 yang diserikan dengan persembahan artis jemputan dari Malaysia, Ezlynn yang berduet dengan penyanyi tempatan, Awangku Mohd. Yusri bin Pengiran Haji Yahya menerusi lagu berjudul 'Pening'.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal.

Bintang RTB 2004 anjuran Radio Televisyen Brunei disiarkan secara langsung oleh RTB.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Jumin bin Haji Marsal (duduk lima dari kanan) bersama tetamu yang lain menyaksikan Bintang RTB 2004.



PENERIMA Anugerah Khas Persatuan TIBA, Dato Paduka Haji Yaakub (dua dari kanan), Haji Harun bin D.S.L. Haji Samat (kiri), Haji Gharif bin D.S.L. Haji Samat (dua dari kiri) dan Haji Md. Arshad bin Haji Said (kanan). Gambar ihsan: Suhaimi bin Abdul Hamid.

Sambutan diserikan dengan pelbagai persembahan oleh para ahli persatuan, penduduk kampung, para belia dan penuntut Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali. Persatuan TIBA ditubuhkan dan didaftarkan secara rasmi pada 21 November 1962 dan menjadi ahli kepada Majlis Belia Brunei pada tahun 1965. Sehingga kini ianya mempunyai lebih 600 orang ahli.

Kelayakan : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas II ke atas kategori 7 b sahaja.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Bahagian Penghantaran & Pembahagian, Tingkat satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN :

Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran (Kementerian Pembangunan) semasa pembelian Dokumen dan sertakan salinannya semasa menghantar Dokumen Tawaran ini.



**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**MEMBEKALKAN PAKAIAN KAKITANGAN KAUNTER
UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS
BAGI TAHUN 2004**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran Dokumen Tawaran dan pentadbiran sebanyak \$ 30.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
4. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :
MEMBEKALKAN PAKAIAN KAKITANGAN KAUNTER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS BAGI TAHUN 2004 - BIL POS/02/14.11.01 (PT.2) tanpa menunjukkan nama pemborong dan dialamatkan kepada:-

PETI SEBUTAN HARGA
JABATAN PERKHIDMATAN POS
PUSAT MEMPROSES SURAT DAN BUNGKUSAN
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

5. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Khamis 16 Disember 2004** jam 2.00 petang. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis sampul surat tawaran.
6. Tawaran-tawaran yang dihadapkan mestilah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga.
7. Tawaran-tawaran mestilah disertakan dengan perkara-perkara berikut:-
a. Lesen Rampaian bagi kedai jahit.
b. Sijil pendaftaran Perniagaan 16 dan 17 yang menyatakan pemilik-pemilik saham syarikat yang membuat tawaran.
c. Contoh-contoh kain
8. Syarikat-syarikat yang membuat tawaran hendaklah mempunyai kedai jahitan dengan menyatakan alamatnya.
9. Syarikat yang berjaya dikehendaki untuk melakukan urusan penyukatan di semua daerah di negara ini.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

**TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN DISPLAY CABINET UNTUK
JABATAN PERKHIDMATAN POS**

Syarat-Syarat Tawaran :-

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran Dokumen Tawaran dan pentadbiran sebanyak \$ 30.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja.



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 101/2000

THE HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

PG JANUDIN BIN PG HJ JAYA

(K. P. Brunei NO. 068854)

..... Penghutang/Penghakiman/
Penentang

NOTIS PEMBATALAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan yang telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 26 Jun 2003 telah di batalkan pada 18 November 2004.

Nama Penghutang : Pg Janudin bin Pg Hj Jaya

Alamat Penghutang : No. 14, Simpang 271, Kampong Lambak Kiri,
Jalan Berakas BB 1214,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 24 November 2004.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN
- Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
4. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan:-

**MEMBEKALKAN DISPLAY CABINET UNTUK JABATAN
PERKHIDMATAN POS - BIL: POS/05/03/02 (Pt. 5.1.2)** tanpa menunjukkan nama pemborong dan dialamatkan kepada :

PETI SEBUT HARGA

JABATAN PERKHIDMATAN POS,

PUSAT MEMPROSES SURAT DAN BUNGKUSAN,

LAPANGAN TERBANG LAMA,

BERAKAS BB 3510,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

5. Tarikh TUTUP tawaran ialah pada hari **Khamis, 23 Disember 2004** jam 2.00 petang. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.
6. Tawaran-tawaran yang dihadapkan mestilah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga.
7. Syarikat pembekal mestilah menyediakan lukisan display cabinet atau katalog bagi display cabinet yang siap-sedia yang akan ditawarkan dengan menunjukkan spesifikasi.
8. Syarikat yang berjaya dikehendaki membuat penyerahan kesemua display cabinet disemua cawangan Pos seluruh Negara.
9. Tawaran-tawaran mestilah disertakan dengan perkara-perkara berikut:-
a. Katalog.
b. Lukisan-lukisan atau gambar display cabinet hendaklah disertakan.
c. Salinan Lesen Rampaian yang sah.
d. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 dan 17.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.



**JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BILANGAN TAWARAN: KASTAM/ 4 /2004

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF CCTV SECURITY SYSTEM TOGETHER WITH RELATED HARDWARE AND SOFTWARE FOR THE ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT'S CHECKPOINT OF SUNGAI TUJOH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM".

2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi setelah Bayaran Yuran Dokumen Tawaran berjumlah \$100.00 (tidak dikembalikan) dijelaskan di kaunter:

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN PELANGGAN
IBU PEJABAT KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

pada SETIAP HARI ISNIN hingga KHAMIS dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang DAN hari SABTU dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

3. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Isnin, 20 Disember 2004 jam 10.30 pagi.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-
"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF CCTV SECURITY SYSTEM TOGETHER WITH RELATED HARDWARE AND SOFTWARE FOR THE ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT'S CHECKPOINT OF SUNGAI TUJOH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan dan ditandakan seperti berikut:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN NEGARA
BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. Dokumen-dokumen Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 20 Disember 2004**.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Kementerian Kewangan, Tingkat I, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau Dokumen Tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Kementerian Kewangan, Tingkat I, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang telah ditetapkan.)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu boleh dilihat diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut:

Kelas Penender	I	II	III	IV	V		
Dokumen - Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00	\$2,000.00
Dokumen - elektronik	-	-	-	\$155.00	\$280.00	\$530.00	\$1,030.00

6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berke-
layakan dan berdaftar di dalam kelas V (IV, V & VI) di kategori
1 & 4(d) sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 8 Januari, 2005. Tarikh tutup hari Isnin, 17 Januari 2005 hingga jam 2.00 petang.

**BIL: JKR/DDS 047/2004 CDE(HAHD) - T. V. : PERLAKSANAAN
PEMBAIKAN PENGALIRAN DI KAMPONG LAMUNIN, KON-
TRAK 2 : SUNGAI ABANG DAN SUNGAI KEBIA. No. Projek :
04/DDS/CDE(HAHD)/831-017. Yuran Tawaran : \$250.00. Yuran
Dokumen-E : \$30.00. Jumlah Yuran : \$280.00 (Tidak dikemba-
likan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di
dalam kelas I, II, & III di bawah kategori 2 & 6d sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 30 Disember 2004. Tarikh tutup hari Selasa, 4 Januari 2005 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam).

**BIL: JKR/DTS/31/SAR/2004 - T/II : CADANGAN MENGUBAH-
SUAI BILIK MESYUARAT WAWASAN KPSU MIPR. No. Projek :
DTS/SAR/08/2004. Jumlah Yuran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikem-
balikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar
dalam kelas II, III kategori 4a sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Khamis, 23 Disember 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup tawaran pada hari Selasa, 28 Disember 2004.

**BIL: JKR/DBSBM047/2004 : MENGGANTI PAGAR KAWASAN
BERHADAPAN JALAN BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BA-
NGUNAN JKR NO. 108, PEJABAT PERABOT JKR NO. : 113,
JABATAN KAJI TANAH DAN BUMI JKR NO. 131, JALAN**

**LAPANGAN TERBANG LAMA, NEGARA BRUNEI DARUS-
SALAM. No. Projek : 2004DBSBM/JKR 015). Yuran Tawaran :
\$25.00 (Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar
dalam kelas III, IV & V (kategori 3 sahaja).**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 8 Januari 2005 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup tawaran tidak lewat hari Isnin, 17 Januari 2005.

**BIL: JKR/DWS/DWE/045/2004 - S : KERJA-KERJA
MENINGKATKAN LOJI RAWATAN AIR, TASEK - FASA II
REPLACEMENT OF EXISTING PRESSURE FILTERS & APPUR-
TENANCES MECHANICAL, SMALL POWER ELECTRICAL.,
INSTRUMENTATION & TELEMETRY WORKS (VOTE NO. : S.K.
03A-500300-K10922). Yuran Dokumen : \$125.00. Yuran Tawaran :
\$125.00. Jumlah Yuran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di
dalam kelas IV di bawah kategori 2 sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 24 Januari 2005. Tarikh tutup hari Selasa, 8 Februari 2005 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam).

**BIL: JKR/DTS/32/SAR/2004 - T/IV : PENJARA MARABURONG,
FASA II. No. Projek : DTS/SAR/D/512. Jumlah Yuran Tawaran :
\$1,300.00 (Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar
dalam kelas IV, V & VI kategori 2 sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 11 Disember, 2004 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup Tawaran pada hari Isnin, 20 Disember 2004.

**BIL: JKR/DBSKB048/2004 : PEMBINAAN BARU BANGUNAN
10 UNIT KELAS "C" 2 TINGKAT BAGI BRUNEI KAMPONG
PANDAN 8 KUALA BELAIT, BELAIT GARISON DI KAMPONG
PANDAN 8, KUALA BELAIT, DEARAH BELAIT [PERINGKAT 1].
No. Projek : 2004DBSKB/KPT04. Bayaran Tawaran : \$500.00
(Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar
dalam kelas V & VI kategori 2 sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Khamis, 23 Disember, 2004. Tarikh Tutup Tawaran pada hari Selasa, 28 Disember 2004 hingga jam 2.00 petang.

**BIL: JKR/DOD/19/2004 : BANGUNAN CITY HALL. No. Projek :
JKR/DOD/SED/VOTE : 910-050/02. Jumlah Yuran Tawaran :
\$1,000.00 (Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar
dalam kelas II dan III di kategori 2 sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 18 Disember, 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup tawaran pada hari Isnin, 20 Disember 2004.

**BIL: JKR/DBSEB 019/2004 : PEMBINAAN GARAJ PEGAWAI
KANAN BKN (BIRO KAWALAN NARKOTIK), NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM. No. Projek : (JKR/2004DBSEB/BKN 04). Yuran
Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar
dalam kelas II dan III di kategori 2 sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 18 Disember 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup tawaran pada hari Isnin, 20 Disember 2004.

**BIL: JKR/DBSEB 020/2004 : MEMBINA BLOK PENTADBIRAN
SEKOLAH MENENGAH MUDA HASHIM TUTONG, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM. No. Projek : (JKR/DBS806/2800). Yuran
Tawaran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar
dalam kelas II, II, III & IV kategori I sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Rabu, 8 Disember, 2004. Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 18 Disember 2004 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup tawaran tidak lewat hari Isnin, 20 Disember 2004 jam 2.00 petang. (Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan).

**BIL: JKR/DOR/SRM 50/2004 : MENGUBAHSUAIAN STRUKTUR
PERPARITAN DI DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2)
TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Yuran Dokumen :
\$25.00. Yuran Tawaran : \$25.00. Jumlah Yuran : \$50.00 (Tidak
dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berke-
layakan dan berdaftar dalam kelas II (II & III) dikategori 3 saha-
ja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Khamis, 23 Disember, 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Selasa, 28 Disember 2004.

**BIL: JKR/DDS 046/2004 (SEW) - T. II. : MENGGANTI PAIP
PEKANAN DAN MEMBINA RUANG INJAP UNTUK STESEN
PAM PEMBETUNGAN JALAN DHOBY, BERAKAS GARISON.
No. Projek : 04/DDS/(SEW)/SB.02A-15025-K08913. Yuran
Tawaran : NIL. Yuran Dokumen : \$25.00. Jumlah Yuran : \$25.00
(Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar
dalam kelas III, IV & V sahaja (kategori 3 sahaja).**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 18 Disember 2004 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup tawaran tidak lewat hari Isnin, 20 Disember 2004.

**BIL: JKR/DWS/SWE/043/2004 - B : KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DI LOJI PENAPISAN AIR
BUKIT BARUN (VOTE NO. : B08110). Yuran Dokumen : \$125.00.
Yuran Tawaran : \$125.00. Jumlah Yuran : \$250.00 (Tidak dikem-
balikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berke-
layakan dan berdaftar dalam kelas III (II, III & IV) di kategori 3
sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 18 Disember, 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 20 Disember 2004.

**BIL: JKR/DDS 043/2004 (SEW) - T. III : MENGENDALI DAN
MEMELIHARA SISTEM PEMBETUNGAN SECARA VAKUM DI
KAMPONG SUNGAI BUNGA. No. Projek : 04/DDS
(SEW)/SK03A-500300 BO8110. Yuran Tawaran : \$25.00. Yuran
Dokumen : \$25.00. Jumlah Yuran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berke-
layakan dan berdaftar dalam kelas V (IV, V & VI) dikategori 3
sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 11 Disember, 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 27 Disember 2004.

**BIL: JKR/DDS 044/2004 SEW (BPMS) - T. V. : TELEMETRI
UNTUK SISTEM SALURAN NAJIS BANDAR SERI BEGAWAN.
No. Projek : 04/DDS/SEW (BPMS)816-007. Yuran Tawaran :
\$250.00. Yuran Dokumen-E : \$30.00. Jumlah Yuran : \$280.00
(Tidak dikembalikan).**

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berke-
layakan berdaftar dalam kelas III (III & IV) kategori 3 sahaja.**

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 18 Disember 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup tawaran tidak lewat hari Isnin, 20 Disember 2004.

**BIL: JKR/DDS 045/2004(SWE) - T. III : MENGOSONG DAN MEM-
BERSIHKAN STESEN PENGEPAM PEMBETUNGAN DAN LOJI
RAWATAN DI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, MUARA,
BERAKAS, TUTONG DAN TEMBURONG, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM. No. Projek : 04/DDS(SEW)/SK034 - 500 300 -
B02970. Yuran Dokumen : \$25.00. Yuran Tawaran : \$25.00.
Jumlah Yuran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).**



**JABATAN KASTAM
DAN EKS AIS DIRAJA
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN KEWANGAN**

... JUALAN LE LONG ...

DIMAKLUMKAN bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Kuala Belait akan mengadakan jualan lelong seperti berikut:-

KETERANGAN BARANG	RUJUKAN KEBENARAN	TARIKH/MASA/ TEMPAT
JENIS HAWA DINGIN		
1. SATU (1) UNIT GENERAL SPLIT	KKW/Z/493/21	Hari Selasa, 28 Disember 2004 jam 9.00 pagi bertempat di Ibu Pejabat Cawangan Kastam Daerah Belait
2. LAPAN (8) UNIT CARRIER SPLIT UNIT	KKW/Z/493/21	
3. ENAM (6) UNIT NATIONAL RAC	KKW/Z/493/21	
4. SATU (1) UNIT GENERAL RAC	KKW/Z/493/21	
5. SATU (1) UNIT HITACHI RAC	KKW/Z/493/21	

Syarat-Syarat Lelong adalah seperti berikut :-

1. Peserta yang berjaya hendaklah membayar dengan wang tunai sahaja pada hari tersebut kepada Pegawai Kastam yang dilantik.
2. Peserta yang berjaya hendaklah memindah barang lelong yang dibelinya daripada lokasi jualan lelong selewat-lewatnya tiga (3) hari dari tarikh lelong tersebut.
3. Mana-mana barang yang tidak dipindah selepas jualan itu nanti, Jabatan kastam dan Eksais Diraja tidak akan bertanggungjawab ke atas barang-barang berkenaan.



JAWATAN KOSONG DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**1. PENTERJEMAH ARAB (BILANGAN KOD : 000 00 018)
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
TANGGAGAJI : C2 EB 3 (\$ 1,450.00 - \$ 2,270.00)**

KELAYAKAN :

- Mempunyai Diploma Pengajian Islam atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi yang bersesuaian jawatan ini adalah satu kelebihan. ATAU
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang penterjemahan (Arab/Melayu/Arab) atau pernah mengajar dalam Bahasa Arab tidak kurang dari 5 tahun.
- Mempunyai kebolehan menaip dalam Bahasa Arab.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Menjalankan tugas-tugas penterjemahan dari Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu dan sebaliknya.
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.

NOTA :

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai Laporan Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan.

AM :

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN :

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan dan salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam boring permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan Borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan boring tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada:-

Urusetia Lembaga Kakitangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat 3, Jalan Menteri Besar, Berakas BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup permohonan : **Hari Sabtu, 18 Disember 2004**

Bilangan Pendaftaran : 06/2004

Rujukan : TM/JUB/10/69



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

**KENYATAAN TAWARAN
BILANGAN TAWARAN : 01/12/2004/KKBS/PJK/16.3**

TAJUK : KONTRAK PENGGAL DUA TAHUN BAGI PEMELIHARAAN DAN PEMBERSEKIHAN KAWASAN TAMAN JUBLI ANDUKI, DAERAH BELAIT

- TAWARAN dibukakan kepada pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan yang sah dalam Kelas I, II atau III di kategori 4c/4d sahaja.
- Tawaran hendaklah dihidupkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dengan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BA1210, Negara Brunei Darussalam dan dihantar ke alamat di para tiga menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

- Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang di sediakan di Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan tidak lewat jam 2.00 petang hari **Selasa, 28 Disember 2004**.
- Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran adalah pada hari Khamis, 23 Disember 2004 jam 3.00 petang.
- Yuran Tawaran adalah \$50.00 dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').
- Dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Sebelum Dokumen-dokumen Tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Yuran Tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3058.
JPPK/LTN/62/2004**

REVAMPING OF 200 VOLTS, 400 HERTZ, 3-PHASE TO ELECTRICAL POWER SYSTEM TO REPAIR WORKSHOP AND RAPIER TRAINING CENTRE AT PENANJONG GARISON.

Bayaran Tawaran : \$125.00 (Tidak dikembalikan).

Bayaran Dokumen : \$125.00 (Tidak dikembalikan).

Kelas : Kelas IV.

Kategori : 6(f), 7(a), 7(b).

Tempoh disiapkan : Enam (6) bulan.

Completion Period : (6 months)

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 20 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Blok K14, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 17 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3061.
JPPK/LTN/66/2004**

PENGUBAHSUAIAN PEMBAIKAN RUMAH MASAK TUTONG KEM (CAMP).

Dokumen Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Kelas : Kelas III.

Kategori : 2 & 4a.

Tempoh disiapkan : Enam (6) bulan.

Completion Period : Six (6) Months

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok 150, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Bolkiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Selasa, 28 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan Bolkiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 24 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3060.
JPPK/LTN/65/2004**

PENGUBAHSUAIAN PEMBAIKAN RUMAH MASAK BOLKIAH GARISON.

Dokumen Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Kelas : Kelas III.

Kategori : 2 & 4a.

Tempoh disiapkan : Enam (6) bulan.

Completion Period : Six (6) Months

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok 150, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Bolkiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Selasa, 28 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan Bolkiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 24 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3059.

JPPK/LTN/63/2004

PROPOSED NEW INSTALLATION OF EXHAUST FAN TO CLASS 'B' AND 'C' MARRIED QUARTERS AT RBAF AND GRU CAMPS.

Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Kelas : Kelas III.

Kategori : 7(a).

Tempoh disiapkan : Enam (6) bulan.

Completion period : Six (6 months).

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garrison, BB 3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Selasa, 4 Januari 2005**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Blok K14, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 31 Disember 2004 jam 10.00 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3050.

JPPK/LTN/55/2004

PERIODIC EXTERNAL REDECORATION & GENERAL REPAIRS TO TECHNICAL BUILDINGS AT SUNGAI AKAR CAMP.

Bayaran Tawaran :

Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Kelas : Kelas II.

Kategori : 4(a).

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 27 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Blok K14, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 24 Disember 2004 jam 10.00 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/T/3033 (B).

JPPK/LTN/47/2003 (B).

PENGKALAN TENTERA UDARA ABDB : PACKAGE NO. 9 CONSTRUCTION AND COMPLETION OF GROUND DEFENCE

SQUADRON HEADQUARTERS.

Bayaran Dokumen : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

Bayaran Tawaran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

Kelas : Kelas V.

Kategori : 2.

Tempoh disiapkan : Tujuh belas (17) bulan.

Completion period : Seventeen (17 months).

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 20 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Blok K14, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 17 Disember 2004 jam 10.00 pagi.

WAKTU BAGI MENERIMA BAYARAN :

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan

2.00 petang - 3.30 petang.

Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

- Bayaran Tawaran 'Tender Fee' dan 'Document Fee' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- Pembekal adalah dikehendaki membayar semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur ('bona-fide tender'). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang pa-ling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
- Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.



BIRO KAWALAN NARKOTIK JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran: (66) BKN/S/65/95 J.7

PENGUBAHSUAIAN BEKAS UNIT ANJING PENGESAN DADAH

TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat syarikat / pemborong berdaftar bagi pengubahsuaian bekas Unit Anjing Pengesan Dadah di Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik, Jalan Tungku Gadong.

1. Tawaran tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 20 Disember 2004**

Bilangan Tawaran: (67) BKN/S/65/95 J.7

PENGUBAHSUAIAN CAWANGAN BIRO KAWALAN NARKOTIK TUTONG

TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat syarikat / pemborong berdaftar bagi pengubahsuaian Cawangan Biro Kawalan Narkotik Tutong, iaitu bagi bangunan Cawangan Pejabat Biro Kawalan Narkotik yang terletak di Kampong Sungai Basung, Daerah Tutong.

1. Tawaran tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 20 Disember 2004**

Bilangan Tawaran: (68) BKN/S/65/95 J.7

PENGUBAHSUAIAN CAWANGAN BIRO KAWALAN NARKOTIK TEMBURONG

TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat syarikat/pemborong berdaftar bagi pengubahsuaian Cawangan Biro Kawalan Narkotik Temburong, iaitu bagi bangunan Cawangan Pejabat Biro Kawalan

Narkotik yang terletak di Daerah Temburong.

1. Tawaran-tawaran tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 20 Disember 2004**.
2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut diatas tidak akan dilayan.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.

4. Dokumen tawaran boleh didapati dari Cawangan Pentadbiran, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Tungku Gadong.
5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
6. Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup, ditulis bilangan dan nama tawaran, tanpa menunjukkan indentiti pemborong kepada; Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Level 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BILANGAN TAWARAN: JL/7/2004

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "GLOBAL MARITIME DISTRESS SAFETY SYSTEM (GMDSS) (SHORE AND SHIPS STATION)" PHASE 2 untuk Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Serasa, Muara, Negara Brunei Darussalam.
2. Butir-butir lengkap tawaran dan syarat-syarat am kontrak boleh didapati oleh pihak pembekal dengan pembayaran Yuran \$ 10.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu berkerja dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Serasa, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa menyatakan nama penender, yang bertanda "GLOBAL MARITIME DISTRESS SAFETY SYSTEM (GMDSS) (SHORE AND SHIPS STATION)" PHASE 2. JL/7/2004 di bahagian atas sebelah kiri.

- (i) Bahagian Perdagangan dan Kewangan dialamatkan kepada:-

Pengerusi Lembaga Tawaran Negara,
Kementerian Kewangan,
Level 16, Bangunan Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive,
Simpang 259, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

- (ii) Buku-buku panduan, katalog-katalog dan contoh-contoh (jika ada) dialamatkan kepada:-

Pengarah Laut,
Jabatan Laut,
Kementerian Perhubungan, Serasa, Muara BT 1726,
Negara Brunei Darussalam.

4. Semua tawaran hendaklah sampai di alamat-alamat yang dinyatakan tidak lewat dari **27 Disember 2004** jam 2.00 petang (Isnin).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terikat bagi menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

... JUALAN LELONG ...



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu satu jualan lelong barang-barang yang terdapat di dalam senarai di bawah akan diadakan pada hari **Khamis, 30 Disember 2004**.

KETRANGAN BARANG	TARIKH/ MASA/ TEMPAT LELONG
HARTA BENDA KERAJAAN i) Mesin-mesin Rumpuk Sikut ii) Mesin-mesin Rumpuk Surung iii) Chainsaw iv) Engine Pump ROBIN EY15D v) Engine Self-Priming Pump YANMAR SP/80-N 17 vi) Generator Air Cooled YDG 3501E-5B vii) 5 Buah Kenderaan a) St.Wagon SUBARU - BG 6126 b) Tipper Truck DAIHATSU - BG 6581 c) MITSUBISHI PAJERO - BG 6975 d) Land Rover DISCOVERY - BG 7759 e) JCB Excavator Loader - BG 7238	Hari Khamis 30 Disember 2004 jam 9.30 pagi di Pusat Perhutanan Brunei, Sungai Liang.

Lelong ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

- (1) Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan dikehendaki memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat dua minggu dari tarikh perlelongan tersebut.
- (2) Pembeli yang berjaya dikehendaki memberi cukai kastam jika diperlukan.
- (3) Barang-barang yang telah dibeli akan tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh dua minggu dari tempoh perlelongan ini akan dirampas dan dilelong semula.



JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPONG MENENGAH DAN KETUA KAMPONG SENUKOH

PENDUDUK-PENDUDUK Kampong Menengah dan Kampong Senukoh Daerah Temburong adalah dipelawa untuk mencalonkan penduduk-penduduk kampung yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan KETUA KAMPONG MENENGAH dan KETUA KAMPONG SENUKOH dengan syarat-syarat berikut:-

TANGGAGAJI : C1 EB2 iaitu \$1,280.00 hingga \$ 1,930.00 SEBULAN

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPONG MENENGAH DAN KETUA KAMPONG SENUKOH:-

- 1) Setiap calon Ketua Kampung hendaklah:-
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya;
 - c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut;
 - d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya;
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara;
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam,

kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan;

- g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan;
- h) Tidak pernah diisytiharkan mufis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharkan mufis telah dibatalkan oleh mahkamah.

- 2) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipertimbangkan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
- 3) Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
- 4) Seorang pencadang dan dua (2) orang penyokong yang mencalonkan Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapi sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Temburong.
- 5) Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung)

CARA MEMOHON

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh diperolehi di Jabatan Daerah Temburong pada waktu-waktu pejabat dibuka. Setiap borang hendaklah diisi dengan lengkap sebagaimana yang dikehendaki. Borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima. Borang pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Temburong (U.P. : Bahagian Institusi Mukim dan Kampung) tidak lewat pada hari **Sabtu, 22 Januari 2005** jam 4.00 petang.



RANCANG PERJALANAN AWDA DENGAN RAPI